



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3193]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Mogok Lapar di Pulau Jerejak/Pusat Pemulihan Akhlak Muar—Tuan Gooi
Hock Seng [Ruangan 3274]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah [Ruangan 3279]

Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-
peruntukan Khas) (Pindaan) [Ruangan 3322]

Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 3339]

USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3345]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Bilangan Murid dalam Kelas dan Kemudahan [Ruangan 3345]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

.. Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RIIHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Renggam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA
BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH
SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD
(Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala
Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N.
(Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- .. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- .. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- .. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- .. DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 17hb Julai, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANPEMBEDAHAN MAYAT ORANG
ISLAM—JAWATANKUASA KHAS

1. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan sehingga setakat ini apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa Khas mengenai cadangan mengecualikan pembedahan mayat orang-orang Islam di negara ini; bilakah kajian yang dibuat oleh Jawatankuasa itu dapat diserahkan kepada Kementerian Kesihatan untuk tindakan selanjutnya; dan adakah pihak Kementerian Kesihatan boleh memberi jaminan bahawa setiap keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas itu akan dipatuhi sepenuhnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, soal mengecualikan pembedahan post-mortem ke atas mayat orang-orang Islam adalah suatu perkara yang memerlukan kajian yang mendalam kerana ianya menyentuh beberapa aspek undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini sekarang. Oleh itu satu Jawatankuasa Kecil Teknikal telah ditubuhkan untuk membuat kajian yang mendalam

mengenai dengan perkara itu. Perakuan-perakuan Jawatankuasa Kecil Teknikal ini akan dikaji oleh Jawatankuasa Khas yang akan bersidang tidak lama lagi.

Jawatankuasa Khas akan membuat perakuannya kepada pihak Kerajaan dan sekiranya Kerajaan telah membuat sesuatu dasar mengenai sesuatu perkara maka tidak timbul soal sama ada sesebuah jabatan Kerajaan akan mematuhinya ataupun tidak.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri mengenai kajian untuk menamatkan post-mortem bagi mayat-mayat orang Islam. Nampaknya adalah kajian itu memakan masa yang begitu panjang maka ingin saya tahu, adakah satu daripada kajian diadakan dalam jurusan-jurusan agama, apakah pandangan-pandangan agama ataupun hukum dalam Islam dalam segi post-mortem ataupun pembedahan mayat-mayat orang Islam ini? Adakah kajian itu termasuk kajian dalam pandangan-pandangan Islam selain daripada kajian-kajian dibuat dari segi undang-undang? Terima kasih.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kecil pada masa ini adalah merupakan kajian tentang praktis yang dilakukan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan. Ini dibuat kerana kita ingin memastikan sama

ada rasa tidak puas hati yang timbul di kalangan orang Islam itu berpunca dari ajaran Islam atau berpunca daripada praktis yang dilakukan oleh pusat-pusat yang berkenaan.

Mengenai dengan pandangan Islam atau kajian dari aspek Islam, sudah dipastikan iaitu sekiranya kes-kes yang tertentu memerlukan kepada pembedahan mayat untuk kepentingan satu perkara yang melibatkan nyawa manusia maka itu memang dibolehkan oleh Islam.

EKONOMI PENDUDUK LUAR BANDAR—MENINGKATKAN

2. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah program-program khusus yang telah dan akan disusun bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk-penduduk luar bandar.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian saya telah lama terlibat dalam berbagai usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk-penduduk luar bandar melalui beberapa program pembangunan yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi di bawah Kementerian saya. Program-program tersebut termasuklah penyediaan kemudahan-kemudahan asas, pinjaman, kursus latihan, bimbingan dan sebagainya.

Sejak tahun 1982 Kementerian saya melalui Bahagian Industri Kampung telah juga memperkenalkan program pembangunan-pembangunan industri kampung di mana industri-industri akan didirikan di kampung-kampung diusahakan sendiri oleh orang-orang kampung dan menghasilkan barang-barang tradisional atau modal yang mudah dan sesuai untuk dipasarkan.

Industri-industri ini menggunakan bahan-bahan tempatan seperti kayu, buluh, rotan, tanah liat dan sebagainya.

Program ini menumpukan kepada pengusaha-pengusaha individu yang telah sedia ada menjalankan perusahaannya untuk mengeluarkan bahan-bahan anyaman, hiasan dan sebagainya atau kepada Koperasi Industri Kampung yang telah ditubuhkan untuk tujuan itu.

Melalui program ini mereka diberi bantuan membeli alat mesin-mesin, mendirikan bengkel dan juga kemudahan pasaran melalui syarikat pemasaran KARYANEKA Sdn Bhd dan Batik Malaysia Bhd.

Bagi bekas pelatih-pelatih Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia mereka diberi kebenaran untuk menggunakan kemudahan-kemudahan di pusat-pusat gunasama bagi mempraktikkan apa yang telah mereka pelajari.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seramai 35 orang pengusaha individu telah mendapat bantuan tersebut. Sementara seramai 260 orang lagi dijangka akan diberi bantuan menjelang tahun ini.

Koperasi-koperasi Industri Kampung yang sedang berjalan ialah sebanyak 12 buah dan 25 buah lagi akan didirikan tahun ini. Sementara ini 4 buah pusat gunasama lagi akan didirikan bagi menambah dua buah pusat yang ada sekarang.

Menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelima Kementerian berharap ia akan dapat membantu dan mewujudkan seramai 1,300 pengusaha individu dan 130 koperasi industri kampung. Sementara tindakan-tindakan ini diambil Kementerian saya sedar bahawa ia tidak mencukupi untuk mempercepatkan peningkatan taraf ekonomi penduduk-penduduk luar bandar. Oleh kerana itu satu

program yang dinamakan AVID (Accelerated Village Industry Development) ataupun Program Mempercepatkan Kemajuan Industri Kampung yang telah kita mulakan. Program ini sedang dilaksanakan melalui sebuah syarikat bernama Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung Sdn Bhd yang akan mendirikan kilang-kilang kayu, rotan, buluh dan sebagainya di kampung-kampung. Penduduk-penduduk kampung dan luar bandar akan dilibatkan dalam program ini sebagai pekerja kilang yang akan ditubuhkan ataupun sebagai pemilik sahamnya.

Adalah dijangka lebih kurang 7 buah kilang akan dapat didirikan dalam tahun 1985 dan 1986 ini. Jumlah kilang ini dijangka akan dapat ditambah menjadi tidak kurang daripada 50 buah kesemuanya mengikut perancangan asal program ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara penubuhan kilang-kilang industri kampung ini dan projek-projek bantuan yang ada sekarang Kementerian saya percaya usaha kita untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar akan dapat dicapai jua.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar ini Kementerian ini menerusi KEMAS lebih menekankan kepada pembangunan sosial iaitu mengubah sikap masyarakat ke atas pembangunan. Oleh yang demikian, kebanyakan aktiviti KEMAS lebih merupakan pendidikan secara tidak formal serta pendidikan masyarakat untuk memupuk kesedaran di kalangan anggota masyarakat supaya turut serta dan mengambil bahagian secara aktif dalam setiap rancangan

Kerajaan yang dijalankan di samping berusaha meninggikan taraf hidup mereka.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, KEMAS juga ada menjalankan aktiviti yang bercorak ekonomi iaitu melalui kumpulan ekonomi rumah tangga dan juga kumpulan latih kerja.

Sungguhpun aktiviti-aktiviti ini menekankan unsur-unsur pendidikan secara tidak formal tetapi ia juga membawa tujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar. Melalui aktiviti-aktiviti ini peserta diberi kemahiran asas dalam bidang-bidang tertentu seperti motor mechanic, jahitan, sulaman, pertukangan kayu, kraftangan dan lain-lain.

Aktiviti seperti ini akan dapat membantu mereka untuk menambahkan pendapatan dan seterusnya meninggikan taraf hidup mereka khususnya dan masyarakat luar bandar amnya.

KEMAS sentiasa memberikan galakan agar mereka terus berusaha menambah pengalaman dan pengetahuan seterusnya menceburi lapangan-lapangan ini sepenuh masa sebagai sumber pendapatan sekiranya ia menguntungkan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi ada menekankan bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah melaksanakan industri-industri kampung ini berasaskan kepada bahan-bahan kampung untuk dijadikan kraftangan dan sebagainya.

Adakah Kementerian ini sedar bahawa dengan industri yang tersebut tidak mencukupi dan memadai untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk di luar bandar. Dengan sebab itu, adakah Kementerian ini

bercadang supaya corak industri luar bandar itu diperluaskan kepada industri-industri kecil yang berbentuk daripada bahan tempatan hasil daripada pengeluaran di dalam kampung di luar bandar itu. Umpamanya katalah di kawasan saya sendiri, iaitu kawasan kelapa, adakah Kementerian ini bercadang untuk menggalakkan penduduk-penduduk luar bandar di kawasan saya itu mendirikan industri yang berasaskan bahan-bahan daripada kelapa untuk dijual bahan makanan dan sebagainya?

Tuan Abdilllah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian kita sedar bahawa banyak rancangan-rancangan Kementerian ini tidak mendapat kejayaan. Walau bagaimanapun, pada masa ini kita masih percaya bahawa segala rancangan-rancangan yang kita adakan terutama sekali rancangan-rancangan industri kecil di kampung-kampung ini saya percaya akan mendapat kejayaan dengan penglibatan masyarakat yang tinggal di luar bandar.

Bagi soalan Yang Berhormat sebentar tadi berkenaan kawasan Yang Berhormat, saya akan mengkaji. Saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat adakah kawasan itu akan terlibat dalam rancangan-rancangan industri kampung ini.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau menyatakan program industri kampung telah diperkenalkan ke luar bandar untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk-penduduknya. Apakah beliau sedar kebanyakan kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan ladang terletak di luar bandar yang merupakan kawasan-kawasan mundur? Menjelang Rancangan Malaysia Kelima apakah rancangan industri kampung tersebut akan diwujudkan di kampung-kampung

baru dan kawasan-kawasan ladang supaya penduduk-penduduknya dapat menggembeling tenaga untuk menambahkan wang pertukaran asing negara kita.

Tuan Abdilllah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Yang Berhormat bahawa Kementerian ini tidak melaksanakan projek-projek industri kampung ini di kawasan-kawasan kampung baru, saya ingin mengesyorkan Yang Berhormat bahawa Kementerian akan mengambil perhatian dan semestinya. Untuk makluman Yang Berhormat, semua kampung-kampung di negara ini semestinya akan dibangun dan pertumbuhan pembangunan industri kampung ini akan kita buat menjelang Rancangan Malaysia Kelima ini.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, memanglah Kementerian menggalakkan supaya industri kampung ini dapat kita pergiatkan, dapat kita banyakkkan agar akan dapat menambah, akan dapat membolehkan pertukaran wang negara ini dengan negeri-negeri yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat tidak hadir).

PERANG KAMPUCHEA/ VIETNAM—CADANGAN RUNDINGAN “PROXIMITI”

4. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimanakan pihak berkuasa yang terlibat dalam perang Kampuchea dan Vietnam menerima cadangan yang dirintiskan oleh Malaysia bagi perundingan “proximiti” untuk mengatasi masalah Kampuchea dan sama ada semua negara-negara ASEAN, khususnya Singapura memberi sokongan penuh kepada konsep itu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Cadangan Rundingan Berperantara ini adalah merupakan cadangan ASEAN. Ini bermakna ke semua negara-negara anggota ASEAN menyokong penuh cadangan tersebut.

ASEAN telah pun mengemukakan cadangan tersebut kepada pihak Vietnam pada 8hb Julai yang lepas melalui Duta Besar Malaysia di Hanoi. Setakat ini, kita belum menerima apa-apa jawapan rasmi dari pihak Vietnam mengenai cadangan tersebut.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, menurut laporan suratkhbar Vietnam telah menolak Cadangan Rundingan "Proximiti" yang disebutkan.

Kedua, apakah pandangan Amerika Syarikat atas Cadangan Rundingan "Proximiti" yang dicadangkan oleh Malaysia dan ASEAN?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kita ada cara tidak rasmi peraturan iaitu Kerajaan kita tidak ada perhubungan diplomatik ataupun cakap-cakap diplomatik melalui mass media. Jadi

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebenarnya memang Ahli-ahli tidak boleh bertanya mengesahkan sama ada apa yang disiarkan dalam akhbar-akhbar adalah benar atau tidak.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Jadi sepertimana saya sebutkan tadi, kita tidak adalah perhubungan melalui apa-apa mass media, dan saya sukalah mengatakan sepertimana yang saya sebutkan tadi kita tidak menerima apa-apa jawapan daripada pihak Vietnam cara rasminya. Sekarang ini kita telah pun

memberi tawaran serta cadangan kita melalui Duta kita di Hanoi. Kita berharap begitu juga jikalau mereka hendak mengadakan jawapan balas perlulah saya rasa mengikut saluran yang sama.

Soalan yang kedua, apakah pandangan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat telah pun memberi pandangan mereka menyokong penuh di atas cadangan ASEAN ini, di mana cadangan ini adalah satu cadangan menyelesaikan masalah Kampuchea ini secara politik. Itulah secara ringkas di atas pendirian Amerika Syarikat. Saya suka menyatakan cara-cara ini akan juga memberi jaminan supaya tidak mengakui iaitu 'recognition' kepada pihak pemerintah Heng Samrin dengan adanya rundingan perantaraan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Soviet Union ada pemimpin yang baru Gorbachev, adakah Malaysia atau ASEAN berhasrat untuk mendesak, berhubung atau berunding dengan beliau supaya Soviet Union boleh memainkan satu peranan yang lebih positif dalam perkara untuk menyelesaikan masalah Kampuchea oleh kerana sokongan yang diberi oleh Soviet Union kepada Vietnam dalam perkara ini?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa mengakuilah dalam masalah Kampuchea dan bukan sahaja masalah Kampuchea tetapi di dalam semua masalah politik, masalah dunia, perlu kita mengambilkira di atas Super Powers seperti Soviet Union, Amerika, China dan Super Powers yang lain supaya mereka juga diberikan kerjasama yang penuh untuk mencari penyelesaian Kampuchea khususnya. Dan ASEAN sentiasa berhubung dengan Soviet menyatakan: Soviet kamu janganlah memberikan pertolongan kepada Vietnam yang boleh memberikan akibat yang buruk di dalam kita

hendak mencarikan penyelesaian, kerana sokongan ini seperti memberikan senjata dan sebagainya akan memudaratkan lagi kedudukan masalah ini di Asia Tenggara dan khususnya di Kampuchea.

Kita sentiasa berhubung dengan pihak Soviet setakat mana Soviet boleh memberikan kerjasama mencari penyelesaian bersama untuk penyelesaian politik di Kampuchea ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, sekiranya pihak Khmer Rouge dan Pol Pot tidak menekankan bahawa mereka terpaksa membawa masuk ke Kerajaan di Kampuchea, jikalau satu pilihanraya diadakan di Kampuchea, bolehkah Vietnam menerima cadangan Malaysia?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti Tuan Yang di-Pertua telah pun memberikan ingatan iaitu kita tidak begitu tahu lagi kedudukan yang sebenar mengenai laporan yang terdapat dalam akhbar semalam iaitu Khmer Rouge sanggup tidak menyertai jikalau hendak mencarikan keamanan di dalam hal ini. Sambil itu saya telah pun mengarah Duta kita di Bangkok, juga Duta kita di China dan sebagainya mengesahkan, apakah yang sebenar diperkatakan oleh Khmer Rouge bersabit dengan mereka tidak sanggup menyertai di dalam pilihanraya sekiranya penyertaan mereka itu akan menghalang untuk mencari penyelesaian politik di Kampuchea. Walau bagaimanapun saya suka mengatakan iaitu Khmer Rouge adalah satu faction, kumpulan atau pihak yang mana sedikit sebanyak dapat memberikan jaminan dan kerjasama penuh untuk mencari penyelesaian politik. Ini perlu diberi oleh Khmer Rouge kerana Khmer Rouge adalah satu pihak yang sepertimana disebutkan satu golongan yang besar yang terdapat di dalam Kampuchea, di mana saya suka

mengatakan ada 4 pihak di Kampuchea sekarang ini iaitu Khmer Rouge, pihak Son Sann, pihak Sihanouk dan Heng Samrin. Jadi keempat-empat golongan ini perlu mengadakan satu national reconciliation di antara pihak-pihak ini untuk kita betul-betul menjamin keamanan supaya pihak-pihak mereka ini boleh duduk dengan aman, damai dan berharmoni. Itulah sahaja.

PERJANJIAN PEMBEKALAN BURUH MALAYSIA—INDONESIA

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri beri sebab-sebab mengapa perjanjian Malaysia—Indonesia mengenai buruh Indonesia telah gagal untuk menyelesaikan masalah pendatang-pendatang haram Indonesia di Malaysia serta mengaturkan (regularise) buruh Indonesia; dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menghadapi masalah berat pada keseluruhannya orang-orang asing haram yang terdapat di Malaysia, sama ada pendatang-pendatang haram Indonesia, atau imigren-imigren Pakistan atau Muslim Burma ataupun 'pelarian-pelarian Filipina'.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, perjanjian pembekalan buruh antara Malaysia dan Indonesia ialah semata-mata bertujuan untuk meringankan kepada masalah kekurangan tenaga buruh yang dihadapi oleh negara dalam industri perladangan dan pembinaan. Perjanjian itu bukanlah untuk menyelesaikan kemasukkan secara haram warganegara Indonesia ke negara ini. Dalam pada itu adalah dijangkakan bahawa perjanjian itu akan dapat menyekat majikan di negara ini daripada mendapatkan khidmat pendatang haram dalam industri pembinaan dan perladangan.

Kementerian Dalam Negeri sememangnya memberi perhatian yang serius terhadap kemasukan secara haram oleh mana-mana warganegara asing ke negara ini, justeru itu Kerajaan tetap mengambil tindakan tegas di bawah undang-undang imigresen terhadap mana-mana warganegara asing yang dikesan memasuki negara ini secara haram tanpa mengira negara asal mereka.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemasukkan warganegara asing ke negara kita secara haram, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berkenaan dengan kemasukkan rakyat Vietnam secara haram ke negara kita. Saya hendak bertanya mengapakah rakyat daripada Vietnam masih terus memasuki negara kita sedangkan peperangan Vietnam telah lama tamat dan mengapa masalah penggunaan Pulau Bidong sebagai pusat penempatan pendatang haram ini tidak dapat diselesaikan begitu lama sekali, dan mengapa pula Kerajaan membenarkan pihak UNHCR mendirikan pusat latihan di pulau itu, tidakkah baik kalau latihan kepada pendatang haram ini diadakan di negara ketiga di mana mereka akan ditempatkan dengan tetap dan diberikan latihan di sana misalnya 'on the job training' dan bukan latihan di Pulau Bidong yang mungkin tidak ada hubungan dengan pekerjaan di negara kita. Terima kasih.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa mereka yang datang daripada negara Vietnam bukanlah diiktiraf sebagai pendatang haram, mereka adalah diiktirafkan sebagai pelarian dan mengikut persetujuan yang telah dicapai di United Nations, kita terpaksa memberi perlindungan sementara kepada pelarian-pelarian yang memasuki negara kita dan mengikut

perjanjian tersebut juga Pulau Bidong dijadikan tempat penempatan sementara dan segala perbelajaan dikelolakan oleh pihak United Nations, ini tidak bersangkutan-paut dengan pendatang haram.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pendatang-pendatang haram saya ingin menarik perhatian Timbalan Menteri mengenai pendatang haram di Sabah, seperti yang kita tahu baru-baru ini terdapat satu dakwaan oleh sebuah parti politik di Sabah di mana terdapat Kerajaan baru Sabah telah membawa masuk beberapa ramai orang-orang kristian daripada Filipina. Saya ingin mendapat kepastian apakah itu suatu dakwaan yang benar, dan kalau benar, apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri dalam menyelesaikan masalah ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan soalan itu. Sekali lagi saya ingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh meminta pengesahan di sini, sama ada apa yang disiarkan dalam suratkhbar itu benar atau tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada menafikan bahawa tujuan perjanjian Indonesia-Malaysia membawa buruh-buruh Indonesia ialah untuk antaranya selesaikan masalah pendatang-pendatang haram Indonesia. Adakah beliau lupa bahawa apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pulang daripada Medan di mana beliau ada pergi untuk menandatangani perjanjian itu bagi pihak Kerajaan Malaysia, beliau ada mengumumkan bahawa tujuan utama perjanjian itu ialah untuk mengatasi masalah pendatang-pendatang haram Indonesia. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang kata bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ucapannya ialah bohong?

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bukankah benar bahawa pekerja-pekerja Indonesia yang dibawa masuk ke Malaysia, khususnya batch pertama yang ada dihantar ke Teluk Intan UEFP Estates, kebanyakan mereka sudah hilang tinggalkan pasport dan lain-lain dibawa masuk secara sah tetapi sekarang pun nampaknya status mereka tidak berbeza daripada pendatang-pendatang haram. Kalau pekerja-pekerja yang boleh dibawa masuk secara halal boleh pun menjadi pendatang haram, apa kesan bukan sahaja perjanjian itu untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja tetapi untuk mengatasi masalah pendatang-pendatang haram.

Akhirnya, bukankah benar bahawa Kerajaan sampai sekarang tidak mahu ambil tindakan yang tegas untuk mengatasi masalah pendatang-pendatang haram. Tentulah banyak orang yang terlibat untuk membantu pendatang-pendatang haram masuk ke Malaysia. Di sini saya ada satu dokumen, surat akuan sementara yang diberi oleh seorang penghulu di Pontian, Johor kepada seorang pendatang haram yang tidak ada Kad Pengenalan tetapi menunjukkan memberi bantuan supaya seorang yang terus-terang pendatang haram boleh berada di Malaysia untuk mencari pekerjaan, nafkah serta berhasrat untuk tinggal menetap di Malaysia. Kenapa sampai sekarang Kerajaan tidak mahu ambil tindakan yang serius? Kalau mahu dokumen ini saya boleh beri kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk siasat.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa beliau menandatangani perjanjian pembekalan buruh-buruh antara Indonesia dan Malaysia

bertarikh 14hb Mei, 1983. Memang dalam ucapan beliau, beliau menyebut bahawa di antara satu sebab di mana perjanjian ini ditandatangani ialah untuk menyelesaikan atau mengurangkan kemasukan pendatang haram kerana jika diteliti dengan sedalam-dalamnya perjanjian tersebut ada membuat peraturan yang terperinci dengan cara sah dan dengan cara yang teratur kemasukan buruh-buruh ke Malaysia. Oleh itu, adalah logik bagi semua orang menerima bahawa jika kemasukan buruh-buruh boleh diatur dengan lebih teratur, kemasukan pendatang haram akan berkurangan. Sebab itulah dalam jawapan saya tadi pun saya mengatakan bahawa adalah dijangkakan perjanjian itu akan dapat menyekat majikan untuk menggunakan khidmat pendatang-pendatang haram.

Adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka menyeru agar Kementerian Dalam Negeri to legalise pendatang-pendatang haram yang terdapat di negara kita ini sekarang melalui perjanjian tersebut? Saya percaya Yang Berhormat dari Kota Melaka tentu tidak akan bersetuju. Sebab itulah Kementerian Dalam Negeri berusaha seberapa daya yang boleh dengan kerjasama Yang Berhormat dari Kota Melaka memberi maklumat kepada kita untuk kita menahan, menangkap seberapa banyak pendatang-pendatang haram.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini sepanjang tahun 1984 seramai 11,715 orang pendatang haram telah ditangkap, termasuk 7,331 orang daripada Indonesia dan mereka semua telah diusir balik ke negara masing-masing. Mungkin Yang Berhormat dari Kota Melaka akan bangun mengatakan kebanyakan mereka berenang balik ke Malaysia ini. Kita semua ketahui bahawa untuk kita mengawal sepanjang sempadan negara kita tiap-tiap incinya adalah satu perkara yang impossible. Walau

bagaimanapun, saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini pihak Kementerian memandang berat kepada kemasukan peminat haram, baik daripada negara mana sekalipun.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bahagian kedua belum lagi dijawab mengenai batch yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya ingatkan sahaja.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat diminta duduk. Adakah Yang Berhormat pilih untuk tidak menjawab soalan yang kedua itu?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Soalan itu saya fikir telah pun dijawab keseluruhannya. Berkenaan dengan surat yang kononnya ditulis oleh seorang penghulu, saya mohonlah supaya Yang Berhormat serahkan kepada saya selepas ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa soalan yang dikemukakan ini adalah begitu prejudis sekali terhadap peminat-peminat haram daripada orang-orang Islam, tetapi adakah peminat haram daripada Indonesia dan juga daripada Burma dan daripada Filipina ini yang bukan beragama Islam supaya mereka itu tahu.

Yang kedua, adakah buruh-buruh yang dibawa masuk ke dalam negara kita ini dibenar bawa isteri ataupun anaknya selama 2 tahun berada di Malaysia ini? Kalau tidak, adakah mereka itu dibenar berkahwin dalam

negara kita? Kalau tidak, apakah tanggungjawab kita bagi menyelesaikan masalah mereka itu?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perjanjian yang telah ditandatangani tiap-tiap buruh yang dimasukkan ke negara kita dengan secara sah dia tak dibenar membawa isterinya melainkan isterinya juga mendapat pekerjaan di sini dan dibenar masuk secara kontrak. Tiap-tiap seorang yang memasuki negara kita secara kontrak hendaklah menandatangani kontrak tidak melebihi 2 tahun dan mereka selama berada di sini tidak dibenar berkahwin dengan warganegara Malaysia. Jika didapati mereka melanggar syarat-syarat yang mesti ada dalam perjanjian itu, mereka terpaksa dihantar balik ke negara masing-masing.

Berkenaan dengan kedatangan orang-orang lain yang bukan beragama Islam, sepertimana yang saya tegaskan tadi Kementerian memandang serius kepada sesiapa sahaja, sama ada dia Kristian ataupun Islam daripada mana-mana negara.

KUMPULAN ROCK "THE SCORPIONS"

6. Tuan Mohd Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bahawa baru-baru ini beliau menolak persembahan Kumpulan "The Scorpions" di negara ini dengan alasan persembahan sedemikian akan merosakkan nilai-nilai kesopanan dan moral anak-anak muda di negara ini, jika benar, adakah beliau sedar bahawa pertunjukan dan persembahan kumpulan "rock" yang kerap ditayangkan melalui kaca peti televisyen pun akan merosakkan juga nilai-nilai kebudayaan dan moral anak-anak muda kita. Oleh itu, apakah langkah-langkah tertentu beliau bagi mengatasi gejala-gejala ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6 ini ada kaitan dengan satu kes yang telah dirujuk kepada mahkamah untuk dibuat keputusan dan didapati tidak selaras dengan Peraturan Mesyuarat 23 (1) (g). Jadi, dengan ini saya mohon supaya soalan ini tidak dijawab.

SYARIKAT KERJASAMA BERJIMAT CERMAT— PENYELEWENGAN

7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapa buah syarikat kerjasama berjimat cermat yang telah didapati menyeleweng daripada matlamat sebenarnya. Mengapakah kejadian penyelewengan ini boleh berlaku dan adakah Kementerian sentiasa mengawasi perjalanan setiap syarikat kerjasama ini.

Tuan Abdilah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya mendapati tidak ada syarikat kerjasama jimat cermat yang menyeleweng daripada matlamat yang sebenarnya. Pegawai-pegawai di Kementerian saya sentiasa memberi perhatian bagi mengawasi perjalanan setiap koperasi berkenaan. Mereka akan menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Mesyuarat-mesyuarat Agung bagi mengikuti segala keputusan dan pelaksanaan yang dibuat oleh koperasi-koperasi yang berkenaan untuk menentukan sejajar dengan kehendak undang-undang kecil Akta Koperasi dan kaedah-kaedahnya. Sekiranya Ahli Yang Berhormat berkenaan mengetahui terdapat beberapa buah syarikat berkenaan yang menyeleweng, Kementerian saya bersedia untuk menyasiat penyelewengan tersebut.

Tuan Omar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai kemajuan syarikat jimat cermat dan koperasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa kembali daripada lawatan ke beberapa buah negara di Scandinavia ada menyebut bahawa perjalanan syarikat koperasi di Malaysia ini pencapaiannya tidaklah berapa baik dan patutlah menauladani perjalanan koperasi-koperasi di negara-negara tersebut. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini apakah perancangan yang telah dibuat oleh Kementerian tersebut dan apakah rahsia-rahsia kejayaan koperasi-koperasi di negara-negara tersebut seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itu? Terima kasih.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya sememangnya mengawasi perjalanan koperasi-koperasi ini oleh kerana Kementerian ini percaya bahawa hanya melalui koperasi inilah kita akan dapat menseimbangkan kemajuan ataupun rakyat negara ini dapat menikmati kekayaan yang kita perolehi.

Berkenaan soalan Yang Berhormat mengenai lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke luar negeri, saya ingin memberi tahu Yang Berhormat bahawa perjalanan koperasi di negara ini sentiasa diawasi dan adalah untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan koperasi-koperasi di negara ini bergiat dan begitu maju.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu ada di dapati setengah-setengah koperasi yang lari fungsinya daripada apa yang dibenarkan oleh Akta Koperasi iaitu ada koperasi-koperasi

kerana dalam mengejar kemajuan terpaksa melabur di dalam bidang corporate dan menubuhkan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat sedangkan ini dilarang oleh Akta Koperasi. Jadi, saya hendak bertanya setakat manakah kemajuan pindaan yang akan dilakukan kepada Akta Koperasi kita yang telah lama memakan masa supaya masalah ini dapat diselesaikan? Terima kasih.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar bahawa terdapat koperasi-koperasi di negara ini menyeleweng daripada fungsi ataupun matlamat yang kita benarkan menurut Akta Koperasi. Saya percaya sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui bahawa terdapat koperasi-koperasi yang menyeleweng daripada tujuan asalnya seperti saya nyatakan sebentar tadi, Kementerian bersedia untuk menyiasat.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam soalan asal saya ini perkataan menyeleweng ada digunakan dan di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan banyak menekankan kalau ada bukti pihak Kementerian beliau sanggup mendengar. Barangkali daripada segi bukti, Tuan Yang Dipertua, kita yang di luar susah hendak dapat bukti koperasi-koperasi yang menyeleweng tetapi kita yakin termasuk yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan, Yang Berhormat.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Sebentar. termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu sering kita mendengar penyelewengan ini berlaku dan pengawasan daripada pihak Kementerian sudah diberi tahu. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bersetuju bahawa ada

penyelewengan yang seharusnya dibuktikan oleh pihak yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri?

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soalan Yang Berhormat itu telah saya jawab bahawa Kementerian saya tidak mendapati ada syarikat kerjasama jimat cermat yang telah menyeleweng daripada matlamat yang sebenarnya. Dengan itu, saya tidak berniat untuk menjawab soalan yang akhir sekali tadi.

SEKOLAH BANDAR/LUAR BANDAR—PERBEZAAN

8. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) aspek-aspek penting jurang perbezaan prestasi dan kemudahan-kemudahan pelajaran/persekolahan di bandar dan luar bandar. Apakah langkah-langkah Menteriannya untuk memastikan pelajaran di luar bandar dan bandar menjadi setaraf; dan
- (ii) setakat mana sistem semester akan dilaksanakan di institusi-institusi pengajian tinggi dan di sekolah-sekolah. Adakah masalah dan halangan-halangnya.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar wujud perbezaan jurang prestasi pelajaran dan juga kemudahan-kemudahan sekolah di antara sekolah di bandar dan juga di luar bandar dan perbezaan itu jelas dilihat dari prestasi pelajar-pelajar dalam peperiksaan yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah luar bandar mencatatkan satu kejayaan dalam peperiksaan yang

kurang daripada yang dicapai oleh pelajar-pelajar di bandar. Bagi mengurangkan perbezaan ini, Kementerian kita sedang berusaha memberi keutamaan dari segi menambahkan dan memperbaiki kemudahan pelajaran dan menempatkan lebih ramai guru-guru terlatih dan berpengalaman ke sekolah-sekolah di luar bandar. Adalah menjadi dasar kita sekarang ini untuk memberi perhatian lebih kepada sekolah-sekolah yang pada masa ini masih kurang mempunyai kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Jadi, usaha-usaha ini akan terus dilaksanakan dan akan dipertingkatkan sehingga matlamat untuk menyetarakan mutu dan prestasi pelajaran antara sekolah-sekolah di bandar dan luar bandar itu dapat kita capai sepenuhnya.

Berhubung dengan soalan yang kedua iaitu setakat mana sistem semester akan dilaksanakan di institusi-institusi pelajaran tinggi dan di sekolah-sekolah, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sistem semester telah pun dilaksanakan di semua institusi pelajaran tinggi dan universiti melainkan Universiti Malaya. Pelaksanaan sistem semester ini sedang berjalan di universiti-universiti (selain dari Universiti Malaya itu) bolehlah dikatakan berjalan dengan licin dan baik dan menunjukkan kesan yang baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak bercadang hendak mewujudkan sistem semester bagi sekolah-sekolah biasa selain daripada institusi pelajaran tinggi.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bahawa telah dibuktikan melalui beberapa kajian bahawa perbezaan prestasi di antara pelajar-pelajar atau murid-murid di bandar dan luar bandar itu berpunca

daripada perbezaan latar belakang keluarga dan juga persekitaran sosio-ekonomi pada amnya di antara kedua-dua kumpulan murid-murid ini. Memandangkan hakikat ini, adakah Kementerian bercadang akan memberi lebih perhatian kepada pendidikan pra sekolah dan sekiranya ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan lagi pelajaran pra-sekolah?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendidikan pra-sekolah, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mulai tahun ini Kementerian Pelajaran telah mula memberi perhatian kepada pendidikan pra-sekolah dan Kementerian Pelajaran telah pun mencadangkan satu sukatan pelajaran yang seragam bagi pendidikan pra-sekolah.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dalam kajian dan penyelidikan Kementerian Pelajaran mengenai rendahnya pencapaian pelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah luar bandar itu mendapati bahawa kemerosotan pencapaian pelajaran murid-murid di sekolah-sekolah luar bandar itu disebabkan oleh sekolah-sekolah ini kecil, bilangan murid-muridnya kecil dan murid-murid yang kecil bilangannya ini terpaksa mengikuti semua kegiatan ko-kurikulum anjuran Kementerian Pelajaran? Jika ada, adakah Kementerian ini bercadang pada masa-masa yang akan datang untuk mencantumkan sekolah-sekolah yang kecil yang bertaburan di luar bandar itu untuk dijadikan sebagai sekolah pusat di mana pembekalan tenaga pengajar, pembekalan alat-alat pembelajaran dan pengajaran dapat dibekalkan dengan baik, licin dan lancar bagi meninggikan pencapaian

pelajaran murid-murid di luar bandar itu. Jika ada, bila rancangan ini akan dilaksanakan?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid-murid yang kecil itu boleh dikatakan adalah sekolah-sekolah rendah dan kegiatan mereka dalam bidang ko-kurikulum pun pada peringkat pelajaran sekolah rendah ini tidaklah begitu banyak dan pada peringkat pelajaran mereka itu saya belum dapat pastikan sama ada faktor yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah mempengaruhi prestasi mereka dalam kadar peperiksaan awam yang diambil iaitu peperiksaan SRP iaitu peperiksaan dalam persekolahan menengah dan begitulah juga dengan peperiksaan SPM.

Cadangan Kementerian Pelajaran pada waktu ini untuk mengatasi sebarang kelemahan dan kekurangan yang dialami oleh pelajar-pelajar ini iaitu pelajar-pelajar yang berada di sekolah-sekolah yang bilangannya pelajar kecil "under enrolled schools", cadangannya ialah supaya mereka ini akan ditempatkan di sekolah-sekolah pusat, sekolah menengah yang berasrama iaitu apabila mereka nanti tamat pengajian sekolah rendah dan berpeluang meningkatkan ke Tingkatan I, pada waktu itulah maka kita harap kemudahan sekolah pusat yang berasrama itu dapat diberikan kepada mereka dan diharapkan pada waktu itu apa-apa juga kelemahan dan kekurangan yang mereka alami pada masa mereka berada di sekolah rendah itu akan dapat mula diatasi.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan Universiti Malaya tidak melaksanakan sistem semester. Apakah sebabnya dan apakah sikap Kementerian terhadap perkara ini?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada sebab-sebab mengapa Universiti Malaya pada waktu ini tidak dapat melaksanakan sistem semester itu. Saya telah bincangkan perkara ini dengan Naib Canselor Universiti Malaya dan saya dapat memahami daripada penerangannya bahawa Universiti Malaya itu telah 20 tahun lamanya wujud dan dalam 20 tahun itu Universiti Malaya telah begitu sekali besar sehingga pada keadaan yang ada sekarang ini menjadi Universiti yang terbesar di negara kita dan dalam 20 tahun itu Universiti itu mengamalkan satu sistem yang berlainan daripada sistem semester maka oleh sebab itu tidaklah mudah hendak mengubah sistem yang telah wujud dalam Universiti yang besar yang berumur 20 tahun itu kepada sistem semester secepat mana yang kita harapkan itu.

Oleh sebab itulah mungkin sebagaimana yang mungkin Ahli Yang Berhormat sudah tahu berulang kali pihak Universiti khususnya Vice Chancellor yang telah menegaskan bahawa Universiti Malaya masih mengkaji lagi segala aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan sistem semester di Universiti berkenaan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Soalan tambahan. Mengenai perbezaan prestasi murid-murid di antara bandar dan luar bandar, saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri Pelajaran. Apa yang saya tahu sebahagian daripada sebab berlakunya perbezaan demikian adalah kerana sekolah di luar bandar adalah kecil dan bantuan yang diberikan kepada sekolah biasanya adalah mengikut keramaian murid di sekolah itu. Jadi murid-murid sekolah yang berada di luar bandar tadi mendapat peruntukan yang kecil kalau dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang besar dalam bandar.

Jadi apakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengadakan suatu sistem pemberian yang berasingan daripada sistem pemberian kewangan yang ada sekarang ini supaya sekolah-sekolah di luar bandar mendapat peruntukan yang lebih besar sedikit bagi mencapai taraf akademik yang lebih tinggi?

Soalan yang kedua adakah Kementerian Pelajaran juga bercadang untuk menghantar guru-guru yang mempunyai kecekapan yang lebih kerana kebiasaan guru-guru yang mempunyai kecekapan biasanya berada di dalam bandar kerana kita tahu di antara pekerja-pekerja terdapat kecekapan yang berbeza, jadi kecekapan yang berbeza inilah juga yang menyebabkan prestasi murid-murid agak berbeza?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, apa-apa juga kemudahan dan peruntukan yang diberikan kepada sesebuah sekolah itu adalah seimbang dengan besar atau kecilnya sekolah itu atau ramainya atau kecilnya bilangan murid yang ada di sekolah itu, tetapi apa yang penting dalam hal ini bukan banyak atau sedikitnya kemudahan tetapi yang penting ialah mutu kemudahan yang diberikan itu, umpamanya kalau kita menghantar guru kita mesti pastikan bahawa guru itu adalah guru yang berkelayakan. Dalam hal yang berkaitan dengan menempatkan guru-guru yang berkelayakan di sekolah-sekolah kita memang tidak membezakan antara sekolah di luar bandar ataupun sekolah di bandar dan dalam hal ini memanglah kita pastikan bahawa guru-guru yang dihantar ke mana-mana juga sekolah sama ada di bandar atau luar bandar dan terutama sekli di luar bandar adalah guru-guru yang berkelayakan. Tetapi saya ingin juga mengingatkan Ahli Yang Berhormat, mungkin Ahli Yang Berhormat sudah menyedari, bahawa

masalah kekurangan guru ini pun adalah satu masalah yang besar yang juga kita sedang hadapi. Walau bagaimanapun dari segi menempatkan guru yang layak di sekolah-sekolah di luar bandar itu, ini adalah menjadi usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran.

Begitulah juga dengan hal-hal dan kemudahan-kemudahan yang lain yang diberikan. Sebagaimana yang saya biasa umumkan dan jelaskan dasar Kementerian sekarang ini ialah untuk mengupgradakan dan untuk menambahkan, menokok tambah kemudahan-kemudahan yang kurang terutama yang didapati di sekolah-sekolah di luar bandar.

PERSATUAN IBU-BAPA DAN GURU-GURU (PIBG)—KAJIAN

9. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kajian dan semakan Kaedah Persatuan Ibu-Bapa dan Guru-guru (PIBG) 1973 bagi membolehkan orang ramai yang bukan ibu-bapa menyertainya serta menjadikan sekolah sebagai institusi masyarakat telah selesai dibuat. Jika sudah, bilakah ianya boleh dilaksanakan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, usaha sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran pada waktu ini untuk meminda kaedah ataupun Peraturan yang berhubung dengan PIBG dengan tujuan untuk memberi peluang penyertaan kepada ahli-ahli masyarakat yang bukan ibu-bapa kepada murid-murid yang belajar di sesebuah sekolah itu. Jadi ini perlu sedikit masa untuk kita meminda undang-undang atau peraturan sebagaimana kita kehendaki itu kerana ada beberapa masalah yang berkaitan dengannya yang perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran, adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa perjalanan sesuatu Persatuan berkehendakan kewangan sedikit sebanyak? Jadi apakah dalam penyusunan yang akan dibuat nanti akan diperuntukkan sedikit wang bagi persatuan-persatuan PIBG ini menjalankan kegiatannya setidak-tidaknya dapat bergerak bagi membantu murid-murid miskin yang ada di sekolah tersebut dan sebagainya?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebarang cadangan dalam usaha mengkaji kedudukan PIBG dan peraturannya pada masa sekarang ini untuk memberi apa-apa peruntukan wang kepada persatuan itu. Yang kita harapkan ialah supaya persatuan itu memberi bantuan pula kepada sekolah itu dalam apa juga bentuk, tidak kiralah tidak semestinya wang, boleh jadi dalam bentuk khidmat ataupun dalam bentuk pertolongan bagi menjayakan apa-apa juga rancangan sekolah yang dilaksanakan pada tiap-tiap tahun sama ada hari ibu-bapa, sama ada hari penyampaian sijil, sama ada hari sukan dan juga kegiatan-kegiatan lain.

Saya sebenarnya memang rasa begitu gembira kerana dalam keadaan sekarang yang mana kita sedang menggalakkan penyertaan PIBG dalam hal-hal yang berkaitan dengan sekolah, saya lihat PIBG-PIBG begitu sekali aktif memberi berbagai-bagai rupa bantuan bagi memajukan sesebuah sekolah di mana terdapat misalnya bantuan yang berhubung dengan kemudahan sekolah-sekolah, bantuan yang berhubung dengan pembinaan bilik-bilik darjah secara gotong-royong, ini pun banyak

diusahakan oleh PIBG, ada juga PIBG ini kalau di bandar yang membantu sekolah yang memberi kemudahan-kemudahan seperti alat-alat komputer dan sebagainya dan bagi sekolah di kawasan-kawasan luar bandar ada juga bantuan-bantuan yang dikeluarkan seperti untuk mengadakan kipas angin, membeli alat-alat pandang-dengar seperti radio dan peti TV. Jadi inilah sumbangan yang dapat diberikan oleh PIBG kepada sekolah dan dalam keadaan ini saya tidak fikir mengapa Kementerian patut tampil kemuka pula dengan membuat sebarang peruntukan kewangan, kerana ini mungkin akan mematikan inisiatif yang sudah pun ada pada PIBG-PIBG itu.

CUKAI PENDAPATAN—SYARIKAT MELARIKAN CUKAI

10. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau menyedari kerana terdapat berbagai-bagai ruang pelepasan dalam Akta Cukai Pendapatan telah dipergunakan oleh syarikat-syarikat bagi mengelakkan diri dari membayar cukai, serta cukai individu pegawai awam lebih tinggi jika dibandingkan dengan Pengarah-pengarah, Pengurus-pengurus dan Eksekutif syarikat walaupun pendapatan, selain dan kemudahan lain adalah terlalu banyak, dengan ini menyebabkan kekurangan punca pendapatan negara dan ketidakadilan di dalam pembayaran cukai.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, secara umum isu yang dibangkitkan ialah isu pelarian cukai (tax avoidance). Memang berkemungkinan tax avoidance ini berlaku, maka kerana itu terdapat peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pelarian-pelarian cukai ini di dalam Akta Cukai Pendapatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta penjelasan sedikit. Tax avoidance atau tax evasion Yang Berhormat maksudkan?

Dato' Sabbaruddin Chik: Itu lebih tepat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Kerana pada tanggapan saya, mungkin "tax avoidance" itu adalah "legal loophole" tetapi "tax evasion" itu ialah illegal.

Dato' Sabbaruddin Chik: Barangkali Tuan Yang di-Pertua lebih betul, (*Ketawa*) tetapi mengikut catatan saya di sini "tax avoidance" tetapi saya ikutlah Tuan Yang di-Pertua.

Memang terdapat kemungkinan "tax evasion" itu ataupun dalam Bahasa Malaysia "pelarian cukai", maka itu terdapat peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan "tax evasion" ini di dalam Akta Cukai Pendapatan yang mana peruntukan-peruntukan ini selalu dikaji semula dan jika perlu dipinda ataupun diubahsuai. Maka kerana itu, Tuan Yang Dipertua, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat yang agak konkrit mengenai mana-mana kes, Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi perkara seperti itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak ada soalan tambahan pun mengenai tax ini. Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye, soalan Nombor 11.

PEMBERHENTIAN KERJA— KEMELESETAN EKONOMI NEGARA

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan betapa seriusnya masalah pemberhentian kerja di dalam negara ini akibat daripada penutupan industri-industri

atau syarikat-syarikat yang terjejas dengan kemelesetan ekonomi dan beri butir-butir terakhir mengenai bilangan pekerja-pekerja Malaysia yang diberhentikan kerja dan jenis industri atau syarikat yang terlibat. Apakah rancangan-rancangan jangka pendek dan panjang yang telah dibuat oleh Kementerian beliau untuk menghadapi masalah ini.

22. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Buruh menyatakan jumlah bilangan pekerja kilang elektronik dan tekstil di negara ini yang telah ditamatkan pekerjaan dalam tempoh satu tahun kebelakangan ini. Bandar-bandar dan kawasan-kawasan manakah yang terlibat dengan serius sekali, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk melatih semula atau menempatkan semula pekerja-pekerja yang menganggur dalam pekerjaan-pekerjaan baru.

19-7-1985

35. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh menyatakan bilangan pekerja-pekerja yang dibuang kerja setiap tahun sejak 1982 dengan memberikan pecahan-pecahan mengikut sektor mengenai pembuangan kerja dari setiap industri dan apakah tindakan yang diambil untuk memberikan pekerja-pekerja yang dibuang kerja itu pekerjaan alternatif.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu bersama dengan soalan-soalan yang berikut iaitu soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, soalan nombor 22 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang dijadualkan pada 19hb Julai, 1985 ini. Ini kerana kesemua soalan-soalan tersebut mempunyai maksud yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum ekonomi dunia telah merosot sejak beberapa tahun ini. Keadaan ini juga telah sedikit-sebanyak menjejaskan ekonomi negara kita dan telah mengakibatkan beberapa masalah di industri-industri dan sektor-sektor pembuatan negara kita termasuk industri-industri elektronik dan tekstil. Ekoran daripada keadaan ini beberapa kilang elektronik dan tekstil dalam negara kita telah terlibat dengan tindakan pemberhentian pekerja-pekerja.

Jumlah bilangan pekerja kilang-kilang elektronik dan tekstil di negara ini yang diberhentikan dalam tempoh satu tahun kebelakangan ini iaitu dari bulan Mei, 1984 sehingga bulan Mei 1985 adalah seperti berikut:

<i>Kilang Eletronik</i>	<i>Kilang Tekstil</i>
1,027 orang	1,128 orang

Bandar-bandar atau kawasan yang terlibat dengan pemberhentian ini ialah seperti berikut:

Prai	311 pekerja
Bayan Lepas	681 „
Taiping	712 „
Kuantan	213 „
Butterworth	107 „
Pekan	69 „
Kluang	62 „
Jumlah	<u>2,155 pekerja</u>

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja mengikut sektor-sektor pekerjaan pada keseluruhannya

sejak tahun 1982 adalah seperti berikut:

<i>Sektor</i>	<i>1982</i>	<i>1983</i>	<i>1984</i>	<i>1985 (hingga Mei)</i>
1. Pertanian, perhutanan dan penangkapan ikan	575	247	159	61
2. Perlombongan	4,480	1,940	1,275	—

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, bolehkah saya minta baki daripada jawapan Yang Berhormat itu diberi secara bertulis kerana masa sudah pun cukup ataupun adakah Yang Berhormat berkehendak juga.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Boleh dengan sukacitanya. (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 12 hingga No. 44 adalah diberi di bawah ini*).

HASIL MINYAK DI SEMPADAN MALAYSIA— THAILAND

3. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan kenapa hasil minyak di sempadan Malaysia-Thailand itu akan dikongsi bersama, sedangkan garis sempadannya telah ditentukan hak masing-masing menguasainya; mengapa tidak rancang secara berasingan terus.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Cadangan untuk bekerjasama dengan Thailand dalam

usaha mencarigali dan mengeluarkan petrolium di kawasan tuntutan dasar laut Malaysia dan Thailand yang bertindih telah timbul oleh kerana segala usaha untuk menentukan sempadan dasar laut tersebut belum dapat diselesaikan dengan memuaskan oleh kedua-dua pihak. Berasaskan kepada pengalaman, usaha untuk menentukan sempadan akan mengambil masa yang lama. Banyak masalah yang perlu diatasi dalam menentukan sempadan bersama ini. Oleh itu cadangan untuk bekerjasama dalam usaha mencarigali dan mengeluarkan petrolium di kawasan sempadan adalah dianggap sebagai satu cara yang baik untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Dalam tahun 1979 satu "Memorandum Persefahaman" telah pun ditandatangani oleh kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Thailand sebagai menyatakan hasrat untuk bekerjasama dalam segala usaha berkaitan dengan pengeluaran petrolium di kawasan itu. Tempoh masa yang dinyatakan bagi tujuan ini ialah 50 tahun. Adalah diharapkan dalam jangka masa tersebut soal sempadan akan dapat diselesaikan.

PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR

12. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebabnya Pasaran Saham Kuala Lumpur sejak beberapa tahun kebelakangan ini tidak bergiat seperti pasaran-pasaran saham dunia baik di negara-negara maju atau membangun;
- (b) apakah perangai pasaran saham Kuala Lumpur disebabkan fakta-fakta luar biasa; dan

- (c) apakah tindakan Kerajaan untuk memberi nafas baru kepada Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Dato Sabaruddin Chik:

- (a) Sejak kebelakangan ini pasaran saham Kuala Lumpur kurang aktif disebabkan beberapa faktor yang tidak menggalakkan termasuk harga barangan utama yang kurang memuaskan kecuali bagi kelapa sawit. Walau bagaimanapun, faktor yang lebih besar ialah khabar-khabar angin yang tidak berasas mengenai kedudukan politik dan ekonomi negara kita yang dibuat oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini mungkin menjual saham-saham mereka secara "short selling" dengan harapan membuat keuntungan yang besar. Dengan keadaan pasaran yang kurang memuaskan ini, kebanyakan para pelabur yang sebelum ini bergiat cergas dalam pasaran saham, telah mengurangkan kegiatan mereka dan mengambil sikap melihat dan menunggu sahaja. Mereka ini akan menyertai semula dalam pasaran saham sebaik sahaja keadaan pasaran saham Kuala Lumpur secara keseluruhannya pulih.
- (b) Faktor-faktor luar biasa seperti khabar angin mungkin mempengaruhi kepada pasaran saham.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki iklim pelaburan dan keyakinan

kepada pelabur-pelabur untuk membuat pelaburan di dalam negeri. Baru-baru ini saya telah mengumumkan garis panduan baru mengenai pelaburan di negara ini di mana pelabur-pelabur luar dibenarkan memiliki ekuiti sehingga 100% bergantung kepada peratus eksport barang-barang yang dikeluarkan oleh mereka. Di samping itu Kerajaan, melalui Bank Negara Malaysia telah menasihatkan bank-bank perdagangan supaya memberi kelonggaran ke atas pinjaman bagi tujuan pembelian saham, mengurangkan kadar faedah dan menyalorkan kewangan ke dalam ekonomi bagi mengurangkan keadaan kecairan yang ketat. Adalah diharapkan dengan langkah-langkah ini, keadaan pasaran saham Kuala Lumpur akan bertambah baik dalam sedikit masa lagi.

MAKTAB PERGURUAN SULTAN IDRIS TANJONG MALIM

13. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan meninggikan taraf dan prestasi Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim bagi dijadikan Institusi Pendidikan di dalam bidang latihan guru yang mengeluarkan guru-guru berijazah memandangkan maktab tersebut adalah maktab tertua yang masih ujud di negara kita dan telah mengeluarkan pemimpin-pemimpin pendukung kemerdekaan negara kita.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran belum ada rancangan untuk meninggikan taraf Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim bagi dijadikan Institusi Pendidikan untuk mengeluarkan guru-guru berijazah.

PERTUNJUKAN LUCAH DI PUB/KELAB MALAM

14. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) pendirian Kerajaan berhubung dengan pertunjukkan lucah di pub-pub dan kelab-kelab malam di negara ini; dan
- (ii) mengapa Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah untuk mencegah trend yang kian meningkat di bandar-bandar besar di Sarawak di mana diadakan secara terbuka malah membogelkan diri semasa pertunjukan diadakan dalam pub-pub dan kelab-kelab.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertunjukan-pertunjukan lucah di semua tempat di negara ini sememangnya diharamkan oleh Kerajaan. Tindakan tegas mengikut undang-undang akan diambil ke atas mereka yang didapati terlibat melakukan kesalahan tersebut.
- (ii) Dakwaan Ahli Yang Berhormat terhadap Kerajaan yang kononnya tidak mengambil langkah-langkah untuk mencegah kegiatan pertunjukan bogel yang dikatakan berlaku di pub-pub dan kelab malam di bandar-bandar besar di Sarawak adalah tidak benar.

PENAGIH DADAH—HUKUMAN

15. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai dianggarkan jumlah penagih-penagih dadah dan bilangan-bilangan yang menjalani hukuman termasuk penyanyi Jamal Abdillah pada masa ini di Sarawak.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Bilangan penagih-penagih dadah yang telah dikesan di Sarawak daripada tahun 1976 sehingga bulan Mei 1985 ialah seramai 855 orang. Berdasarkan kepada nisbah tiap-tiap satu kes penagih dadah yang dikesan, ada lima kes lagi yang tidak dikesan, adalah dianggarkan jumlah penagih-penagih dadah di Sarawak bagi tempoh yang sama ialah 4,275 kes.

Bilangan penagih-penagih dadah yang menjalani pemulihan di dalam Pusat Pemulihan di Sarawak ialah seramai 47 orang termasuk penyanyi Jamal Abdillah.

PROJEK BELIA NIAGA/ PELADANG—BANTUAN

16. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan berapa banyakkah Kementerian ini telah memberi bantuan atau pinjaman kepada para belia melalui bantuan projek Belia Niaga dan Projek Belia Peladang di sepanjang tahun 1984. Dan daripada pinjaman-pinjaman yang diberikan itu, berapa banyakkah bayaran balik yang telah dijelaskan oleh mereka. Andainya bayaran-bayaran yang dijelaskan semula itu kurang memuaskan, bolehkah dinyatakan apakah sebab-sebabnya.

Tuan Awang bin Jabar: Sepanjang tahun 1984 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun memberi bantuan bernilai sebanyak \$1,442,261.00 kepada para belia di seluruh negara di bawah Rancangan Belia Niaga. Bantuan ini disalurkan melalui Persatuan Usahawan Baru Malaysia, yang memberi pinjaman kepada belia-belia di seluruh negara. Bagi tahun 1984 sebanyak \$15,302.00 bayaran balik pinjaman telah dibayar kepada Persatuan Usahawan Baru Malaysia. Peminjam dikehendaki mula membayar balik pinjaman selepas 6

bulan mereka memulakan perniagaan masing-masing. Oleh kerana kebanyakan pinjaman telah diberi pada pertengahan atau penghujung tahun, maka jumlah yang diterima bagi bayaran balik pada tahun yang sama adalah berkurangan. Bagi tahun 1984, Kementerian ini tidak mempunyai peruntukan untuk melaksanakan projek di bawah Rancangan Belia Peladang kerana Kerajaan Belia Peladang kerana Kerajaan sedang mengkaji semula terhadap prestasi dan faedah program ini.

FEE PERLESENAN DI LABUAN

17. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Wilayah Persekutuan memberi angka-angka komparatif berhubung dengan kadar-kadar dan fee perlesenan yang dikenakan di Labuan berbanding dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan sama ada beliau sedar kadar-kadar dan fee perlesenan tinggi yang dikenakan di Labuan adalah wajar bagi pengintegrasian penduduk-penduduk Labuan dengan penduduk-penduduk Kuala Lumpur dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan kadar-kadar dan fee-fee yang terlalu tinggi di Labuan dan juga nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membangunkan Pulau Labuan untuk memastikan penduduk-penduduk Labuan tidak terpercailah dari arus pembangunan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Kementerian Wilayah Persekutuan memang sedar kadar-kadar dan fee perlesenan yang dikenakan bagi Wilayah Persekutuan Labuan adalah agak tinggi jika dibandingkan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, kadar-kadar 'fee' perlesenan yang dikenakan di Labuan pada masa ini telah ditetapkan oleh satu panel khas yang

dibentuk oleh Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1982, iaitu setelah mendengar rayuan dan bantahan dari orang ramai. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar-kadar dan 'fee' ini sedang proses pengkajian semula.

Mengenai projek pembangunan, Kementerian Wilayah Persekutuan memang berusaha untuk membangunkan Labuan supaya pembangunan di pulau itu setanding dengan pembangunan yang dirancang bagi Kuala Lumpur. Untuk tujuan ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$335,138,490.00 telah dipohon untuk Wilayah Persekutuan Labuan. Bidang-bidang seperti industri pelancongan, industri ringan dan peningkatan peranan sektor komersial akan diberi perhatian utama. Pihak swasta juga digalakkan memainkan peranan mereka dalam pembangunan Labuan. Dalam hal ini Kementerian Wilayah Persekutuan akan mengamalkan dasar siapa dulu dia dapat (first come first serve basis). Langkah ini menggambarkan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bagi membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan.

Perbandingan Kadar-kadar Dan Fee Perlesenan Bagi Jenis Barangan Tertentu Bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

JENIS	KADAR-KADAR DAN FEE PERLESENAN SETAHUN	
	KUALA LUMPUR	LABUAN
	\$	\$
Pembuat Roti (Bakery) ..	200.00	600.00
Laundry	200.00	600.00
Kedai Tayar	200.00	3,000.00
Bengkel Kereta ..	300.00	1,440.00
Kilangan Minuman ..	200.00	720.00
Billiard Saloon ..	1,000.00	540.00

PENYAKIT KUKU DAN MULUT

18. Tuan Mutang Tagal minta kepada Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mencegah penyakit kuku dan mulut yang telah menyerang lembu dan kerbau di Kelantan baru-baru ini supaya penyakit-penyakit tersebut tidak merebak ke tempat-tempat lain di Semenanjung Malaysia. Adakah Kerajaan bercadang supaya pengimportan lembu dan kerbau dari Thailand dihentikan selama-lamanya memandangkan penyakit ini adalah amat serius;
- (b) adakah beliau sedar bahawa penyakit kuku dan mulut ini telah menyebabkan kematian lembu dan kerbau di Kalimantan Utara iaitu di daerah Kerayaan. Memandangkan hampir kesemua lembu dan kerbau yang ada di Kerayaan itu dijual kepada Sarawak, khususnya ke Ba'Kelalan, Lawas dan Limbang, Bahagian Kelima, Sarawak, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya penyakit ini tidak merebak ke negeri Sarawak khususnya ke Ba' Kelalan, Baroi dan Long Semadoh. Nyatakan sama ada langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan sekarang dapat menghapuskan penyakit ini dari muka bumi Malaysia selama-lamanya.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):

- (a) Langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan penyakit ini adalah dengan cara:
 - (i) Menjalankan suntikan pelalian.

- (ii) Mempertingkatkan usaha-usaha pengawasan penyakit (Disease Surveillance).
 - (iii) Memastikan peraturan import ternakan dipatuhi.
 - (iv) Mempertingkatkan kawalan terhadap pemindahan ternakan dari satu kawasan ke kawasan lain.
 - (v) Memberi dan mendapat kerjasama daripada penternak.
- (b) Buat masa ini, import dari negara jiran telah dihentikan. Keadaan ini akan dikaji dari masa ke semasa mengikut kedudukan penyakit. Tidak. Kematian di kalangan ternakan di Kalimantan Utara bukanlah disebabkan oleh penyakit kuku dan mulut, tetapi adalah disebabkan oleh penyakit Haemorrhagic Septicemia (Hawar Berdarah).

Negeri Sarawak adalah bebas dari penyakit kuku dan mulut. Tindakan dan kawalan yang melibatkan pengawasan penyakit (disease surveillance), kawalan import dan pemeriksaan ternakan yang rapi, dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan Negeri Sarawak bebas dari penyakit ini.

RANCANGAN FELDA/FELCRA DI SIK/BALING

19. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapakah hektar tanah akan dibuka untuk FELDA dan FELCRA di kawasan Sempadan Wilayah/Thailand, khususnya di daerah Sik/Baling di dalam rancangan Malaysia Ke Lima bagi menjamin keselamatan dan kemajuan rakyat.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Program Pembangunan Tanah oleh agensi-agensinya pembangunan tanah di bawah Kementerian saya adalah menyeluruh, ianya tidak hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja. Pada masa ini FELCRA telah dan sedang memajukan seluas 21,257 hektar tanah hutan di kawasan-kawasan Sempadan dan Malaysia-Thailand semenjak tahun 1959 meliputi 15 buah rancangan iaitu 3 buah rancangan di Negeri Perlis yang meliputi seluas 5,954 hektar, 5 buah rancangan di Negeri Kedah yang meliputi seluas 3,949 hektar, 3 buah rancangan di Negeri Perak yang meliputi seluas 3,201 hektar dan 4 buah rancangan di Negeri Kelantan yang meliputi seluas 8,153 hektar.

Sementara itu sebanyak 3 buah rancangan FELDA di kawasan sempadan seluas 2,400 hektar dijangka dimajukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Manakala bagi FELCRA pula, sebanyak 14 buah rancangan dengan keluasan 3,115 hektar telah dan sedang dimajukan dan seluas 647 hektar lagi dijangka dimajukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

PENDATANG HARAM INDONESIA DI MALAYSIA

20. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar akan kenyataan yang dibuat oleh Menteri Luar Indonesia, Mocktar Kusumaatmadja, dalam Parlimen Indonesia pada awal Jun ini bahawa terdapat kira-kira 500,000 pendatang-pendatang haram Indonesia di Malaysia, sebab-sebab mengapa Kerajaan membenarkan pendatang-pendatang haram memasuki tanah air kita dengan bebas dan tanpa sebarang sekatan, dan

apakah tindakan yang diambil untuk mengusir mereka; jika tidak, mengapa.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri mengambil maklum di atas kenyataan seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Sungai Besi. Sebaliknya Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memastikan kesahihan sumber kenyataan itu.

Adalah tidak benar dakwaan Yang Berhormat Ahli dari Sungai Besi bahawa pendatang haram dapat masuk ke negeri ini dengan bebas dan tanpa sebarang sekatan. Pihak Kementerian sentiasa mengawal dengan ketatnya semua pintu-pintu masuk resmi dan sempadan bersama negara ini dan negara-negara jiran. Dalam pada itu adalah mustahil dan dengan izin "Practical Impossibility" bagi Kementerian Dalam Negeri mengawal setiap kaki sempadan darat dan pantai negara Malaysia oleh kerana panjangnya pantai dan sempadan negara ini serta keadaan geofizikal kawasan-kawasan sempadan itu. Keadaannya inilah yang membolehkan warganegara asing memasuki negara ini secara haram.

Seperti yang pernah dimaklumkan di Dewan Yang Mulia ini beberapa kali dahulu, pihak Kementerian Dalam Negeri tidak pernah membenarkan mana-mana warganegara asing memasuki negara ini secara haram oleh kerana perbuatan itu adalah menyalahi undang-undang Imigresen. Sebaliknya, Kementerian Dalam Negeri tetap bertindak tegas yang diambil terhadap mereka ialah menangkap, mendakwa dan mengusir ke negara asal mereka. Sebagai bukti tindakan tegas Kementerian Dalam Negeri, sepanjang tahun 1984 seramai 11715 orang pendatang haram telah ditangkap, termasuk 7331 orang dari Indonesia.

KUIL HINDU SEBERANG JAYA— PEMECAHAN

21. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar peristiwa pemecahan kuil Hindu di Seberang Jaya, Prai, baru-baru ini oleh Pejabat Daerah Bukit Mertajam, amat sangat menggugatkan Dasar dan Prinsip Rukunegara yang menjadi teras kepercayaan masyarakat berbilang kaum, memandangkan kejadian ini apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian khasnya terhadap Tuan Pegawai Daerah, Bukit Mertajam dan amnya terhadap pegawai-pegawai yang sabit dengan hal ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Bagi menjawab soalan Yang Berhormat tersebut suka saya menyatakan di Dewan Yang Mulia ini, bahawa Kerajaan memang sedar peristiwa pemecahan kuil Hindu di Seberang Jaya, Prai baru-baru ini oleh Pejabat Daerah Bukit Mertajam. Walau bagaimanapun pada hemat Kementerian ini soalan tersebut tidaklah ada kaitan langsung dengan masalah yang menggugat perpaduan kaum seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat tersebut. Kementerian saya telah difahamkan bahawa kuil itu telah dirobohkan oleh Pejabat Daerah Seberang Prai Tengah, Bukit Mertajam pada 11hb dan 12hb Jun, 1985 setelah mendapat persetujuan Jawatankuasa Kuil tersebut.

Memandangkan tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh pihak Pegawai Daerah Bukit Mertajam adalah sah disisi undang-undang dan di atas tujuan-tujuan rasmi pula maka Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan ke atas mereka.

(Soalan No. 22 Sila lihat Jawapan No. 11)

PELARASAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN

23. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan bahawa sama ada benar Kerajaan membenarkan permintaan untuk menambah gaji yang dikemukakan oleh persatuan kakitangan-kakitangan Kerajaan oleh kerana Kerajaan pernah berjanji kepada mereka akan menyelaraskan gaji tiap-tiap lima tahun. Jika tidak, apa sebabnya.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Yang sebenarnya ialah kajian mengenai pelarasan gaji kakitangan-kakitangan Kerajaan boleh dibuat tiap-tiap 5 tahun sekali, amalan pelarasan gaji kakitangan sektor awam dibuat dalam jangka masa lebih kurang 5 tahun memandangkan bahawa semakan gaji Jawatankuasa Kabinet I telah dibuat dalam tahun 1976 dan pelarasan gaji Jawatankuasa Kabinet II telah dibuat dalam tahun 1980. Saya jangka berdasarkan kepada amalan ini Pihak Pekerja telah membuat tuntutan pelarasan gaji dalam tahun 1985.

PROJEK MEWAH/KEPERLUAN

24. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang didefinisikan sebagai projek mewah dan sebagai projek keperluan dan bagi tahun-tahun 1980-85, berikan statistik yang dapat menyokong kelulusan projek-projek sebagai perlu dan penting bagi kebajikan rakyat. Apakah jumlah wang yang telah dibelanjakan dan darjat kejayaan yang tercapai dari segi jumlah wang yang dibelanjakan dan pencapaian matlamat projek.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Dalam perancangan projek-projek kerajaan konsep projek mewah tidak wujud. Semua projek-projek yang diluluskan di bawah rancangan pembangunan lima tahun adalah projek-projek penting yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan bagi

keperluan rakyat. Dalam menimbangankan program dan projek-projek pembangunan yang hendak dilaksanakan itu, Kerajaan sentiasa berhati-hati dan mengkaji dengan teliti kesesuaian projek; projek tersebut. Keutamaan diberi kepada program dan projek yang memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi, pencapaian objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru, serta yang memberi menafaat kepada rakyat jelata sama ada secara langsung atau tidak langsung. Matlamat dan kos projek serta kemampuan perlaksanaan adalah juga diambil kira. Kesimpulannya projek-projek yang tidak memenuhi kriteria-kriteria penting ini sudah tentu tidak akan mendapat pertimbangan.

Bagi Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), bilangan projek yang diluluskan ialah lebih kurang 14,600 selepas mengambilkira projek-projek yang ditangguh atau dibatalkan berikutan dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi projek-projek yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat adalah \$49,392 juta manakala perbelanjaan sehingga akhir tahun 1984 adalah \$40,190 juta, iaitu merupakan pencapaian sebanyak 81%.

KAKITANGAN KERAJAAN— JUMLAH GUNATENAGA

25. Dato Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan sebenarnya kakitangan Kerajaan kita;
- (b) berapakah peratus ianya mewakili jumlah gunatenaga;
- (c) jumlah gaji yang dibayar kepada kakitangan Kerajaan setahun, dan juga menyatakan sama ada bilangan kakitangan Kerajaan dianggap sangat tinggi dan jika

ya, apakah langkah atau tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

- (a) Bilangan sebenar kakitangan Kerajaan kepada hujung tahun 1984 ialah sebanyak 886,996 orang.
- (b) Angka ini adalah merupakan 16.4% dari jumlah gunatengah negara yang berjumlah 5,406,900 orang.
- (c) Jumlah gaji bagi kakitangan Kerajaan setahun adalah 6.6 billion. Kerajaan menganggap jumlah kakitangan perkhidmatan awam adalah tinggi. Oleh itu Kerajaan pada masa ini sedang memikirkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan lagi bilangan kakitangan sektor awam termasuk melancarkan program pengswastaan, membekukan pengisian bagi jawatan-jawatan yang kosong melainkan jawatan yang dianggap perlu, mengkaji pertindihan tugas diantara Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan dan lain-lain langkah yang perlu.

**DEMONSTRASI NELAYAN
DI KUALA KEDAH**

26. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan mengapakah berlakunya demonstrasi nelayan-nelayan di Kuala Kedah baru-baru ini. Adakah ianya disebabkan oleh penyalahgunaan kuasa oleh Pegawai-pegawai perikanan disebabkan adanya Undang-undang Perikanan 1984. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh

Kerajaan bagi menjelaskan keraguan mengenai Undang-undang Perikanan 1984 kepada semua nelayan-nelayan di negara ini.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Demonstrasi Nelayan di Kuala Kedah adalah dipercayai berpunca dari salah anggapan nelayan terhadap Akta Perikanan 1985. Untuk mengatasi masalah kurang fahaman kepada Akta Perikanan 1985, usaha-usaha untuk memberi keterangan yang jelas kepada nelayan-nelayan sedang dijalankan sekarang di seluruh negara.

Tentang soalan sama ada pegawai menyalahgunakan kuasa di bawah Undang-undang Perikanan 1985, saya ingin menjelaskan bahawa undang-undang ini masih belum dilaksanakan.

**KEMPEN BELILAH BARANGAN
BUATAN MALAYSIA**

27. Tuan Ibrahim Azmi Hassan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sejauh manakah kesan dan hasil kempen membeli belah barangan buatan Malaysia; adakah ia memberi kesan yang memuaskan dari hasil kempen yang tersebut; sejajar dengan kempen itu adakah memberi erti bahawa barangan buatan Malaysia lebih murah dari barangan buatan asing jika tidak maka adakah kempen-kempen itu berkesan atau bagaimana;
- (b) mengapakah terdapat barangan-barangan buatan Malaysia harganya dalam Malaysia lebih mahal dijual jika berbanding dengan barang buatan asing sedangkan barangnya jenis dan kualitinya sama; dan
- (c) mengapakah didapati setengah-setengah barangan buatan atau pengeluaran Malaysia harganya dijual lebih murah dari harga dalam negeri sendiri seperti

* Angka ini diperolehi dari jadual 4.7 Laporan Ekonomi 1984 dan 1985.

minyak makan dan barangan dalam tin dijual di setengah-setengah negara asing lebih murah harganya dari harga di Malaysia sendiri; kenapa dan apakah sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):

- (a) Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia dilancarkan dengan tujuan menyedarkan dan menarik perhatian pengguna-pengguna sama ada orang persendirian, atau pengguna industri kepada wujudnya barang-barang dan perkhidmatan yang dibuat atau dibekal oleh pengeluar-pengeluar dalam negeri. Ia juga bertujuan menyedar dan menggalakkan pengusaha atau pekilang-pekilang tempatan supaya meningkatkan mutu keluaran masing-masing dan menjualnya dengan harga yang berpatutan.

Untuk mencapai objektif ini, beberapa aktiviti telah disusun dan dijalankan, seperti aktiviti-aktiviti penerangan, publisiti, pameran, pendidikan dan peningkatan mutu. Kesemua aktiviti itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Melalui aktiviti seranta yang dijalankan menerusi media massa kita telah disedarkan tentang kempen ini, seperti yang dapat dilihat daripada laporan-laporan berita, rencana-rencana khas dalam akhbar. Kementerian saya juga menerima maklum balas berupa pandangan, ulasan dan cadangan dari pelbagai pihak tentang kempen ini dan bagaimana mereka dapat memberi sumbangan menayakan kempen ini.

Pekilang-pekilang tempatan juga telah memberikan sambutan positif kepada seruan supaya meningkat mutu keluaran masing-masing. Suatu usaha ke arah menggalakkan pekilang-pekilang tempatan meningkatkan mutu barangan dan menggunakan bahan dan teknologi tempatan berupa pertandingan untuk merebut gelaran "Anugerah Barangan Cemerlang" mendapat sambutan dan penyertaan yang baik daripada pihak pekilang. Sementara itu, pasaraya-pasaraya atau "supermarket" di seluruh negara mengadakan promosi dan pameran barangan buatan Malaysia.

Manakala, dari segi pendidikan pula yakni membentuk nilai-nilai kepenggunaan dan semangat kebanggaan terhadap barangan tempatan, usaha-usaha ditumpukan kepada penuntut-penuntut sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti pertandingan lukis poster, mengarang essei dan syarahan telah membangkitkan kesedaran para penuntut sekolah mengenai Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia ini.

Oleh yang demikian, setakat ini saya berpuas hati bahawa berdasarkan "response" yang kita terima, objektif kita menimbulkan kesedaran tentang perlunya membeli barangan buatan Malaysia tercapai.

Memang bukanlah tujuan kempen ini untuk memberi jaminan bahawa semua barangan Malaysia adalah sentiasa lebih murah daripada barangan import. Namun, adalah harapan kita bahawa jika pengguna-pengguna membeli

barangan tempatan akan memberi galakan dan perangsang kepada pelabur-pelabur dan pekilang menubuh dan memperbanyakkan kilang-kilang untuk mengeluarkan barang-barang yang sedang diimport. Dengan meluas dan mempertingkatkan pengeluaran mereka akan ujudlah ekonomi bersekil besar yang seterusnya akan mengurangkan kos unit barangan dan harga yang ditawarkan kelak. Peluang-peluang pekerjaan akan juga bertambah.

- (b) Ada beberapa sebab mengapa setengah-setengah barang yang dibuat dalam negeri lebih mahal dari barangan yang sama yang diimport. Harga sesuatu barangan di dalam pasaran ditentukan oleh beberapa faktor seperti bekalan dan permintaan bagi barangan itu, kos pembuatannya dan juga strategi pemasaran pembuatnya serta polisi atau dasar pengeksporan yang diamalkan oleh sesebuah negara itu. Harga setengah-setengah barang import lebih murah di Malaysia mungkin oleh sebab-sebab berikut:

(i) pengeksporn-pengeksporn berkenaan sengaja menawarkan pada harga yang lebih rendah untuk membolehkan mereka bertapak dalam pasaran Malaysia.

(ii) pengeluar-pengeluar di luar negeri mempunyai "economies of scale" dan dengan yang demikian dapat mengurangkan kos se unit barangan tersebut;

(iii) sekim atau bantuan subsidi yang diberi oleh negara-negara berkenaan kepada pengeksporn-pengeksporn mereka.

- (c) Pengeksporn-pengeksporn negeri kita juga menghadapi persaingan hebat dalam pasaran luar negeri. Untuk menembusi pasaran-pasaran luar negeri harga yang kompetitif merupakan satu faktor yang amat penting. Oleh sebab itu, harga sesuatu barangan itu yang dijual di pasaran luar negeri terpaksa rendah sedikit daripada harga di pasaran dalam negeri. Namun, perlulah kita fahami bahawa sekiranya pekilang-pekilang di dalam negeri tidak berjaya menjual barangan mereka di pasaran luar negeri, mereka tidak akan dapat mengurangkan kos unit pembuatan atau menikmati apa yang disebutkan dalam istilah ekonomi sebagai "ekonomi bersekil besar". Akibatnya bukan sekadar meninggikan lagi harga barangan mereka dalam pasaran domestik bahkan akan membantu usaha-usaha negara untuk menjadi negara kita sebagai negara pengeksporn yang maju.

KAWASAN PERINDUSTRIAN

28. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) apakah maksud dasar/strategi "pengkhususan perindustrian mengikut negeri-negeri/wilayah-wilayah". Apakah perancangannya bagi negeri-negeri/wilayah-wilayah yang telah dikenal pasti; dan

- (ii) berapa kos menyediakan semua kawasan-kawasan perindustrian di seluruh negara. Berapa bilangan industri-industri telah wujud dalam kawasan-kawasan perindustrian ini. Mengapa terdapat penumpuan penempatan kilang-kilang dan negeri-negeri/wilayah-wilayah tertentu. Bagaimana mengatasinya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:

- (i) Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini tidak ada sebarang dasar/strategi pengkhususan perindustrian mengikut negeri-negeri/wilayah-wilayah. Walau bagaimanapun, sebagai sebahagian daripada dasar pembangunan perindustrian negara, penyelerakan industri telah digalakkan bagi menentukan pertumbuhan perindustrian yang seimbang. Ini telah dibuat melalui polisi menyediakan berbagai jenis galakan untuk industri-industri yang ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju dengan tujuan menarik pelabur-pelabur ke sana. Namun demikian, penempatan industri-industri tertentu disesuatu negeri/wilayah bergantung kepada kemudahan-kemudahan yang dapat disediakan oleh negeri-negeri berkenaan.

Faktor-faktor seperti terdapatnya bekalan bahan mentah, kemudahan prasarana serta lain-lain kemudahan sokongan boleh mempengaruhi sesuatu kegiatan industri di sesebuah negeri. Sehingga ini negeri Melaka dan Terengganu

telah menyediakan Pelan Induk Perindustrian Negeri yang di antaranya telah mengenalpasti beberapa jenis industri tertentu bagi ditempatkan di sana.

- (ii) Sehingga 31hb Disember, 1982 Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah membelanjakan sebanyak \$382* juta bagi kawasan perindustrian seluas 7,536.7* hektar. Perbelanjaan ini adalah meliputi kos pengambilan alih tanah, kos merata/menimbul, bayaran profesional bekalan air/letrik, jalanraya dan pembentongan dan perparitan. Di dalam jangkamasa yang sama juga, terdapat sebanyak 921* buah syarikat berdaftar di semua kawasan perindustrian di Malaysia.

Penumpuan penempatan kilang-kilang di negeri-negeri/wilayah-wilayah tertentu disebabkan oleh beberapa faktor-faktor utama seperti berhampiran dengan saluran pasaran kemudahan mendapatkan bekalan bahan mentah, kemudahan pelabuhan serta terdapatnya kemudahan-kemudahan infrastruktur asas seperti jalanraya, bekalan kuasa elektrik, air dan telefon.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak kerajaan telah mengadakan dasar penye-larasan industri-industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju dengan menyediakan berbagai-bagai jenis galakan yang menarik serta memperbaiki lagi kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan tersebut.

PENERBANGAN MAS KE SARAWAK

29. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) Keuntungan MAS yang didapati dari penerbangannya di antara sektor KL/Kuching/KL dan dalam Negeri Sarawak bagi setiap tahun mulai tahun 1981 hingga sekarang;
- (b) memandangkan bayaran tambang bagi penerbangan MAS di Negeri Sarawak adalah sangat tinggi di bandingkan dengan Semenanjung Malaysia, adakah MAS akan menyemak semula dan menurunkan harga tambang di negeri tersebut; dan
- (c) apakah terjadi tentang syor-syor untuk mengadakan semula perkhidmatan penerbangan MAS di antara Miri/Bandar Seri Begawan/Miri.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):

- (a) (i) Kedudukan hasil pendapatan dari penerbangan-penerbangan yang dijalankan oleh sistem Penerbangan (MAS) bagi sektor Kuala Lumpur-Kuching dan sebaliknya mulai tahun 1981 hingga sekarang adalah seperti berikut:

Tahun	Sektor KUL-Kuching v.v	Keuntungan/Kerugian
1980/81 (April-Mac)	Kerugian	sebanyak \$3,479,000
1981/82 (April-Mac)	Kerugian	sebanyak \$4,018,000
1982/83 (April-Mac)	Kerugian	sebanyak \$3,433,000
1983/84 (April-Mac)	Keuntungan	sebanyak \$868,000
1984/85 (April-Mac)	Keuntungan	sebanyak \$6,287,000

- (ii) Bagi penerbangan-penerbangan dalam negeri Sarawak pada keseluruhannya, kedudukan hasil pendapatan adalah seperti berikut;

Sektor-sektor di dalam Negeri Sarawak: Keuntungan/Kerugian

1980/81 (April-Mac)	Keuntungan	sebanyak \$678,000
1981/82 (April-Mac)	Kerugian	sebanyak \$3,877,000
1982/83 (April-Mac)	Kerugian	sebanyak \$8,885,000
1983/84 (April-Mac)	Keuntungan	sebanyak \$1,158,000
1984/85 (April-Mac)	Kerugian	sebanyak \$1,114,000

- (b) Penetapan harga tambang adalah tertakluk kepada beberapa faktor seperti masa dan jarak penerbangan, harga minyak kapal terbang, jenis pesawat yang digunakan, bayaran gaji kakitangan dan bayaran operasi lain. Pada amnya kos-kos operasi ini adalah berbeza di antara sesebuah stesyen persinggahan itu dengan sebuah stesyen yang lain. Memandangkan itu harga tambang di antara sektor-sektor di Negeri Sarawak adalah berbeza dengan harga tambang di antara sektor-sektor di Semenanjung Malaysia. Misalnya sektor Bintulu-Sibu adalah sejauh 103 batu dan tambang yang dikenakan ialah Ringgit \$53.00 iaitu 52 sen bagi tiap-tiap batu, manakala sektor Kuala Lumpur-Ipoh adalah sejauh 104 batu dan tambang yang dikenakan ialah Ringgit \$55.00 iaitu 53 sen bagi tiap-tiap batu.

Untuk makluman Yang Berhormat, tambang-tambang yang dikenakan di dalam Negeri

Sarawak adalah lebih rendah secara purata jika dibandingkan dengan tambang-tambang yang dikenakan di Semenanjung Malaysia. Mengikut purata, tambang yang dikenakan di Negeri Sarawak ialah sebanyak 48 sen bagi tiap-tiap batu manakala di Semenanjung pula ialah 50 sen bagi tiap-tiap batu. Memandangkan itu, MAS pada masa ini tidak ada cadangan untuk menurunkan harga tambang di Negeri Sarawak.

- (c) Perkhidmatan udara di antara Miri dan Bandar Seri Begawan adalah perkhidmatan yang melibatkan sektor antarabangsa dan adalah tertakluk kepada Perjanjian Udara di antara Malaysia dan Brunei. Perjanjian Udara di antara Malaysia dan Brunei yang ada pada masa sekarang hanya membolehkan syarikat-syarikat penerbangan yang berkenaan iaitu Sistem Penerbangan Malaysia dan Royal Brunei Airlines mengadakan perkhidmatan di antara Bandar Seri Begawan dan tiga buah tempat di Malaysia iaitu Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching.

JUALAN MURAH YANG MENIPU PENGGUNA

30. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar, setiap kali menjelang hari-hari perayaan para pekedai telah membuat tawaran murah "Jualan Murah" dan bijaksana menipu pengguna-pengguna menerusi iklan jualan murah yang tidak murah. Jika sedar:

- (a) apakah sebarang tindakan positif telah; sedang dan akan

diambil oleh pihak Kementerian terutama Bahagian Penguatkuasa bagi melindungi pengguna-pengguna supaya tidak terus teraniaya; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan lesen kepada mereka yang akan mengadakan iklan Jualan Murah di masa hadapan supaya kawalan yang lebih rapi dan sempurna dapat diadakan bagi menjamin bahawa pengguna-pengguna benar-benar ditawarkan dengan harga yang murah.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kementerian saya sedar kemungkinan adanya peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan terutamanya di musim-musim perayaan untuk membuat tawaran "Jualan Murah" yang mengelirukan untuk menarik orang ramai supaya datang beramai-ramai dan membeli barang-barang di kedai mereka. Menyedari hakikat ini, Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa membuat pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa untuk menentukan supaya tawaran jualan murah yang dibuat benar-benar murah dan menepati takrif "Jualan Murah" di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972. Pemeriksaan mengejut ini dipertingkatkan di musim-musim perayaan, seperti bulan puasa yang lalu. Sebarang tawaran jualan murah yang palsu dan mengelirukan akan diambil tindakan tegas oleh Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bulan puasa yang lalu pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian saya telah membuat pemeriksaan mengejut di seluruh negara ke atas kedai-kedai dan pasar-pasar raya yang menawarkan "Jualan Murah" dan di dalam pemeriksaan ini sebanyak 29 kes jualan murah yang

palsu dan mengelirukan telah diambil tindakan yang melibatkan barang-barang rampasan bernilai \$59,300.00. Peniaga-peniaga yang bertanggungjawab akan dihadapkan ke Mahkamah tidak lama lagi.

Memandangkan banyaknya sungutan yang ditimbulkan oleh orang ramai mengenai tawaran jualan murah ini terutamanya di musim-musim perayaan, Kementerian saya akan mengkaji semula Akta Perihal Dagangan, 1972 untuk memastikan sama ada peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta itu cukup dan memadai untuk membentasi tawaran jualan murah ini. Pindaan sewajarnya akan dibuat ke atas Akta itu jika peruntukan-peruntukan di dalamnya didapati tidak cukup dan memadai. Sama ada lesen akan dikenakan kepada mereka yang membuat tawaran "Jualan Murah" bergantung kepada kajian yang akan dibuat kelak.

Dalam hubungan tawaran jualan murah ini, penguatkuasaan undang-undang oleh Kerajaan semata-mata tidaklah begitu berkesan tanpa sokongan pengguna-pengguna sendiri. Pengguna-pengguna hendaklah memainkan peranan yang lebih berkesan lagi supaya jangan mudah terpedaya dan terpengaruh dengan tawaran jualan murah yang dibuat oleh peniaga-peniaga. Mereka hendaklah lebih berhati-hati di dalam setiap pembelian mereka dan hanya membeli barang-barang jika barang-barang itu benar-benar perlu dan berpatutan harganya.

PELABURAN SINGAPURA DI MALAYSIA

31. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah pun diambil untuk menarik minat pelabur-pelabur Singapura supaya menggunakan potensi pelaburan

Malaysia untuk mengambil kesempatan menurunnya ekonomi Singapura tambahan lagi kurangnya kesempatan-kesempatan perdagangan bagi pelaburan di Singapura dan memandangkan komitmen kita untuk mempercepatkan perindustrian negara.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Yang Berhormat mungkin menyedari bahawa negeri Singapura memang merupakan sumber pelaburan asing yang terbesar di negara kita. Setakat 1983, daripada jumlah 1,826 projek asing yang telah dilaksanakan 639 projek perindustrian mempunyai ekuiti Singapura dan daripada jumlah pelaburan asing sebanyak \$3,346 juta, \$1,046 juta adalah dari Singapura.

Wujudnya beberapa faktor penting yang dapat menarik pelaburan Singapura ke Malaysia ialah dekatnya negara Singapura dengan negara Malaysia, kos buruh di Malaysia yang agak lebih rendah, dan adanya terdapat sumber-sumber asli seperti kayu, getah dan lain-lain. Di samping itu, Kerajaan Malaysia juga memberi segala galakan kepada pelabur-pelabur Singapura yang merupakan galakan fiskal serta bukan fiskal.

Kerajaan sedar bahawa peluang-peluang untuk menarik pelabur-pelabur Singapura adalah lebih nyata sekarang dan bagi tujuan ini Pejabat Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di Singapura telah diarahkan untuk mempergiatkan aktiviti penganjurannya. Taklimat-taklimat telah dan akan diberi kepada dewan-dewan perniagaan dan persatuan-persatuan mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Perjumpaan-perjumpaan di antara pelabur-pelabur Malaysia dengan pelabur-pelabur Singapura telah juga diatur untuk membincang

hal-hal usahasama. Dengan kegiatan-kegiatan ini, Kerajaan yakin akan dapat menarik lebih pelaburan dari Singapura.

KAWASAN INDUSTRI KECIL

32. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat hari ini berapa banyakkah kawasan industri kecil telah disediakan, adakah Kerajaan bercadang mengujudkan kawasan industri di tiap-tiap daerah dan bagaimanakah kemajuan yang telah dapat dicapai.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Setakat ini masih belum ada kawasan-kawasan industri kecil yang telah siap dibangunkan di bawah sekim kilang untuk perusahaan kecil yang diuruskan melalui Kementerian saya. Walau bagaimanapun terdapat tiga kawasan yang di dalam proses pembangunan yang mana adalah dijangka akan dimulakan tidak lama lagi. Kawasan-kawasan tersebut ialah:

- (i) Kuantan iaitu untuk negeri Pahang dan diuruskan oleh Majlis Perbandaran Kuantan dengan sumbangan Kewangan dari Kementerian saya dan tanah oleh Kerajaan Negeri Pahang. Tapak untuk kawasan ini telah pun ditimbus dan pembangunan sebenarnya akan dilaksanakan tidak lama lagi;
- (ii) Kuala Lumpur, di mana tapak seluas 50.2 ekar di Mukim Batu telah diperolehi dan projek ini akan diswastakan. Setakat ini Kementerian saya sedang menunggu laporan Juru-perunding bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil; dan
- (iii) Ipoh, iaitu untuk negeri Perak di mana tapaknya telah dikenalpasti dan dipersetujui

oleh Kerajaan negeri. Projek ini akan dilaksanakan oleh MARA dan adalah dijangka akan dibangunkan tidak lama lagi.

Sementara itu untuk negeri-negeri lain tindakan untuk mengenalpasti tapak-tapak kawasan adalah sedang diuruskan dan rundingan-rundingan dengan pihak Kerajaan negeri berkenaan adalah sedang diteruskan.

Mengenai pengujudan kawasan-kawasan industri kecil di peringkat daerah, buat masa ini, Kementerian saya tidak bercadang untuk berbuat demikian.

LESEN PEMANDU BARU

33. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai orang yang dipanggil untuk mengambil lesen pemandu mereka yang baru beberapa kali kecewa kerana setelah beratur setengah jam mereka diberitahu lesen tiada atau belum siap. Bolehkah sistem kerja ini dikemaskinikan supaya tidak menyusahkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Saya sedar bahawa pada beberapa bulan pertama lesen memandu berlapis dilancarkan pada tahun yang lalu, ramai orang tidak dapat mengambil lesen memandu berlapis mereka pada tarikh yang dijadualkan.

Kejadian ini telah berlaku hanya setakat 1,000 lesen sehari sahaja dapat dikeluarkan pada bulan-bulan tersebut. Akan tetapi Jabatan Pengangkutan Jalan kini mampu mengeluarkan 7,000 lesen sehari dan dengan bilangan ini lesen-lesen dapat dipercepatkan. Sistem yang diamalkan sekarang oleh Pejabat-pejabat Negeri Jabatan Pengangkutan Jalan ialah

untuk memberitahu pemandu-pemandu tentang tarikh pengambilan lesen-lesen mereka sebaik saja Pejabat-pejabat Negeri menerima lesen-lesen itu dari Ibu Pejabat yang mengendalikan semua proses pengeluaran lesen itu.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE SCANDINAVIA

34. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil kejayaan yang telah didapati daripada lawatan beliau ke Negara Scandinavia baru-baru ini dalam hubungan politik dan Ekonomi.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Alhaj: Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 15hb Julai, 1985. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

KOMPLEKS L.P.N. DI KEDAH

35. Tuan Baharum bin Haji Bakar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan pembinaan kompleks L.P.N. khususnya di Negeri Kedah kerana pada masa sekarang dengan bilangan yang sedia ada masih terdapat kelewatan dalam proses membeli padi yang menyebabkan para petani terpaksa menunggu sehari-hari malah berminggu-minggu hanya kerana hendak menjual padi kepada L.P.N.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Kerajaan telah pun merancang untuk membina dua buah lagi kompleks bersepadu di Kedah sebagai usaha menambah keupayaan LPN sekarang. Disamping

itu, usaha juga sedang dibuat supaya LPN dapat mengadakan kemudahan-kemudahan sokongan dalam usaha menambahkan keupayaan penyimpanan padi oleh L.P.N. khusus di Negeri Kedah dan Perlis melalui pembinaan peneduh dan gudang sementara. Projek ini akan dilaksanakan dalam tahun ini juga yang akan memberikan keupayaan simpanan tambahan sehingga 50,000 metrik tan. Kemudahan sokongan dijangka akan menelan belanja kira-kira \$10 juta.

Mengenai kenyataan yang menyatakan bahawa petani-petani terpaksa menunggu sehari-hari malah berminggu-minggu untuk menjual padi kepada LPN; ingin saya tegaskan bahawa memang berlaku kelewatan untuk beberapa hari dalam proses pembelian padi dari petani terutamanya di puncak musim penuaian tetapi tidaklah benar yang tempoh menunggu itu menjangkau hingga berminggu-minggu.

PEJABAT RIMV DI KLUANG

36. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pengangkutan menyatakan bila masa Daerah Kluang akan dapat sebuah Pejabat RIMV. Oleh kerana penduduk-penduduk Kluang sangat-sangat memerlukan perkhidmatannya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Saya sukalah memaklumkan kepada Yang Berhormat daripada Bandar Kluang bahawa pihak Kementerian saya, khususnya Jabatan Pengangkutan Jalan telah mencadangkan supaya pejabat-pejabat kecil JPJ termasuk di Kluang ditubuhkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Bagaimanapun, rancangan ini telah ditangguhkan sehingga keadaan ekonomi negara pulih. Namun begitu, Kementerian Pengangkutan tidaklah menunggu-nunggu sehingga projek ini diluluskan, tetapi sebaliknya telah mengambil langkah-langkah jangka

pendek seperti mengadakan aktiviti pemeriksaan kenderaan dan ujian memandu di atas suatu kawasan yang dipinjamkan oleh Majlis Daerah Kluang.

Orang ramai di Kluang boleh mendapatkan kemudahan pengujian memandu sebanyak 7 kali sebulan dan pemeriksaan kenderaan sebanyak 4 kali sebulan.

KES PEMBUNUHAN/ROMPAKAN/ KECURIAN DI SARAWAK

37. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah kes-kes pembunuhan, rompakan dan kecurian yang telah dilaporkan di negeri Sarawak dari bulan Jun tahun lalu sehingga bulan Mei tahun ini, di antaranya, berapakah telah ditumpaskan oleh pihak polis, apakah langkah-langkah yang akan dijalankan oleh pihak berkenaan untuk memperkukuhkan keadaan keselamatan di negeri Sarawak.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes-kes pembunuhan, rompakan dan kecurian yang telah dilaporkan kepada pihak polis di negeri Sarawak sejak bulan Jun tahun 1984 sehingga bulan Mei tahun ini adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah kes pembunuhan ialah 20 kes.
- (ii) Rompakan 57 kes.
- (iii) Kecurian 4,151 kes.

Dari jumlah di atas sebanyak 13 kes pembunuhan, 17 kes rompakan dan 455 kes kecurian telah dapat diselesaikan.

Polis sentiasa mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah dan membanteras jenayah. Antara langkah-langkah tersebut ialah

seperti memperbanyakkan kawalan dan rondaan di kawasan-kawasan yang kritikal, melancarkan Gerakan Operasi Sapu yang bertujuan untuk mencegah dan membanteras kegiatan jenayah hartabenda, mengesan dan menahan penagih-penagih dadah yang terlibat dengan jenayah serta mengenakan Perintah Sekatan ke atas penjenayah-penjenayah degil.

PEKERJA INDIA—PENGAMBILAN

38. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan bagi pengambilan pekerja-pekerja dari negeri India, disebabkan latarbelakang pekerja-pekerja India mempunyai perhubungan sosial dan kebudayaan yang serupa dengan masyarakat India di Malaysia, jikalau dibanding dengan pekerja-pekerja dari negeri Indonesia dan kini dari Bangladesh.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kerajaan telah mengambil keputusan membenarkan kemasukan buruh asing dari negara-negara ASEAN, Bangladesh, India dan Sri Lanka. Walau bagaimanapun kemasukan mereka adalah bergantung kepada permintaan daripada mereka yang memerlukannya. Semua permohonan untuk membawa masuk buruh-buruh asing hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Pengambilan Buruh Asing di Jabatan Imigresen untuk diper-timbangkan.

Sebagaimana ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, kemasukan pekerja asing ke negara ini yang diluluskan oleh Kerajaan adalah secara kontrak. Mereka ini akan berada di negara kita hanya untuk suatu tempoh yang tertentu sahaja. Selepas tamat tempoh tersebut mereka akan dihantar balik ke negara asal mereka.

JAWATAN PEGAWAI DAERAH/ PENOLONG PEGAWAI DAERAH

39. Dr Koh Tsu Koon minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pegawai daerah (DO's) dan penolong pegawai daerah (ADO's) mengikut kaum (Melayu dan bukan Melayu) yang sedang berkhidmat di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Apakah sebab-sebabnya jawatan-jawatan ini nampaknya terhad kepada hanya kaum Melayu terutamanya di Semenanjung Malaysia, adakah Kerajaan bercadang untuk melantik lebih banyak pegawai bukan Melayu ke jawatan-jawatan ini pada masa hadapan. Kalau tidak, mengapa.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Jumlah Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah dari kalangan pegawai-pegawai gunasama iaitu (PTD dan PTA) seramai 248 orang. Bilangan ini tidak termasuk pengisian jawatan-jawatan di Negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Johor, Kedah, Sabah dan Sarawak kerana jawatan-jawatan tersebut diisi oleh pegawai-pegawai perkhidmatan negeri masing-masing.

Pengisian jawatan-jawatan di peringkat daerah oleh pegawai-pegawai gunasama (PTD dan PTA) adalah dibuat dengan persetujuan Kerajaan negeri yang berkenaan. Oleh yang demikian terpulanglah kepada Kerajaan Negeri berkenaan menentukan pegawai-pegawai yang sesuai untuk menyandang jawatan-jawatan tersebut.

Pegawai-pegawai Daerah adalah merupakan wakil Sultan atau Yang Dipertua Negeri di daerah-daerah berkenaan terutamanya dalam aspek adat-istiadat orang-orang Melayu dan juga dalam hal-hal Ugama Islam. Dengan yang demikian adalah sukar pegawai-pegawai bukan Melayu melaksanakan peranan ini.

PENDATANG HARAM INDONESIA DI SARAWAK

40. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) bilangan pendatang-pendatang haram Indonesia yang diketahui berada di Negeri Sarawak;
- (ii) apakah terdapat mana-mana sindiket yang menyeludupkan pendatang-pendatang haram Indonesia ke negeri Sarawak;
- (iii) apakah kadar kemasukan harian pendatang-pendatang haram asing ini;
- (iv) pintu-pintu masuk yang lazimnya digunakan oleh pendatang-pendatang haram asing ini untuk memasuki Sarawak;
- (v) sama ada beliau sedar ramai pendatang-pendatang haram Indonesia seumpama ini telah berjaya memperolehi kad-kad pengenalan biru di Sarawak selepas begitu singkat di sini dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah perkembangan yang tidak sihat ini; dan
- (vi) apa jenis pasukan Kementerianya akan menubuhkan untuk kestabilan sosial serta ketenteraman awam dipelihara di Sarawak.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (i) Kementerian Dalam Negeri tidak dapat membekalkan maklumat mengenai jumlah pendatang haram Indonesia yang berada di Sarawak, Sabah atau Semenanjung atau kadar kemasukan harian mereka oleh kerana mereka memasuki negara ini secara haram.

- (ii) Kementerian Dalam Negeri belum mengesan mana-mana sindiket yang membawa masuk pendatang haram Indonesia ke Sarawak;
- (iii) pendatang haram tidak memasuki negara ini melalui mana-mana pintu masuk resmi yang diisytiharkan di bawah Akta Imigresen.
- (iv) Kementerian Dalam Negeri tidak sedar bahawa pendatang haram berjaya mendapatkan kad pengenalan biru di Sarawak dengan mudahnya dan saya mohon Y.B. Ahli dari Bandar Kuching dapat membekalkan maklumat lengkap mengenai perkara tersebut kepada Kementerian Dalam Negeri;
- (v) Jentera keselamatan yang kini berada di Sarawak adalah berkeupayaan untuk menjamin serta mengekalkan keadaan ketenteraman awam di Sarawak.

RANCANGAN DASAR PERINDUSTRIAN

41. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah "Blue-print" atau Rancangan Dasar Perindustrian telah siap digubal; dan
- (b) memandangkan industri-industri kecil akan membantu kejayaan Dasar Perindustrian, apakah program-program atau galakan yang akan diwujudkan untuknya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:

- (a) "Blue-print" atau Rancangan Dasar Perindustrian yang terkandung dalam Pelan Induk

Perindustrian Malaysia seperti mana yang telah diisytiharkan pada asalnya dijadualkan akan siap pada penghujung Jun, 1985. Walau bagaimanapun memandangkan kepada beberapa perkara yang tidak boleh dielakkan terutamanya masalah pengutipan data-data yang sesuai, Pelan Induk ini dijangka akan hanya siap pada penghujung bulan Ogos, 1985.

- (b) Dalam usaha membangunkan dan memajukan perusahaan kecil ini Kementerian saya dengan kerjasama lain-lain agensi Kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan. Kemudahan-kemudahan ini adalah merupakan galakan kepada pertumbuhan dan kemajuannya. Kemudahan-kemudahan tersebut ialah:

(i) *Kemudahan Kewangan*

Satu sekim pinjaman untuk membangunkan perusahaan kecil telah dilaksanakan melalui pembiayaan Kerajaan dan pinjaman daripada Bank Dunia yang berjumlah sebanyak \$230 juta. Selain dari itu pinjaman-pinjaman kepada perusahaan kecil juga disediakan oleh institusi-institusi kewangan Kerajaan seperti Bank Pembangunan Malaysia Bhd., MIDF, MARA dan Bank Pertanian Malaysia. Sementara itu melalui arahan Bank Negara, Bank-bank Perdagangan juga ada menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman dengan mengenakan bunga di

atas kadar yang lebih rendah kepada pengusaha-pengusaha kecil dan ini adalah dibuat melalui Perbadanan Jaminan Kredit atau GGC.

(ii) *Kemudahan Infrastruktur*

Dari segi infrastruktur, iaitu pembangunan kawasan-kawasan perindustrian kecil, Kementerian saya telah mengadakan dua program atau sekim pembinaan kilang-kilang; iaitu sekim Kilang Bimbingan dan kilang yang sama ada untuk dijual atau disewakan kepada pengusaha-pengusaha di atas kadar yang lebih rendah dari kadar biasa.

Sehingga sekarang, Sekim Kilang Bimbingan ini telah pun dilaksanakan di Kelantan sementara satu lagi di-Jengka, Pahang adalah di dalam peringkat perediaan untuk dibina.

Untuk kilang-kilang yang akan disewa atau dijual pula, setakat ini tiga kawasan telah dikenalpasti iaitu di Mukim Batu, Kuala Lumpur yang akan diswastakan; di Kuantan, Pahang yang akan dibina oleh Majlis Perbandaran Kuantan

tidak lama lagi dan satu lagi di Ipoh, Perak yang akan dibina oleh pihak MARA.

Sementara itu, bagi negeri-negeri lain pula Kementerian saya adalah sedang mengenal pasti dan berunding dengan Kerajaan-kerajaan negeri bagi mendapatkan kawasan-kawasan yang sesuai untuk tujuan pembangunan kedua-dua sekim tersebut.

(iii) *Kemudahan Teknikal dan Teknologi*

Dari segi teknikal dan teknologi pengusaha-pengusaha kecil boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan dari agensi-agensi teknikal seperti MARDI, SIRIM, PRI dan sebagainya yang sentiasa bersedia memberikan bantuan-bantuan yang diperlukan. Sementara itu sebagai langkah untuk mendedahkan usahawan-usahawan kecil di bidang teknologi yang sesuai dan moden, Kementerian saya telah pun menubuhkan Pusat Pamiran dan Rujukan Teknologi untuk membantu Perusahaan Kecil mendapatkan maklumat berhubung dengan teknikal yang kemas-kini khasnya mengenai projek yang boleh diceburi dan berpotensi.

(iv) *Kemudahan Pengurusan dan Latihan*

Bantuan-bantuan di bidang pengurusan dan latihan adalah disediakan oleh agensi-agensi seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Pusat Pembangunan Usahawan (MEDEC) di ITM, di samping latihan-latihan khusus yang disediakan oleh agensi-agensi teknikal untuk usahawan-usahawan kecil.

(v) *Kemudahan Pasaran*

Kerajaan juga cuba membantu pengusaha-pengusaha kecil memasarkan keluaran-keluaran mereka melalui "sub-contracting" yang mana sekarang Kementerian saya adalah di dalam proses untuk mengenalpasti barang-barangan yang sesuai. Selain dari itu, pemasaran adalah juga dibuat melalui Sekim Pembelian Kerajaan dan juga melalui saluran-saluran pemasaran yang disediakan oleh Pernas Edar Sdn Bhd dan BESTA Sdn Bhd.

Untuk Makluman ahli Yang Berhormat jua, Kerajaan adalah juga sedang mengkaji semula sekim-sekim galakan khusus bagi pengusaha-pengusaha kecil. Di antara

galakan-galakan yang telah dikenalpasti ialah:

- (i) Potong perbelanjaan penuh-buhan syarikat;
- (ii) Potongan cukai pembangunan;
- (iii) Potongan dari duti stem; dan
- (iv) Pengecualian cukai jualan tertakluk kepada jumlah maksima \$100,000 atau kos upah sebanyak \$20,000 setahun.

Dengan adanya program-program atau galakan-galakan seperti yang telah dinyatakan itu, Kerajaan adalah berkeyakinan yang industri kecil di negara ini akan dapat memainkan peranan yang penting di dalam menjayakan Dasar Perindustrian Negara.

PERUNTUKAN KEDA

42. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan peruntukan telah diumumkan bagi KEDA sejak ditubuhkan dan apakah kegiatan yang telah dijalankan sehingga akhir bulan Jun, 1985.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Sejak Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) ditubuhkan pada pertengahan tahun 1981 sehingga tahun 1985, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan

peruntukan sebanyak \$65,947,419. Kedudukan pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan		Jumlah	
	Belanja Mengurus	Pembangunan		
(a) 1981			3,000,000	(geran pelancaran)
(b) 1982	6,435,479	3,578,000	10,013,479	
(c) 1983	5,141,940	4,672,000	9,813,940	
(d) 1984	4,597,800	12,481,000	17,078,800	
(e) 1985	5,817,200	20,224,000	26,041,200	
Jumlah ..	\$21,992,419	\$40,955,000	65,947,419	

Menyentuh mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KEDA, pada amnya matlamat yang dituju ialah untuk meninggikan taraf hidup dan perubahan corak hidup serta membaiki persekitaran kehidupan masyarakat desa di Wilayahnya. Dengan hasrat dan keazaman untuk mencapai matlamat inilah maka KEDA telah merancang dan menyusun strategi pelaksanaan program pembangunan yang meliputi bidang-bidang perindustrian, pertanian, pembangunan sosial, perdagangan dan fizikal.

Bagi mencapai matlamat tersebut beberapa aktiviti telah dan sedang dilaksanakan oleh KEDA iaitu di antaranya:

- (i) Industri Kecil Desa yang sedang dilaksanakan berasaskan sumber-sumber tempatan yang ada di kawasan berkenaan seperti buluh, rotan dan kayu. Pelaksanaan projek-projek seperti ini akan melahirkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk sekitarnya. Di antara industri-industri yang sedang berjalan ialah membuat bidai dan penyucuk sate di Naka, bengkel membuat rotan juga di Naka, bengkel kelarai bertam/

buluh di Kampung Terat Bukit Kulim dan projek-projek lain yang sedemikian rupa.

- (ii) Pembangunan Semula Kampung Tradisional—Di antara projek-projek yang sedang dilaksanakan ialah pembangunan semula kampung tradisional seperti Kampung Wang Tok Rendong di Langkawi, Kampung Ulu Legong dan Kampung Telok Rambung/Tanjung Pari di Baling, Kampung Lincan Pong Selatan di Padang Tetap dan Kampung Berjaya di Jeniang.
- (iii) Pembangunan Pertanian—Pelaksanaan projek-projek pertanian adalah dilaksanakan di kawasan-kawasan “Pocket” dan kampung-kampung tradisional yang dibangunkan semula. Di antara projek-projek yang dilaksanakan ialah projek ladang kopi/pisang di Charok Tualang, projek halia dan serai wangi di Pantai Molek, Sik, tanaman getah di Sungai Tengas, Kulim,

projek bendang berkelompok di Asam Jaya dan ternakan madu lebah di Langkawi.

- (iv) Pembinaan Bandar dan Pusat-pusat Pertumbuhan Desa KEDA telah merancang untuk memajukan 12 buah pekan/pusat pertumbuhan desa di seluruh Wilayah dan pekan-pekan itu termasuklah Baling, Sik, Jeniang, Kupang dan Naka. Pusat-pusat pertumbuhan desa yang dicadangkan pula termasuklah Binjal, Sungai Tiang, Singkir Darat, Napo, Kampung Terap, Relau dan Padang Sanai dan projek pembangunan pusat-pusat ini adalah dibiayai sebahagiannya oleh Bank Pembangunan Asia.
- (v) Pembangunan masyarakat—KEDA juga terlibat secara langsung dalam pembangunan masyarakat melalui program latihan industri desa seperti latihan anyaman buluh/bertam/rotan dan ternakan lebah madu.
- (vi) Penyediaan Pelan Induk—Bagi mewujudkan satu pelan perancangan jangka panjang, KEDA juga sedang berusaha untuk mewujudkan satu pelan induk bagi dijadikan panduan dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek di kawasanya.

LADA HITAM DI PASARAN ANTARABANGSA

43. **Dr George Chan Hong Nam** minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa memandangkan harga lada hitam di pasaran antarabangsa adalah sangat baik sekarang dan Negeri Sarawak adalah salah satu

pengekspor lada hitam terbesar, sila jelaskan.

- (a) sama ada Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan-rancangan untuk menggalakkan penanam lada hitam secara besar-besaran di Negeri Sarawak;
- (b) apakah insentif-insentif dan bantuan-bantuan yang sedang atau akan diberi kepada pekebun-pekebun lada hitam di Negeri Sarawak untuk menambahkan pengeluaran lada hitam;
- (c) sama ada Kementerian Pertanian Persekutuan akan menubuhkan satu unit Khas untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan tentang penanaman lada, misalnya bagaimana penyakit-penyakit akan dapat diatasi dan cara-cara baru menanam dan menambahkan pengeluarannya.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:

- (a) Dalam strategi pembangunan perusahaan lada yang digubal selari dengan Dasar Pertanian Negara, perkembangan tanaman lada hitam tidak akan digalakkan. Ini adalah memandangkan bahawa harga lada di dunia agak tidak stabil. Penanamannya memerlukan modal yang besar dan tenaga buruh yang banyak. Pulangan kepada modal bagi tanaman ini pada masa-masa yang lepas adalah tidak begitu lumayan, manakala pemeliharaan intensif yang dikehendaki oleh tanaman ini menyebabkan petani-petani tidak boleh menjalankan aktiviti lain bagi menambah pendapatan mereka. Walau bagaimanapun, penambahan pengeluaran akan ditumpukan kepada peningkatan hasil dari luas kawasan yang sedia ada

melalui amalan agronomi dan teknologi moden serta pengurusan ladang yang cekap. Ini adalah untuk mengawal pengeluaran lada supaya tidak berlebihan yang mana boleh menyebabkan kemerosotan harga dan membantut perusahaan ini.

- (b) Pada masa ini terdapat skim subsidi untuk petani-petani bagi memulihkan kebun-kebun mereka. Bagi tahun 1985, sebanyak \$1.5 juta telah diperuntukkan bagi pemberian subsidi. Dalam tempoh jangka panjang, dengan wujudnya sistem perkhidmatan yang lebih meluas oleh Bank Pertanian Malaysia di Sarawak, kemudahan kredit juga akan disediakan bagi pekebun-pekebun lada.
- (c) Setakat ini, Kementerian Pertanian tiada rancangan untuk menubuhkan satu unit khas untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Pada masa ini, penyelidikan sedang dijalankan oleh MARDI dan juga Jabatan Pertanian Sarawak. Di samping itu, melalui International Pepper Community (IPC), bantuan dari badan-badan antarabangsa diperolehi bagi membantu penyelidikan tempatan.

ORANG YANG TIDAK BERNEGERI

44. Tuan Patrick Anek Uren minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengarahkan suatu kajian yang wajar mengenai wujudnya orang-orang yang tidak mempunyai negeri iaitu mereka yang telah diberikan kad pengenalan merah di Sarawak sungguhpun mereka telah berada di Malaysia sebelum, selepas dan sejak Hari Malaysia bersamaan

16-9-63 dengan tujuan membetulkan keadaan dan memberi kepada mereka ini taraf pengenalan yang wajar.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Bukan semua orang yang memiliki kad pengenalan merah itu tidak mempunyai taraf kewarganegaraan asal mereka. Mereka memiliki kad pengenalan merah oleh kerana mereka menjadi penduduk tetap negara ini. Sebahagian daripada pemegang kad pengenalan merah adalah terdiri daripada mereka yang tidak ditentukan taraf kewarganegaraan mereka oleh kerana mereka tidak mempunyai bukti-bukti yang sah. Justru itu, Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk membuat sebarang kajian ke atas perkara ini.

Dalam pada itu, Kementerian Dalam Negeri sedia mengkaji dan menimbang permohonan dari pemegang kad pengenalan merah di Sarawak, Sabah atau Semenanjung Malaysia yang ingin mengetahui kedudukan mereka dari segi kewarganegaraan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

MOGOK LAPAR DI PULAU JEREJAK/PUSAT PEMULI- HAN AKHLAK MUAR

3.30 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengizinkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) Yang Berhormat Gooi Hock Seng untuk mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini bagi tujuan membincangkan mogok lapar yang berlaku di Pulau Jerejak

pada 10hb, 11hb dan 12hb Julai, 1985 dan juga mogok lapar yang sedang berjalan di Pusat Pemulihan Akhlak Muar yang disebabkan oleh penggunaan secara tiba-tiba Akta Dadah Merbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 oleh Menteri Dalam Negeri untuk melanjutkan tempoh tahanan orang-orang yang ditahan di situ kerana perkara tersebut adalah suatu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan berasaskan kepada alasan yang berikut:

Pertama, mogok lapar yang telah diadakan di Pulau Jerejak oleh kira-kira 700 orang tahanan dan mogok lapar yang sedang dilakukan oleh seramai 134 orang tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak Muar adalah menjadi perkara-perkara yang harus dipandang berat oleh bukan sahaja keluarga orang-orang tahanan tersebut serta orang ramai tetapi ia harus mendapat perhatian segera dan khas Ahli-ahli Dewan ini yang telah meluluskan Akta tersebut dalam Dewan ini hanya tiga bulan dahulu.

Kedua, cara mengejut dengan mana Menteri Dalam Negeri telah menggunakan Akta tersebut untuk melanjutkan tempoh tahanan orang-orang tahanan yang dahulunya ditahan di bawah Ordinan Darurat, 1969 yang mana tempoh tahanan sudah pun tamat atau hampir tamat harus diperiksa dengan rapinya oleh Dewan kerana tindakan Menteri berkenaan bukan sahaja telah menyebabkan tanpa dugaan pelancaran mogok lapar tersebut tetapi juga telah melanggar kefahaman yang diberi oleh Menteri berkenaan semasa Akta tersebut diluluskan di dalam Dewan bahawa kuasa penahanan

tanpa perbicaraan yang luas itu tidak akan disalahgunakan dengan apa cara sekalipun;

Ketiga, Menteri berkenaan bukan sahaja telah gagal menepati janjinya itu tetapi sebaliknya telah tanpa sebab-sebab yang munasabah melambatkan penyampaian perintah tahanan tersebut sehingga menjelang hari pembebasan mereka dan dalam kes Pusat Pemulihan Akhlak Muar pula menyampaikan perintah tahanan tersebut lewat petang pada hari di mana mereka patut dibebaskan apabila kesemua mereka itu telah berkemas dan bersiap sedia untuk pulang ke rumah dan Menteri berkenaan sepatutnya boleh melakukan ini beberapa minggu dahulu kerana Akta tersebut telah diwartakan lebih satu setengah bulan dahulu yakni pada 30hb Mei, 1985.

Keempat, keputusan secara tiba-tiba yang dibuat oleh Menteri berkenaan untuk menyampaikan perintah tahanan pada saat-saat terakhir ke atas orang-orang tahanan telah menyebabkan rasa ketidakadilan, victimisation malah penyalahgunaan kuasa di kalangan orang-orang tahanan dan keluarga dan segala jaminan yang sedia ada di dalam akta tersebut telah tidak diindahkan.

Kelima, penggunaan kuasa-kuasa tahanan tanpa perbicaraan secara wenang-wenang dan Menteri berkenaan telah melanggar semangat dan tujuan akta berkenaan yakni kuasa-kuasa yang diberikan itu akan digunakan secara adil dan bukan secara wenang-wenang dan tindakan seumpama itu hanya mengesahkan ketakutan orang ramai bahawa akta tersebut akan disalahgunakan;

Dan Dewan ini memerintahkan Menteri Dalam Negeri untuk menarik balik atau menggantungkan dengan sertamerta perintah-perintah tahanan yang dikeluarkan kepada orang-orang tahanan di Pulau Jerejak dan Pusat Pemulihan Akhlak Muar dan seterusnya menggunakan peruntukan-peruntukan akta tersebut terhadap orang-orang tahanan yang baru sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) daripada Yang Berhormat Ahli bagi Bukit Bendera pagi ini berkenaan dengan mogok lapar yang berlaku di Pulau Jerejak dan di Pusat Pemulihan Akhlak, Muar. Teks usul adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera sebentar tadi. Sebagaimana biasa jika ada pemberitahu usul yang diterima seperti ini saya sebagai Yang Dipertua mesti berpuas hati dengan tiga syarat yang hendak dipenuhi sebelum saya membuat keputusan boleh membenarkan perkara ini dibahas. Syarat-syarat yang mesti dipenuhi ialah:

- (1) Perkara itu ialah perkara tertentu.
- (2) Ia mengenai kepentingan orang ramai dan,
- (3) Ia berkehendakkan disege-
rakan.

Saya telah meneliti perkara ini dengan mendalam dan saya faham bahawa:

- (1) Perkara ini ialah perkara tertentu kerana ia berlaku sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera itu.

- (2) Ia juga berkenaan dengan kepentingan orang ramai kerana sambil melibatkan keluarga, anak isteri dan orang-orang tahanan itu sendiri ianya ada berkenaan secara langsung dengan masalah besar yang orang ramai hadapi masa kini.

Selain daripada menyentuh prinsip pokok dalam pelaksanaan undang-undang sama ada setimpal dengan beratnya masalah yang dihadapi. Berkaitan dengan sama ada perlu disegerakan atau tidak, saya berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan sehingga menangguhkan perjalanan Dewan Rakyat hari ini untuk membincangkannya semata-mata. Oleh kerana:

- (1) Kerajaan hanya melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985) yang telah pun diluluskan oleh Parlimen bagi maksud mengatasi masalah yang orang ramai hadapi seperti tersebut, dengan cara yang difikirkan oleh Kerajaan wajar dan baik.
- (2) Perbuatan menahan diri dari makan yang menjadi ciri utama kejadian-kejadian tersebut adalah perbuatan orang-orang tahanan itu sendiri, dan bukan dengan paksaan Kerajaan.
- (3) Saluran-saluran lain terbuka untuk Ahli Yang Berhormat itu mencari penyelesaian yang difikirkan wajar mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat saya menolak usul ini.
(Tepuk)

**RANG
UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG
BADAN BERKANUN GETAH**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.46 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junit bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta Badan Berkanun Getah 1985, bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 dan Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan kembali kepada session Parlimen dalam bulan Ogos/September 1972 yang telah meluluskan antara lain pindaan kepada Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 (MRRDB) yang telah mula dikuatkuasakan dalam tahun 1973.

Di dalam pelaksanaan Ordinan dan Akta tersebut didapati beberapa fungsi dan aktiviti-aktiviti Lembaga tidak dapat dijalankan dengan berkesan oleh kerana peruntukan-peruntukan yang didapati di dalam Ordinan atau Akta yang berkenaan adalah terhad. Sebagai agensi Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap perkembangan dan kemajuan penyelidikan getah asli yang merupakan di antara sumber pendapatan terpenting negara, maka peranan dan aktiviti-aktiviti Lembaga ini perlulah diperkemaskan dari masa ke semasa.

Kementerian Perusahaan Utama telah mengkaji dan meneliti Ordinan/Akta kedua-dua Lembaga yang berkaitan dengan getah iaitu Lembaga

Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia dan Institut Penyelidikan Getah Malaysia untuk dikemaskini dan disesuaikan dengan tugas-tugas yang perlu dijalankan oleh Lembaga selaras dengan tujuan penubuhan kedua Lembaga tersebut. Pindaan-pindaan yang berkenaan yang berkaitan dengan Ordinan atau Akta Lembaga-lembaga yang berkaitan dengan getah adalah sepertimana yang saya akan terangkan berikutan ini:

Pindaan-pindaan kepada tajuk panjang, Seksyen 1, Seksyen 7 dan bahagian-bahagian seksyen 15 (d) dan 16 berhubung dengan penggantian perkataan-perkataan "the Federation" dengan perkataan "Malaysia", Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 dicadangkan bagi tujuan memperkemaskini lagi Ordinan ini.

Pindaan kepada sub-seksyen (4) seksyen 3 Ordinan tersebut bertujuan menambah seorang lagi bagi wakil sektor pekebun kecil yang khas dari RISDA serta seorang wakil dari negeri Sabah dan seorang wakil dari negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, walaupun wakil RISDA sebagai Ahli Lembaga MRRDB telah dilantik sejak tahun 1973 tetapi perlantikan wakil RISDA adalah dibuat mengikut seksyen 3 (4) (c) iaitu dengan mengambil tempat wakil pekebun-pekebun kecil dan dengan perlantikan wakil RISDA ini bermakna pekebun kecil kekurangan satu kerusi dalam Lembaga MRRDB.

Oleh kerana pekebun kecil memainkan peranan utama dalam perusahaan getah Malaysia, pendapat-pendapat dan pandangan mereka adalah penting dan dengan itu adalah wajar supaya tempat mereka dalam Lembaga dikembalikan. Di samping itu sebagai agensi pelaksanaan program pekebun kecil getah, peranan

wakil RISDA adalah juga penting dalam Lembaga MRRDB bagi menentukan arah aliran penyelidikan dan kemajuan getah dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil keseluruhannya. Dengan itu pindaan seksyen 3 (4) (e) adalah bertujuan untuk mengekalkan wakil RISDA dalam Lembaga MRRDB dan di waktu yang sama dapat mengembalikan kerusi pekebun kecil.

Mengenai perwakilan Sabah dan Sarawak menduduki Lembaga MRRDB, adalah sesuai peruntukan dibuat bagi perlantikan wakil-wakil yang berasingan bagi Kerajaan-kerajaan Sabah dan Sarawak dalam Lembaga. Dengan itu cadangan pindaan telah dibuat terhadap Seksyen berkenaan.

Di samping itu pindaan seksyen 3 (5) dan 3 (6) Ordinan yang berkenaan adalah bertujuan untuk memperkemaskan perlantikan ahli silihganti kepada anggota Lembaga selain dari Pengerusi di samping bertujuan memberi kuasa kepada Menteri atas budibicaranya untuk menentukan tempoh perlantikan anggota-anggota Lembaga (selain daripada Pengerusi) dan anggota silihganti mereka.

Pindaan di Subseksyen (4) yang dicadangkan dalam seksyen 4 Ordinan ini adalah bertujuan untuk membolehkan Timbalan Pengawal atau salah seorang Ahli Lembaga untuk menjadi Pengerusi Mesyuarat Lembaga dalam keadaan di mana Pengawal tidak hadir di mana-mana mesyuarat Lembaga. Walaupun di masa-masa lepas Timbalan Pengawal, telah menguruskan mesyuarat-mesyuarat Lembaga tetapi peruntukan yang ada sekarang adalah kurang jelas mengenai kedudukan beliau. Dengan itu pindaan peruntukan ini adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Timbalan Pengawal untuk menjalankan tugas Pengawal dalam keadaan yang diperlukan.

Peruntukan tambahan Seksyen 6 (3) Ordinan dicadangkan bagi membolehkan Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan dan tata tertib pegawai-pegawai dan kakitangannya selain daripada Pengawal dan Timbalan Pengawal. Manakala Subseksyen (4) yang dicadangkan di bawah Seksyen 11 Ordinan adalah bermaksud untuk membolehkan Menteri membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib Pengawal dan Timbalan Pengawal. Pindaan-pindaan ini diperuntukkan memandangkan bahawa mengikut peruntukan Ordinan sekarang masih belum ada peruntukan khas untuk membolehkan Lembaga dan mana-mana pihak mengeluarkan perintah atau peraturan mengenai tata tertib kakitangan. Peraturan-peraturan ini perlu untuk menentukan supaya pentadbiran Lembaga dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Pindaan di Seksyen 15 adalah bermaksud memasukkan perenggan baru (ii) ke dalam seksyen itu untuk memberi kuasa kepada Lembaga memberi bantuan kepada institusi-institusi pelajaran tinggi di Malaysia yang mengajar dan melatih ahli teknologi getah asli sebagai satu daripada disiplinnya. Pindaan ini adalah penting dan selaras dengan hasrat Lembaga untuk terus bekerjasama dengan lebih rapat dengan institusi-institusi pelajaran tinggi bagi mempertingkatkan lagi penyelidikan dalam bidang getah asli.

Peruntukan baru Seksyen 15A yang dicadangkan kepada Ordinan adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga meminjam wang bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsinya jika perlu. Bagi Seksyen 16 pula, pindaan adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga untuk melabur dalam pelaburan-pelaburan yang lebih luas dari yang

diperuntukkan dalam Ordinan sekarang yang mana terhad kepada "securities". Dengan adanya pindaan ini lembaga dapat menggunakan mana-mana bahagian Kumpulan Wang yang tidak dikehendaki dibelanjakan dengan serta merta ke dalam pelaburan yang dapat memberi manfaat yang baik.

Pindaan juga dibuat dengan menambah Seksyen baru 17A kepada Ordinan bertujuan untuk memperkemaskini Ordinan ini selaras dengan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 mengenai Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mencadangkan beberapa pindaan kepada Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966. Di samping bermaksud untuk melengkapkan tafsiran mengenai Lembaga yang ditubuhkan di bawah Seksyen tersebut, pindaan juga dicadangkan di Seksyen 4 Akta RRIM yang bertujuan untuk mengubahsuai dan memperkemaskan cara perlantikan ahli-ahli lembaga Institut ini yang didapati peruntukan yang ada sekarang adalah tidak begitu jelas. Di samping itu seksyen ini memperuntukkan seorang wakil dari tiap-tiap negeri Sabah dan Sarawak bagi menduduki Lembaga Institut ini.

Peruntukan tambahan yang dicadangkan kepada Seksyen 6 Akta ini adalah bertujuan untuk membolehkan Lembaga Institut, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan dan tata tertib pegawai dan kakitangannya selain daripada Pengarah dan Timbalan-timbalan Pengarah, manakala pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 11 Akta adalah bermaksud untuk membolehkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat

peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan dan tata tertib Pengarah serta Timbalan-timbalan Pengarah.

Peruntukan tambahan di Seksyen 12 (1A) adalah bertujuan melicinkan pentadbiran Lembaga bagi membolehkan seseorang pegawai Institut atau seorang yang menjalankan tugas-tugas Pengarah Institut ketika ketiadaan Pengarah untuk bertindak sebagai anggota Lembaga Institut mewakili Pengarah bagi tempoh berkenaan.

Cadangan pindaan seksyen 15A kepada Akta ini adalah mempunyai tujuan yang sama seperti pindaan terhadap seksyen 17A Ordinan MRRDB sebagaimana saya sebutkan tadi iaitu selaras dengan pengkanunan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini pindaan-pindaan lain kepada Ordinan dan Akta yang saya tidak sentuhi secara spesifik tadi adalah yang merupakan pindaan-pindaan kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 dan Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Ulu Muda.

3.57 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang Dipertua, terutama sekali saya inginlah merakamkan tahniah dan terima kasih saya kepada Kementerian Perusahaan Utama yang membawa pindaan kepada Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 dan Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966. Pada hakikatnya pindaan-pindaan yang telah dibuat itu adalah untuk mengukuhkan, untuk memperbaiki kedua-kedua institut ini dengan kemasukan-kemasukan wakil-wakil Sabah dan Sarawak dan RISDA dengan mengekalkan kedudukan ahli daripada pekebun-pekebun kecil, ini suatu corak bagi memperkemas pentadbiran.

Saya tidak akan menyentuh aspek untuk memperkemas pentadbiran kedua-dua institusi ini jika saya tidak membabitkan ataupun membawa perbincangan ini untuk melihat perkembangan keadaan semasa pekebun-pekebun kecil getah dan juga mengenai harga getah yang sekarang ini menjadi satu isu kepada masyarakat pekebun-pekebun kecil di desa-desa. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sumber getah adalah merupakan sumber negara yang terpenting dan juga pekebun-pekebun kecil memainkan peranan yang utama kepada negara kita. Tetapi sekarang ini dalam keadaan negara dan keadaan ekonomi negara yang sedang meleset saya mengakui bahawa hakikat kita bergantung kepada ekonomi antarabangsa dengan sebab itulah maka keadaan harga getah yang sekarang seolah-olah tidak terkawal jatuh begitu rendah kepada tingkat 25 sen satu kilo bagi cut lump dan juga hanya 45 sen bagi getah keping bagi satu kilo.

Tujuan saya menyebutkan perkara ini ialah untuk menyedarkan Kerajaan,

untuk mengkaji dan melihat perkara itu dengan begitu serius kerana saya teringat peristiwa tahun 1974 apabila berlaku peristiwa demonstrasi besar-besaran di Baling akibat daripada kejatuhan harga getah ini. Sekarang ini Kerajaan bernasib baik saya katakan, bernasib baik kerana petani-petani, pekebun kecil di kampung-kampung di kawasan Baling, Sik, Pendang kawasan saya masih lagi dapat menampung pendapatan mereka itu dengan hasil dusun buah-buahan yang diberi Allah sekarang ini tetapi apabila datang musim hujan bulan Ogos, September, Oktober yang akan datang harga getah pada paras yang paling rendah ini maka ianya akan menimbulkan suatu suasana yang tidak sihat, satu suasana yang tidak baik dalam negara kita ini.

Saya hendak mengingatkan sekali lagi supaya kita mengelakkan peristiwa 1974 apabila berlaku demonstrasi para petani di Baling, Kerajaan hampir-hampir tergugat hanya disebabkan oleh harga getah. Kerajaan mesti melakukan sesuatu walaupun kita memperkemas kedua-dua institusi ini bertujuan untuk menaikkan prestasi pekerja-pekerjanya ataupun hendak menambah hasil getah tetapi kita tidak mengawal harga getah, tidak ada faedah. Ini yang mustahak.

Kita menganggap, kita menerima hakikat pekebun-pekebun kecil atau ladang besar getah merupakan suatu sumber pendapatan negara yang terpenting maka kita mestilah mengawal, Kerajaan mesti mengambil tindakan, sebarang tindakan yang perlu bagi menjamin kedudukan harga getah ke paras yang boleh menjamin kehidupan para pekebun kecil ke tingkat yang lebih baik walaupun tidak 100% sempurna; ke tingkat yang lebih baik, hendak ke tingkat yang sempurna itu saya tidak yakinlah boleh kita sebutkan bahawa ianya akan dapat diterima.

Sekarang ini berbagai-bagai pembaharuan dibuat dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran getah. Baru-baru ini pihak RRI (Rubber Research Institute) telah pun berjaya mengeluarkan benih getah yang boleh mendatangkan hasil dalam masa 3½ tahun atau 4 tahun. Ini suatu kemajuan yang perlu kita memberi tahniah kepada Kerajaan. Tetapi saya sebutkan tadi, kalau kita tidak ada kawalan tentang harganya maka saya yakin bahawa semua perkara-perkara yang kita buat ini memperkemaskan institusi-institusi yang berkaitan dengan penyelidikan getah ataupun kumpulanwang yang akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak itu tidak akan mendatangkan hasil, tidak akan mendatangkan manfaat malah ianya akan membawa keburukan semata-mata kepada Kerajaan.

Perkara yang kedua, saya amat bersetuju jika sekiranya di dalam Rang Undang-undang ini yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa wang ini juga akan disumbangkan kepada institusi pengajian tinggi yang membuat kajian mengenai getah. Ini merupakan satu perkembangan yang saya memberi sokongan yang penuh supaya kita dapat melihat perkembangan industri getah ini akan bertambah maju dan baik pada satu masa yang akan datang.

Sekarang ini telah banyak pekebun-pekebun kecil yang memohon kepada Kerajaan, kepada RISDA untuk menukar jenis tanaman daripada getah kepada kelapa sawit. Ini kita pertimbangkan, Kerajaan akan menimbangankan disebabkan memandangkan harga getah yang begitu meleset maka petani-petani ini dengan kesedaran yang timbul pada dirinya untuk menjamin masa depan yang lebih sempurna dan baik mereka telah memohon untuk menanam kelapa sawit. Ini berlaku di negeri Perak, di negeri Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri, di Pahang

yang telah pun banyak ditukar di kawasan RISDA untuk tanaman kelapa sawit menggantikan getah. Ini menunjukkan bahawa selera masyarakat pekebun-pekebun kecil telah berubah hasil daripada tidak ada penguasaan yang kukuh, mungkin kekurangan pengawalan yang sempurna, agensi-agensi besar yang terlibat dengan perusahaan getah ini tidak mencapai kepada satu tingkat yang sempurna dan baik untuk memenuhi selera para pekebun kecil.

Jadi sekali lagi saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan mengkaji dan mengambil tindakan seboleh-bolehnya bagi menaikkan semula harga getah yang begitu rendah sekarang ini dan bagi menstabilkan kedudukan harga getah yang begitu rendah sekarang ini supaya kita tidak menghadapi masalah-masalah dengan para petani dan pekebun-pekebun kecil. Apabila mereka menghadapi kesulitan maka sudah pastilah akan timbul berbagai-bagai masalah yang akan tercetus, yang mungkin tercetus daripada hati mereka, bukan disebabkan oleh kerana mereka ingin berbuat demikian tetapi mungkin kerana desakan ekonomi, anak isteri perlukan makan, anak isteri perlukan pakaian, anak-anak perlu disekolahkan, kehendak-kehendak biological, dengan izin, yang terpaksa dipenuhi mestilah dipenuhi oleh sesuatu keluarga itu. Seorang petani yang berkebun, yang menanam getah 100% bergantung kepada hasil getahnya itu semata-mata.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah, 1985.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

4.05 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk

menyertai perbincangan atas Akta yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri. Sebenarnya Ordinan ini adalah ketinggalan zaman dan satu pindaan ke atasnya adalah wajar, seperti mana terdapat dengan pasaran getah ini ketinggalan zaman juga dan kegunaan getah masih ketinggalan zaman lagi.

Mengenai perenggan (b) pindaan mengenai Seksyen 15 Ordinan bermaksud memasukkan perenggan baru (ii) ke dalam Seksyen itu untuk memberi kuasa kepada Lembaga memberi bantuan-bantuan kepada institusi-institusi pelajaran tinggi di Malaysia yang mengajar dan melatih ahli teknologi getah asli sebagai satu daripada disiplinnya, memandangkan keadaan semasa di mana pemilikan Malaysia dalam keluaran getah asli dunia telah jatuh dari 45% dalam tahun 1976 sehingga 40.6% dalam tahun 1979 dan pada tahun lepas sehingga lebih kurang 36.5% sahaja. Bantuan seharusnya diberi kepada institusi untuk melatih ahli teknologi getah asli supaya kita dapat lebih banyak ahli teknologi yang lebih baik, lebih terlatih dalam bidang getah. Walau bagaimanapun, bantuan tidak seharusnya dihadkan kepada perlatihan sahaja tetapi apa yang harus dititikberatkan ialah penyelidikan untuk meluaskan lagi kegunaan getah asli supaya tidak terhad kepada kegunaan tradisional.

Maksud saya ini ialah janganlah kita menghadkan penyelidikan dan juga latihan ini ke atas kegunaan getah itu sahaja bahkan juga pokok, daun dan biji getah haruslah kita selidik untuk mendapatkan kegunaan yang lebih luas sepertimana yang terdapat dengan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan haruslah didasarkan untuk menolong meluaskan kegunaan getah, pokok, biji dan sebagainya di negara-negara barat dan timur termasuk negara China yang pada pendapat saya kita terpaksa memujuk untuk membeli

lebih banyak lagi getah daripada Malaysia bukan sahaja daripada negara-negara seperti Thailand dan Indonesia. Walaupun Malaysia mempunyai mutu getah yang tertinggi di dunia akan tetapi kerana kaedah-kaedah pemasaran dan rangkaian pemasaran yang sangat ketinggalan zaman itu, negara seperti negara Thailand dapat menjual lebih banyak getah walaupun mutunya rendah. Inilah satu soal yang pokok. Negara kita hendaklah menyiasat bagaimana perkara ini boleh berlaku. Negara-negara yang membeli getah ini walaupun membeli getah dengan mutu yang lebih rendah kalau berbanding dengan getah di Malaysia, mereka menggunakan proses-proses khas untuk mempertingkatkan mutunya.

Tuan Yang di-Pertua, kini dapat dianggarkan bahawa setiap pelajar bumiputera di dalam institusi-institusi tinggi di negara Malaysia memegang biasiswa Kerajaan, sementara kebanyakan daripada pelajar-pelajar bukan bumiputera disokong oleh dana-dana swasta iaitu wang ibu-bapa dan syarikat-syarikat swasta. Sekiranya Lembaga Getah ini diberi kuasa untuk memberi bantuan kepada Institusi-institusi ini, adalah wajar bagi Lembaga itu untuk menentukan bahawa bantuan-bantuan yang diberi itu diberi kepada pelajar-pelajar yang wajar, yang sesuai. Kriteria-kriteria yang jelas harus terlebih dahulu diluluskan supaya bantuan yang diberikan digunakan untuk menaja pelajar-pelajar yang benar-benar mempunyai bakat, minat dan kebolehan untuk menyumbangkan kepada pembangunan industri getah ini.

Soal yang penting dalam memberi bantuan kepada mereka yang akan menceburkan diri dalam disiplin ini ialah yang pertama, tempoh yang akan diperuntukkan kepada pengajian begini. Kedua, bagaimanakah ahli-ahli teknologi ini akan dilatih. Selain daripada ini, langkah-langkah yang

tertentu harus diadakan untuk memastikan bahawa perhatian yang rapi digunakan untuk menjamin bahawa hasil penyelidikan dan latihan adalah sejajar dengan wang amaun bantuan yang diberikan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perenggan 2 dalam Seksyen 15 Ordinan, dicadangkan dibuat untuk berkuatkuasa kebelakangan pada 1hb Januari, 1974 kerana Lembaga telah memberi sumbangan kepada Universiti Sains Malaysia sejak masa itu. Sekiranya Lembaga telah memberi bantuan sejak masa tersebut kepada Universiti Sains Malaysia, adakah pemberian bantuan itu dibuat secara bulanan, tahunan ataupun apabila masa itu memerlukan. Garis panduan yang tetap patut diadakan mengenai masa pemberian bantuan sekiranya Lembaga diberi kuasa untuk memberi bantuan. Sehingga kini berapakan jumlah wang yang telah diberi kepada Universiti Sains Malaysia dan apakah jenis hasil yang disumbangkan akibat daripada bantuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Seksyen 15A yang dicadangkan kepada Ordinan bermaksud memberi kuasa kepada Lembaga meminjam wang bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsinya jika perlu. Perenggan B pindaan berhubung dengan Seksyen 16 Ordinan bermaksud meluaskan bidang pelaburan mana-mana bahagian kumpulan wang yang tidak dikehendaki dibelanjakan dengan serta merta. Apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan fungsi-fungsinya ini di dalam pindaan Ordinan ini. Adakah ia bermaksud bahawa untuk fungsi-fungsi yang bersifat rekreasi atau yang bersifat ekonomi dan pelaburan. Sekiranya ia membawa maksud yang kedua, maka garis-garis panduan patut diadakan supaya pelaburan begini tidak bermaksud sebuah lagi organisasi seperti PETRONAS yang menyelamatkan organisasi yang nyaris tertutup seperti

BMF. Pelaburan mana bahagian kumpulan wang yang tidak dikehendaki dibelanjakan dengan serta merta seharusnya dilaburkan dalam lingkungan industri getah sama ada dalam penyelidikan atau projek-projek yang lain untuk menolong kedudukan industri getah dan mereka yang terlibat dalam industri ini.

Dalam tahun 1970an pekebun-pekebun getah kecil mempunyai kejadian kadar kemiskinan sebanyak 64.7%; dalam tahun 1980—41.3% sementara dalam tahun 1981 kadar kemiskinan telah meningkat sehingga 61.1%. Saya hendak menekankan bahawa maksud Kerajaan ataupun RISDA yang telah pun berulang kali menyatakan bahawa untuk mewujudkan keadaan di mana pekebun-pekebun kecil getah ini dapat berdikari, akan tetapi bukan sahaja kadar kemiskinan itu tidak dapat dikurangkan bahkan juga sekian tahun sekian meningkat. Apatah lagi dengan dasar untuk mewujudkan golongan pekebun kecil yang berdikari. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa ini adalah masa ekonomi meleset, maka kedudukan pekebun-pekebun getah kecil ini akan menjadi lebih merosot lagi terutamanya dengan harga getah yang begitu rendah. Jadi, setiap bidang pelaburan yang dijalankan oleh Lembaga ini harus berkaitan dengan usaha untuk membaiki kedudukan getah asli Malaysia di dunia dan akan menolong kedudukan mereka yang tertimpa ini. Sepatutnya wang yang tidak dikehendaki dengan serta merta juga boleh digunakan untuk menggunakan strategi pemasaran yang lebih agresif sepertimana yang digunakan oleh negara Thailand dan Indonesia yang saya sebutkan tadi.

Kini negara-negara ini memberikan persaingan yang hebat kepada kedudukan negara Malaysia sebagai negara pengeluar getah asli yang utama di dunia. Dari segi pasaran getah, mereka ini tidak mengira

Malaysia adalah salah satu anggota ASEAN, kerana di dalam persaingan pasaran getah ini, pakatan ASEAN tidak timbul. Umpamanya negara Indonesia sedang memberi kredit untuk 180 hari dengan faedah sebanyak 6% kepada negara yang membeli getah asli Indonesia dan dalam hal-hal yang istimewa ianya akan melanjutkan tempoh pinjaman sehingga 360 hari. Mungkin dengan perjanjian perdagangan di antara negara China dengan negara Indonesia, kemudahan-kemudahan ini akan digunakan untuk merampas pasaran getah Malaysia di negara China.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kementerian dapat mengambil perhatian akan hakikat ini dan saya menekankan bahawa kadar pemasaran, kaedah-kaedah, teknik dan taktik pemasaran kita ini sangat ketinggalan zaman

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini soal yang penting juga di sini ialah dari manakah Lembaga ini akan meminjam wang untuk melaksanakan fungsi-fungsi ini. Bagaimanakah juga wang pinjaman ini akan dibayar semula kepada badan yang memberi pinjaman itu sekiranya peminjaman ini akan dilakukan untuk meminjam wang di pasaran misalnya di Amerika Syarikat, maka itu saya tidak setuju kerana faedah yang tinggi. Sepertimana yang dibayar oleh Kerajaan sekarang untuk pinjaman luar, kebanyakannya hampir 7% dipinjam daripada pasaran terbuka dari Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan kepada Seksyen 12 Akta ini yang bermaksud untuk membolehkan pegawai Institut atau mana-mana orang lain bertindak sebagai anggota Lembaga Institut menggantikan Pengarah dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam sub-seksyen 1, seksyen itu. Ini akan mendedahkan kedudukan Pengarah kepada sesiapa

pun. Fasal yang patut ditambah ialah bahawa sekiranya apa-apa keputusan yang dibuat itu pihak pengganti serta Pengarah sendiri patutlah bertanggungjawab.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya satu pengkajian semula diadakan untuk memperbaiki kaedah-kaedah pemasaran dan rangkaian pemasaran getah Malaysia serta untuk memperluaskan siasatan dan penyelidikan ke atas kegunaan getah di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.23 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kepong jangan keluar dahulu, kerana saya ada dua tiga perkara hendak beritahu dia.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya tidak setuju dengan kata Ahli dari Kepong tadi bahawa Rang Undang-undang ini ketinggalan zaman dan dia ahli Pembangkang dia kata usaha yang baik ini ketinggalan zaman. Saya menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini sesuai dengan zaman. Kalau beliau mahu mendahului zaman.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat minta jalan? Yang Berhormat beri izin atau tidak?

Tuan Mamat Gazalee bin Abdul Rahman: Saya beri jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, seperti biasalah dia salah tafsir sekarang, tidak meneliti kandungan ucapan saya tadi dan apa yang saya maksudkan tadi ialah Ordinan ini ketinggalan zaman dan hari ini dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini untuk dipinda dan untuk mengemaskinikan itu. Itulah maksud saya.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang keduanya, saya setuju dengan beliau menyatakan bahawa sebarang wang daripada kumpulan wang ini jika hendak dibelanjakan, mestilah dibelanjakan untuk tujuan kepentingan kebaikan industri itu.

Yang ketiganya, saya hendak beritahu beliau untuk maklumannya, mengapa Thailand dapat menjual lebih banyak getah daripada getah kita kebelakangan ini. Salah satu sebab utamanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana negara tersebut telah menurunkan nilai (devaluate) Bahtsnya pada kadar 30% US currency. Jadi getah di Thailand sungguh pun rendah mutunya, lebih murah daripada getah Malaysia.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Kepong, minta jalan lagi.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya bukan minta jawab, Tuan Yang di-Pertua, cuma bercakap.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kepong minta jalan. Yang Berhormat beri atau tidak?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya tidak beri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga turut menyokong serta membahaskan Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah 1985 ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama sebentar tadi. Rang Undang-undang ini pada pandangan saya yang utamanya adalah bertujuan untuk membuat beberapa pindaan dan tambahan kepada peruntukan-peruntukan Ordinan Kumpulanwang Getah Malaysia 1985 dan juga Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966.

Selain daripada itu sebagaimana yang telah kita maklum ia juga bertujuan untuk meluaskan pemakaian Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Langkah ini dialu-alukan.

Secara langsungnya pada pandangan saya juga, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah banyak yang hendak saya perkatikan tentang pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan ini, kerana ianya bertujuan untuk mengemaskinikan dan memperluaskan serta memperkesakan lagi perjalanan dan fungsi kedua-dua badan tersebut. Pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan ini bolehlah kita sokong dan seterusnya nanti kita luluskan. Harap Ahli Yang Berhormat dari Kepong dapat menyokong juga.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, rasanya adalah berkaitan juga pada kesempatan ini jika saya membangkitkan dan menyentuh beberapa perkara dan isu pokok serta masalah-masalah yang berhubung dengan industri getah pada masa ini yang pada pandangan saya menghadapi keadaan yang merosot dan juga menghadapi banyak masalah-masalah.

Industri getah kita, peranannya itu adalah sangat besar dan sangat penting dan saya juga percaya bahawa Institut Penyelidikan Getah dan Kumpulanwang Perusahaan Utama khasnya boleh memainkan peranan yang penting untuk menyelesaikan masalah-masalah. Ini adalah disebabkan industri getah adalah teras ekonomi kita. Dan menyentuh secara meluas dan dengan besarnya ekonomi negara serta kehidupan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, pada suatu masa dahulu industri getah telah menjadi sumber ekonomi yang setabil dan lucrative kepada rakyat dan negara ini. Sungguhpun kita

bergantung kepada pasaran dunia dan menghadapi persaingan dengan negara-negara pengeluar lain keadaannya ketika itu tidaklah begitu volatile, dengan izin, dan menimbulkan banyak masalah berbanding dengan keadaannya sejak beberapa lama dan secara berterusan pula kebelakangan ini.

Pada masa ini nampaknya keadaan yang volatile dalam industri getah kita menjadi semakin tidak menentu. Kesannya kepada ekonomi negara dan rakyat semakin jelas dan besar. Masalah-masalah nampaknya bertambah dan menjadi lebih meruncing. Oleh itu perhatian yang benar-benar serius dan usaha-usaha baru yang inovatif perlu sangat dicari dan dilaksanakan.

Perkara pokok yang hendak saya sentuh ini ialah tentang industri getah itu sendiri termasuk soal penanamannya. Sungguhpun kita masih menjadi pengeluar utama getah asli pada masa ini, saya melihat perusahaan getah sedikit demi sedikit, tahun demi tahun telah menjadi perusahaan yang makin merosot dan menurun di mana terdapat penukaran ataupun shift, dengan izin, secara besaran-besaran daripada tanaman getah kepada tanaman-tanaman lain crops terutamanya kelapa sawit dan koko sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli dari Kepong. Ini bukan sahaja berlaku dalam sektor ladang (estate sector), tetapi juga dalam sektor small holding ataupun pekebun-pekebun kecil dan yang lebih jelas lagi daripada itu terdapat keengganan yang ketara. Keengganan yang ketara di kalangan pelabur-pelabur untuk membuka ladang-ladang getah baru. Ini menjadikan tanaman getah sebagai satu pelaburan yang sudah tidak disukai lagi pada masa ini, suatu bidang pelaburan yang sudah diabaikan, dengan izin.

Persoalannya ialah, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah industri getah telah bertukar dari satu industri yang digemari menjadi satu industri yang tidak digemari lagi, dan apakah masa depan dan nasib industri ini di negara kita. Yang lebih penting lagi, Tuan Yang di-Pertua, adakah fenomena ini di suatu hari nanti akan menjatuhkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar getah utama dunia. Apakah nasib yang menunggu begitu ramai rakyat kita yang bergantung kepada industri ini? Persoalan-persoalan ini adalah penting dan tidak boleh dipandang ringan, nasib rakyat yang terlibat dengan industri getah terutamanya pekebun-pekebun kecil hendaklah dipandang berat dan industri getah perlu diselamatkan.

Saya faham bahawa kita tidaklah hendak menjadi dan mengekalkan kedudukan kita sebagai pengeluar utama getah semata-mata kerana pertimbangan sejarah, tradisi atau untuk menjaga kepentingan getah semata-mata, tetapi apa yang saya rundingkan ialah kurangnya usaha-usaha yang dijalankan atau masih belum cukup lagi usaha-usaha yang dijalankan untuk menjadikan industri getah sebagai suatu industri yang competitive di peringkat antarabangsa dan di negara ini sendiri, juga sebagai satu tanaman yang competitive berbanding dengan tanaman-tanaman yang lain. Soal viability, Tuan Yang di-Pertua, industri getah nampaknya sudah menjadi suatu persoalan pada masa ini. Adakah industri getah pada masa ini dan pada masa akan datang akan terus viable?.

Saya mendapati, Tuan Yang di-Pertua, ramai orang yang berpendapat bahawa industri getah sudah tidak viable lagi, bukan soal kurang viable, tetapi sudah sampai ke peringkat tidak viable lagi, jika begitu tidak hairanlah mengapa minat untuk menanam semula getah sudah tidak ada lagi pada masa ini dan tidak hairan pula jika suatu masa nanti kita tidak

akan dapat bertahan lagi sebagai pengeluar utama getah sebagaimana yang saya katakan. Sekarang pun, Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat di kampung yang terdiri daripada pekebun-pekebun kecil yang sudah pandai mengira tentang viability getah, mereka secara meluas mengatakan tanaman getah rugi, toreh getah tidak padan, penat, tidak imbuah lelahnya dan kerana itu kebun-kebun ditinggalkan tidak ditoreh, dibiarkan tua sekali pun mereka terpaksa hidup susah, semata-mata kerana berkebun getah tidak viable lagi.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat perlu sangatlah Kementerian Perusahaan Utama melihat kepada masalah ini sebagai masalah pokok yang utama dan dipentingkan. Kita perlu melihat kepada beberapa masalah pokok yang terlibat dan di antaranya mengapakah getah kita tidak dapat menjadi competitive di pasaran dunia. Mengapa berlaku kejatuhan harga yang keadaannya sangat volatile sebagaimana yang saya katakan. Elok juga kita mengkaji apakah usaha-usaha negara-negara pengeluar yang lain yang bersaing dengan kita seperti Thailand, Indonesia dan lain-lain di dalam memasuki dan menembusi pasaran getah dunia dan mendapat pasaran baru. Misalnya, menambah pasaran di negara China sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi. Kita telah mempunyai pasaran yang baik di negara China, tetapi janganlah kerana usaha-usaha dan strategi pemasaran kita kurang agresif kita akan dikalahkan oleh negara-negara lain yang sememangnya sentiasa hendak bersaing dengan kita.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mempersoalkan tentang bagaimana halnya dengan pengeluaran getah sentitik yang juga merupakan satu punca persaingan kepada getah asli kita, dan juga soal

pengeluaran stok penimbal oleh negara-negara pengguna sendiri seperti USA dan sebagainya. Kita memang mempunyai banyak masalah di dalam perkara ini dan kita perlu melihat supaya perkara yang begini tidak menjejaskan kedudukan kita. Persoalan bagaimana sebuah negara pengguna begitu berkuasa akhirnya menentukan harga semata-mata kerana mereka mempunyai stok penimbal yang besar dan ini bila mereka mengeluarkan getah daripada stok penimbal menjejaskan kita. Soal pengguna akhirnya menjejaskan pengeluar, ini satu perkara yang menghairankan kita. Mengapa kita tidak boleh mengeluarkan benih-benih satu persoalan lagi yang boleh mengeluarkan lebih banyak dan lebih tinggi mutu susunya? Usaha-usaha penyelidikan ke arah matlamat yang saya katakan supaya kita mengeluarkan benih-benih yang boleh mengeluarkan lebih banyak dan lebih tinggi mutu susunya perlu dilipatgandakan. Pada pandangan saya melalui research. Apakah yang telah dicapai oleh Institut Penyelidikan Getah kita ke arah ini? Ini semuanya persoalan yang perlu kita tanyakan dan perlu kita pisahkan.

Saya juga berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, negara kita sendiri sebenarnya agak gagal menjadikan industri getah di mana kita mempunyai kedudukan istimewa, kita menjadi pengeluar yang besar sebagai suatu industri yang diversify iaitu pada pandangan saya nampaknya industri getah ini masih tidak berkembang duduknya di peringkat dan tahap yang sama masih lagi bertumpu, maksud saya kepada pengeluaran-pengeluaran getah, hasil-hasil tradisional sahaja.

Soal perlunya kita dan mesti kita mencari jalan supaya ada kegiatan dan juga pemerosesan downstream getah ini adalah satu perkara yang difikir perlu dialami oleh negara kita, sedangkan pada pandangan saya, hasil getah dan yang berhubungan

dengannya mempunyai banyak dan pelbagai potensi untuk diversification, sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi, batang-batang getah hampir tidak digunakan langsung untuk tujuan-tujuan industri bagi mengeluarkan berbagai bahan yang diperoses. Dahulu kita mendengar kajian-kajian diadakan dikatakan batang getah boleh digunakan untuk berbagai-bagai keperluan perabot dan lain-lain, tetapi berita itu hanya bagus untuk seketika dan akhirnya sampai sekarang kita belum melihat banyak kenyataan daripada hasil penemuan atau hasil kajian ini.

Kita juga sebagai pengeluar utama getah, tetapi penggunaan getah untuk barang-barang industri yang dibuat daripada getah nampaknya tidak banyak, ertinya kita masih belum berjaya menjadikan negara ini sebagai sebuah negara pengeluar barang-barang industri yang terbuat daripada getah yang utama untuk membolehkan kita menembusi dan mengambilalih dengan competitive pasaran dunia, sedangkan bahan mentahnya dikeluarkan oleh negara kita sendiri. Ini pada saya adalah satu irony dengan izin, dan perlu diperbetulkan.

Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu boleh saya katakan kita agak gagal mencapai perkembangan teknologi, mencapai dan mewujudkan perkembangan teknologi yang sepatutnya boleh timbul daripada penyelidikan-penyelidikan yang kita lakukan selama ini. Inovasi-inovasi dalam pengurusan ladang, penghasilan susu dan berbagai teknologi bagi memproses barang-barang keluaran daripada getah tidak menampakkan hasil yang jelas sungguh pun kita sudah lama menceburkan diri di dalam perusahaan getah ini dan menjalankan banyak penyelidikan-penyelidikan, mengapakan keadaan ini berlaku? Adakah kerana kurang pemikiran kita

ke arah ini ataupun kurang usaha kita ke arah ini ataupun mungkin kerana kurang insentif, galakan yang diberikan oleh Kerajaan?

Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, mengharapkan bukan sahaja pihak Kerajaan yang akan memainkan semua sekali peranan di dalam bidang ini tetapi juga dan terutamanya, iaitu sebagaimana semestinya sektor swasta juga perlu melibatkan diri dan mempelopori perkembangan dan penggunaan teknologi ini. Jadi soalnya di sini ialah apakah insentif-insentif yang telah kita berikan kepada sektor swasta untuk mencapai tujuan ini dan menggalakkan peranan mereka di dalam bidang ini. Saya berharap Kerajaan dapat menyediakan satu skim insentif, memikirkan suatu skim insentif mungkin yang baru yang disesuaikan, yang ditambahkan lagi, yang berkesan lagi untuk menggalakkan perkembangan teknologi getah di negara ini supaya negara dan rakyat kita dapat menikmati faedah daripada usaha-usaha dan kemajuan ini.

Selain dari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu pada pandangan saya menggalakkan pelabur-pelabur dalam industri getah ini melaburkan semula tabungan mereka yang diwujudkan daripada keuntungan pada masa yang lepas ke dalam industri itu sendiri atau paling tidaknya di dalam negara ini. Saya membangkitkan perkara ini kerana saya mendapati banyak syarikat-syarikat ladang antarabangsa yang mempunyai rangkaian ladang-ladang mereka di banyak negara dan ada setengah-setengah tabungan mereka daripada negara kita dibelanjakan, dilaburkan untuk memajukan ladang-ladang mereka di negara-negara asing dan kalau inilah yang berlaku maka sudah tentulah tabungan yang diperolehi daripada kekayaan negara kita itu digunakan untuk memajukan

industri getah di negara yang lain yang nantinya akan menjadi saringan (competitor) kepada kita sendiri. Jadi keadaan ini pada pandangan saya mesti dielakkan.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, kita penting mempunyai dasar dan strategi yang sesuai bagi mengatasi masalah ini dan jika perlu eloklah kita menggalakkan syarikat-syarikat perladangan mempelopori bidang buatan barang-barang dari getah daripada negara kita ini selain daripada penglibatan dalam penanaman getah itu sendiri supaya dengan cara itu dapatlah mereka itu sendiri mempelbagaikan pelaburan dan kegiatan mereka dan kerana itu nescaya, insya Allah akan dapat meningkatkan viability pelaburan mereka di dalam industri getah pada keseluruhannya.

Pada penutupnya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta sangat supaya segala pemikiran, perancangan, pembentukan dasar dan strategi baru diberikan bagi menjaga dan menjamin kepentingan industri getah di negara ini yang pada awal tadi saya mengatakan menghadapi kemerosotan. Kepentingan pelabur-pelabur, kepentingan rakyat dan kepentingan negara dalam industri ini adalah sangat mustahak dan sangat besar. Kita tidak mahu kehilangan dan kerugian dalam industri yang sudah beratus tahun menjadi teras dan tulang belakang ekonomi negara dan kehidupan rakyat. Satu industri yang telah banyak kita pupuk, yang telah banyak menelan belanja, yang telah banyak meneguk titik peluh kita di mana kita telah memperolehi kedudukan yang lebih baik berbanding dengan negara-negara lain. Kehilangan dan kerugian ini jika berlaku adalah satu perkara yang malang pada pandangan saya.

Di samping itu, selain daripada usaha-usaha Kerajaan sendiri saya juga berpendapat sektor swasta sendiri

pun perlu mengatasi masalah-masalah mereka dan jangan bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi di dalam industri ini. Saya meminta sektor swasta mengkaji dengan objektif permasalahan mereka itu sendiri, terutamanya masalah mendapatkan dan masalah kekurangan tenaga kerja. Masalah mendapatkan pekerja-pekerja yang dihadapi oleh mereka pada masa ini yang mengikut kata mereka mendatangkan kerugian berpuluh-puluh juga setahun kepada mereka. Saya menyeru supaya mereka itu kajilah dengan objektif dan dari sudut yang baru, sudut yang positif, yang dinamik tentang kadar upah yang rendah yang ditawarkan kepada pekerja. Kajilah tentang suasana dan kemudahan kerja dan kehidupan di estet yang tidak banyak berubah dan kajilah juga tentang masalah perumahan pekerja-pekerja estet yang sampai sekarang pun belum dapat diselesaikan dan dipenuhi serta kajilah juga tentang skim-skim insentif yang boleh digunakan untuk menjadikan pekerjaan di ladang lebih menarik, lebih competitive lagi.

Mereka juga, Tuan Yang di-Pertua, perlu sedar dalam negara yang pesat maju seperti negara kita sekarang kehidupan keseluruhannya telah turut meningkat maju. Belanja hidup turut pula meningkat. Adakah apa yang ditawarkan mereka boleh menyaingi tawaran-tawaran yang diberikan oleh sektor perkilangan dan sektor-sektor yang lain. Untuk mendapatkan tenaga pekerja pada pandangan saya mereka perlulah competitive dan bersaring dan bersedia membayar kos yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya mohon menyokong.

4.47 ptg.

Dr Leo Micheal Toyad (Mukah):
Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri ikut memberi sokongan saya kepada Rang

Undang-undang untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 dan Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Sebelum saya mulai ucapan saya, saya ingin memberi tahniah kepada Timbalan Menteri Perusahaan Utama kerana mengemukakan satu Rang Undang-undang untuk meminda suatu Akta yang patut telah dipindahkan dan ini masanya tepat dan juga sesuai. Saya ingin memberi cuma serba sedikit pandangan atas pindaan-pindaan yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan fasal yang bertujuan untuk meluaskan Ordinan ini ke Negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Dari pendapat saya ini satu langkah yang wajar dan yang saya faham sebagai satu langkah yang akan dapat mengeratkan lagi dan dapat membantu meninggikan taraf pekebun-pekebun getah di Negeri Sarawak kerana pekebun-pekebun getah di Negeri Sarawak khususnya di luar bandar dan di kawasan pedalaman Sarawak adalah satu golongan pekebun-pekebun yang termasuk di dalam golongan yang masih belum mencapai taraf hidup yang sepatutnya kerana mereka sedang kini bergantung dari segi pekebun-pekebun, dengan izin, diversified dan mengikut aliran masa dan ekonomi negara atau dunia. Jadi, dari pendapat saya bila Ordinan ini diluaskan di negeri Sarawak, kita harap dengan adanya wakil-wakil dari Kerajaan Sarawak juga dapat memberi pandangan-pandangan yang luas lagi dan yang, dengan izin, specific kepada kawasan-kawasan di mana peladang-peladang getah yang wujud sekarang dapat dibangunkan lagi.

Dengan peluasan Ordinan ini ke negeri Sarawak juga saya ingat dapat

diselaraskan dengan harapan Kerajaan Negeri iaitu untuk meluaskan dan membuka tanah untuk ladang-ladang secara besar-besaran. Juga saya ingat pada dua minggu yang lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga ada mengatakan bahawa pekebun kecil getah dapat dikumpul secara besar-besaran atau secara estet.

Saya harap juga dari segi perluasan Ordinan ini mana-mana masalah yang kini wujud kepada pekebun-pekebun kecil di Sarawak ini kerana dari apa yang saya tahu pekebun-pekebun kecil yang berada di kawasan luar bandar dan di pedalaman Sarawak menghadapi masalah seperti cara mereka menjalankan kebun-kebun secara economical dan cara-cara untuk meninggikan taraf pengeluaran mereka kerana mereka cuma mengharapkan kepada kebun-kebun getah ini cuma sebagai tambahan pendapatan sahaja. Saya harap dari pengalaman-pengalaman badan seperti Badan Penyelidikan Getah ini dapat juga menyalurkan pengalaman-pengalaman yang telah didapati dapat disalurkan untuk meninggikan lagi taraf pekebun getah di negeri Sarawak khususnya di kawasan pedalaman dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menyentuh pindaan seksyen 15 Ordinan yang bermaksud untuk memberi peruntukan-peruntukan kepada institusi-institusi tinggi. Ini adalah satu langkah yang patut dialu-alukan juga kerana getah adalah satu bahan utama kita yang telah lama memberi sumbangan kepada ekonomi dan menguatkan ekonomi negara kita dan kerana ini satu hasil utama yang banyak lagi potensi untuk diluaskan walaupun banyak fakta-fakta yang melibatkan pengeluaran getah atau harga-harga getah, tetapi perkara ini kita harus memandang sebagai satu cabaran kerana kita masih ada peluang

untuk meluaskan penyelidikan-penyelidikan dari segi mutu-mutu getah kita dan dari segi daya pengeluaran dan cara-cara mengeluarkan dan juga penyelidikan market di dalam negeri atau untuk di luar negeri.

Saya ingin juga mengikuti ini kerana saya ingin bertanya kepada Kementerian yang berkenaan sejauh manakah langkah-langkah di dalam penyelidikan pemasaran getah untuk kegunaan domestic dan berapa peratus lagikah getah yang dikeluarkan di negeri ini digunakan untuk membuatkan barang-barang secara tempatan dan untuk dikeluarkan sebagai, dengan izin, manufactured goods.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi organisasi-organisasi pekebun-pekebun kecil di luar bandar itu, saya harap supaya langkah-langkah dapat diambil di bawah Kementerian tersebut dan saya ingin tahu apa-apa cadangan-cadangan dan langkah-langkah yang akan diambil untuk meninggikan taraf pengeluaran pekebun-pekebun kecil di negeri Sarawak.

Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih.

4.56 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang yang dikemukakan ini.

Saya tertarik hati kepada peruntukan untuk meminda undang-undang ini iaitu mengenai keahlian yang bertambah. Jadi dikatakan di sini 5 ahli lagi, satunya mewakili Kerajaan Sabah dan satu Kerajaan Sarawak tetapi proviso di bawah perenggan tersebut, dengan izin: "Provided that the Board shall be deemed to be duly and properly constituted notwithstanding that either of the members representing the

Government of Sabah or the Government of Sarawak has not been appointed."

Saya menyesal perenggan proviso ini kerana nampaknya keahlian Sabah dan Sarawak itu tak begitu berat sangat. Saya ingin tahu mengapa kalau tujuan pindaan kepada Ordinan ini adalah untuk menyelaraskan kegiatan di bidang pembangunan getah seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang mana pembangunan getah di dua negeri itu masih tak begitu setaraf dengan yang di Semenanjung maka adalah perlu keahlian wakil dari Sabah dan Sarawak diambil sebagai ahli yang tetap bahawa mereka adalah diperlukan sebagai ahli supaya badan itu adalah badan yang merangkumi pihak Semenanjung dan pihak Sabah dan Sarawak supaya pembangunan getah ini akan mengambil sikap yang baru supaya petani-petani yang terlibat dalam pertanian dan pembangunan kebun-kebun kecil dapat menikmati faedah ataupun hasil daripada usaha mereka yang sepatutnya.

Saya menyesal, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita sudah merdeka lebih 25 tahun dalam Malaysia dan Sarawak sejak tahun 1963 dan kini masih ada banyak di dalam undang-undang kita yang tidak mengambil kira Malaysia sudah menjadi 13 buah negeri. Ini termasuk undang-undang yang di hadapan kita.

Juga dalam bidang getah saya rasa dari pengalaman saya sendiri saya pernah dahulu menoreh getah juga. Kebun-kebun getah di negeri Sarawak adalah sekarang dibiarkan sahaja, diabaikan sahaja kerana sejak hujung tahun 60an, bila masa harga getah sudah turun ke paras yang paling rendah ramai daripada pekebun-pekebun yang telah dahulunya membiayai sara hidup menggunakan

getah sebagai sumber telah meninggalkan getah mereka untuk mencari nafkah di bidang yang lain.

Dari segi pertanian juga mereka telah berpindah daripada getah kepada tanaman koko, kopi dan lada hitam. Nasib tidak baik kepada lada hitam, mereka yang telah melabur kepada lada hitam sekarang pun meninggalkan lada hitam kerana usaha itu terbabit dengan banyak penyakit tetapi oleh kerana mereka banyak telah meninggalkan kebun-kebun mereka dan tanaman semula sekarang tidak begitu digalakkan, maka sumber pendapatan penduduk luar bandar yang ketika dahulu bergantung sangat kepada kebolehan daripada getah sekarang mereka adalah menderita dan banyak daripada mereka telah berhijrah ke bandar untuk mendapat nafkah hidup dan mendapat wang ringgit untuk membiayai paling utama anak-anak mereka yang sedang berada di bangku sekolah.

Saya menyeru kepada pihak berkenaan dengan adanya undang-undang ini supaya mengambil berat tentang penanaman semula getah dan juga rehabilitation, penyelidikan terhadap kebun-kebun yang lama supaya mereka yang mempunyai kebun itu mendapat hasil sepatutnya.

Sebelum saya duduk semula saya ingin mengingatkan bahawa bila kita menyebut berkenaan tanaman ataupun tanaman semula baik pun apa juga jenis tanaman, perlu kita ingat bahawa Akta Tanah di Sarawak dan Sabah tidak sama dengan Kanun Tanah Negara maka di situ ada perlunya Kerajaan mengambil berat perhubungan yang rapat dengan pihak-pihak tertentu yang berkuasa di atas tanah supaya tanah itu dapat disesuaikan kepada penanaman-penanaman seperti getah dan lain-lain. Sebab saya bangkitkan demikian kerana dalam undang-undang tanah di Sarawak misalnya, ada terdapat tanah

Native Customary Rights yang turun menurun daripada nenek moyang sampai ke anak cucu dan tanah ini sekarang oleh kerana bila nenek moyang dahulu duduk di tanah, tanah mereka sekarang telah dibahagi-bahagikan antara anak cucu yang begitu ramai maka tanah mereka sekarang ini telah begitu, dengan izin, fragmented. Jadi dengan fragmentation di atas tanah mana usaha-usaha tanaman tidak akan berekonomik kalau kita tidak mengambil perhatian terhadap perkara ini dan kita hanya menanam mengikut secara dahulu, secara subsidi iaitu tiga ekar, dua ekar, satu ekar kepada pekebun-pekebun kecil mengikut tanah yang ada, tanah kepunyaannya yang asal sudah dibahagi-bahagikan secara kecil-kecilan.

Saya ingin mengingatkan supaya bila nanti badan ini yang sekarang akan diselaraskan dan juga diambil ahli yang mewakili Kerajaan Sabah dan Sarawak supaya perhatian akan ditumpukan kepada satu iaitu untuk menyelidik dan memulihkan tanaman getah dengan satu tujuan iaitu untuk membolehkan mereka yang bergantung kepada tanamannya iaitu kebun getah supaya dapat hasil yang sewajarnya. Kedua, supaya kalau untuk hendak mendapat hasil yang berekonomik maka perlulah kebun-kebun itu dalam suku saiz. Ketiga, supaya bila kita memandang kepada pekebun-pekebun kecil bahawa pekebun kecil ini pun perlu dikumpulkan kepada satu tempat supaya satu tempat itu mereka bila tengok kebunnya besar, bila masa getahnya sudah besar boleh ditoreh maka mereka banyak di kawasan itu, pekerjaannya rajin dan amalan competition ada pada kalangan mereka. Sebab saya tengok kalau kebun bertaburan di sana sini bukan sahaja kebun itu selepas diarah untuk ditanam tinggal sebegitu sahaja tetapi

juga bila kebun itu telah ada dapat ditoreh pun tidak di toreh kerana mereka semua berduyun-duyun, beramai-ramai pergi ke kawasan lain yang ramai orang pekerja dan tidak mahu menoreh getah. Saya rasa dahulu bangun pukul 4.00 pagi sampai pukul 11.00 baru habis menoreh getah, kalau hendak dapat 10 kati sepagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri dengan memohon semula supaya Kerajaan menitik beratkan perenggan yang dicadangkan untuk hendak dimasukkan kepada pindaan ini iaitu proviso yang saya sebut tadi supaya itu dikikis sahaja dan supaya hanya tinggal lima orang ahli baru iaitu satu daripada Sarawak dan satu daripada Sabah dan satu daripada Federal dan itu akan menyenangkan pihak Sarawak dan Sabah bahawa mereka pun diambil sebagai ahli dengan tetap ada tujuan bukan hanya dengan appendix sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

5.07 ptg.

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaysia (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 dan Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 yang perlu dipinda sepertimana yang dinyatakan masing-masing dalam bahagian (A) dan (B) Jadual ini.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya di sini menyentuh satu, dua perkara sahaja yang saya anggap penting kepada negara dan juga rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa bahan getah ini satu juga bahan negara kita dan ianya akan dapat menambahkan hasil negara kita dan juga hasil pendapatan rakyat kita pun telah meningkat. Tanah di negeri

Sarawak kita dapati masih lagi luas dan subur dan kaum petani khususnya di negeri Sarawak akan perlu diarahkan menanam getah semula.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada kekurangan getah di pasaran dunia pada hari ini Kerajaan kita memang perlu mengambil perhatian dengan seberat-beratnya supaya Kerajaan kita akan dapat menggalakkan tanaman getah semula dan benih-benih yang baik juga perlu dikaji semula, supaya cara-cara tanaman baru ini juga perlulah digalakkan kerana tanah kita masih lagi luas dan subur dan kalau kita perlu menggalakkan getah seperti negeri Sarawak tanah masih lagi luas dan hasil pendapatan negara kita pun akan bertambah besar dan hasil pendapatan kaum petani pun bertambah meningkat.

Namun demikian bantuan kepada pekebun kecil seperti subsidi baja, racun, benih yang baik atau bantuan wang perlu disediakan oleh Kerajaan dan saya berharap bantuan seperti yang saya sebutkan di sini perlu diteruskan kerana saya berpendapat bahawa dalam tahun ini bantuan kepada pekebun kecil di negeri Sarawak seperti subsidi baja, benih getah ataupun bantuan wang telah direntikan dan saya berasa kesal bila saya telah diberitahu oleh jabatan berkenaan, dan saya telah menyiasat kenapakah bantuan penanaman getah semula itu direntikan.

Jadi mengikut repot keterangan dari jabatan berkenaan kerana peruntukan wang membantu penanam getah semula tidak mencukupi, maka oleh sebab itu penanaman getah semula di Sarawak telah diberhentikan.

Dan pada pendapat saya jika sekiranya sebab tidak mencukupi wang untuk membantu menanam getah semula di negeri Sarawak, saya di sini mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri berkenaan yang bertanggungjawab akan dapat

mengambil tindakan dengan serius supaya peruntukan wang untuk tanaman getah semula di negeri Sarawak perlu diteruskan dan penanaman pekebun kecil pun perlu digalakkan dari semasa ke semasa. Dan saya berharap di masa yang akan datang ini Yang Berhormat Menteri berkenaan, saya fikir perlu menitikberatkan atas menggalakkan penanaman getah semula di negeri Sarawak.

Dengan yang demikian, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.11 ptg.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih ke atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini.

Sukacita saya di sini akan menjawab segala teguran dan ulasan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan sekiranya ada terdapat perkara yang tidak disentuh, saya akan mengambil ingatan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan serta mengambil tindakan yang wajar bagi menyelesaikan persoalan-persoalan yang ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kebanyakan Ahli Yang Berhormat iaitu wakil dari Ulu Muda, Kepong, Ulu Nerus, Mukah, Mas Gading dan Batang Lupar membangkitkan masalah-masalah "overlapping", jadi adalah baik saya menjawab secara keseluruhan.

Oleh kerana kesedaran terhadap industri getah, terhadap penderitaan rakyat, terhadap kekurangan buruh, kos buruh yang tinggi, kos hidup yang tinggi dan yang penting ialah

kepentingan hidup mati negara, maka Akta ini perlu dipinda dan dikemaskinikan.

Kementerian Perusahaan Utama memang mempunyai kesedaran ini dan mengambil berat atas masalah ini dan bersedia untuk memikul tanggungjawab yang maha berat ini.

Wakil Ulu Muda telah menyarankan apakah tindakan yang akan dibuat oleh Kementerian Perusahaan Utama. Pertama kali apabila keadaan ini berlaku pihak Menteri dan pegawai-pegawai telah mengadakan dailog yang serius dengan agensi-agensi Kerajaan yang bersangkutan paut dengan getah agar segala masalah-masalah yang harus diselesaikan dan meningkatkan lagi prestasi pegawai dalam menghadapi masalah-masalah yang dihadapi oleh industri ini.

Lepas ini pihak Kementerian akan mengadakan dailog dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Pekebun Kecil untuk memohon panduan serta juga nasihat dari pekebun-pekebun kecil dalam hal menghadapi masalah tersebut dan akhir sekali, semalam (16hb Julai, 1985), jam 10.00 pagi pihak Kementerian telah mengadakan dailog yang berterus terang dengan pihak-pihak tuan-tuan punya ladang dalam memecahkan masalah murahnya industri getah ini.

Insya Allah, dengan dailog ini akan memberi panduan kepada pihak Kementerian untuk menyelesaikan beberapa masalah yang telah pun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Pada hari ini seperti mana yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ada Ahli bangun, sekejap hendak bagi jalan?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Ya.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Apakah keputusan secara kasar yang telah diperolehi daripada tiga dailog yang telah dibuat itu, yang pertama dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dengan getah dan dengan Ahli Jawatankuasa Pekebun Kecil dan dialog dengan tuan-tuan punya ladang. Secara kasar apakah keputusan-keputusan yang telah diambil bagi mengkaji kedudukan pasaran getah?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Oleh kerana masalah ini masalah besar dan saya perkatakan kita baru menghabiskan dailog kita hanya semalam, kalau kita mengambil keputusan dalam satu hari, maka keputusan itu tidak akan membawa kita ke mana. Terpaksalah kita kaji dengan teliti dalam hal ini sebelum keputusan dapat kita buat. Terima kasih.

Berkenaan dengan harga yang telah dibawa oleh wakil Ulu Muda itu, usaha-usaha telah dan sedang diambil melalui Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa agar pemulihan getah asli oleh pengurus stok penimbal untuk stok penimbalannya adalah bertujuan untuk menentukan supaya harga getah dapat dipertahankan dari terus jatuh ke paras yang tidak diingini.

Bagaimanapun, kita dapati harga getah dunia pada hari ini tidak dapat menampung hidup rakyat di negara kita oleh kerana kos hidup di Malaysia adalah sungguh tinggi dibandingkan dengan negara-negara pengeluar getah yang lain seperti Indonesia, Thailand dan Sri Lanka.

Kos pengeluarannya juga lebih tinggi daripada negara-negara yang saya sebutkan tadi iaitu kos pengeluaran di Malaysia ialah \$2.05 satu kilo dibandingkan dengan \$1.95 satu kilo di Indonesia dan Thailand.

Yang ketiga, gaji buruh begitu tinggi dibandingkan dengan gaji buruh di Indonesia dan Thailand.

Dan yang keempat, ialah kekurangan buruh di negara kita berbanding dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Bagaimanapun Kementerian Perusahaan Utama dan kementerian-kementerian yang bersangkutan sedang mengkaji satu jalan untuk menambahkan pendapatan pekebun-pekebun kecil selain daripada menoreh getah.

RRIM dan MRRDB sedang membuat kajian bagaimanakah agar masa dapat disingkatkan oleh pekebun-pekebun kecil dalam mengerjakan industri getah ini supaya masa lebih banyak terluang untuk pekebun-pekebun kecil mengerjakan kerja-kerja sampingan lain seperti berkebun, menternak ayam itik, ikan dan juga berniaga. Ini tentu akan menolong untuk menambahkan pendapatan pekebun-pekebun kecil.

Wakil dari Kepong pula telah menyatakan bahawa pindaan Akta ini adalah ketinggalan zaman. Ini adalah merupakan pendapat yang subjektif mengikut selera dan kehendak masing-masing. Bagi Kementerian Perusahaan Utama bahawa ini adalah masa yang paling tepat dan beliau juga telah membangkitkan ahli-ahli teknologi kita adakah mencukupi. Apa yang penting adakah ahli teknologi yang mencukupi itu dapat memberikan prestasi kerja yang paling maksima. Ini yang akan dipertekankan oleh Kementerian Perusahaan Utama.

Tentang hal penggunaan getah, kita tahu bahawa batang getah—dan ini juga dibangkitkan oleh wakil Ulu Nerus, dulu ada berketak sekejap, sekarang sudah senyap—yang sebenarnya pendapatan daripada kayu getah pada tahun lepas dari segi perabut ialah \$30 juta dan dengan

tertubuhnya Forest Research Institute sebagai badan berkanun yang telah pun sama-sama diluluskan oleh Parlimen pada penggal yang lepas akan mempergiatkan lagi dari segi kajian terhadap perabut getah ini di mana FRI akan mengadakan satu seminar khas pada tahun ini untuk mempopularkan perabut getah dan memperkembangkan industri perabut getah ini dan ini tentulah dapat meningkatkan lagi pendapatan daripada \$30 juta pada tahun lepas kepada angka yang lebih besar pada tahun 1985.

Penyelidikan bijih getah juga untuk mendapatkan minyak telah dijalankan. Hampas biji getah digunakan untuk makanan haiwan. Kegunaan minyak dari biji getah mempunyai pasaran terhad kerana kegunaannya dalam perusahaan cat atau paint industry, dengan izin, Tuan Yang Dipertua. Penyelidikan kayu getah dipertingkatkan dengan usaha bersama beberapa institusi seperti Institut Perhutanan, UPM, SIRIM, Lembaga Kayu Malaysia, USM dan IPAM. Ada pekebun-pekebun kecil yang membuat bunga dari daun getah dan bunga banyak dijual di KARYANIKA dan diharapkan Wakil dari Kepong sekali-sekali pergilah ke KARYANIKA dan lihatlah bagaimana bunga-bunga yang telah dihasilkan daripada daun getah.

Tentang pasaran pula, saya mengucapkan terima kasih pada Wakil dari Kepong yang menyedari bahawa Malaysia menghadapi saingan yang paling hebat daripada pengeluaran-pengeluaran getah lain terutama dari Indonesia yang telah pun memberikan kredit 180 hari dan mungkin pada satu masa akan memberi 360 hari dengan faedah yang cukup murah 6%. Kesedaran ini diharapkan Wakil dari Kepong dapat bersimpati dengan Kementerian Perusahaan Utama dalam mengendalikan masalah yang

sungguh rumit ini kerana faedah-faedah yang tinggi dari negara kita dan kemudahan-kemudahan yang terhad daripada peniaga-peniaga kita tidak dapat menandingi faedah-faedah dan juga kemudahan-kemudahan yang telah pun diberikan oleh pihak Indonesia. Bagaimanapun di Thailand, kita tahu kebanyakan daripada ladang-ladang getah adalah dipajakkan kepada beberapa industri-industri Jepun. Dengan sebab itu hasil getah di Thailand terus dibawa ke Jepun. Bagaimanapun itu tidak mencukupi kerana Jepun sendiri mengimport getah daripada kita lebih daripada 100,000 tan dalam setahun.

Bagaimanapun kita akan cuba seberapa daya mengekalkan pasaran tradisional kita yang selama ini dan akan meneroka pasaran-pasaran lain terutama di Negeri China dan baru-baru ini saya sendiri telah berbincang dengan panjang lebar dengan Timbalan Menteri Perdagangan Negeri China tentang hal menambahkan lagi pembelian getah Negeri China daripada Malaysia.

Tentang pelajaran yang telah pun dibangkitkan oleh Wakil dari Kepong, sumbangan telah dibuat semenjak tahun 1974 pada kadar \$40,000 setahun sebagai membayar gaji maha guru yang menduduki Kerusi di-Pertua Getah di Universiti Sains Malaysia. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Sumbangan ini diberhentikan buat sementara waktu semenjak tahun 1982 kerana kekosongan Kerusi tersebut. Jumlah sumbangan yang dikeluarkan oleh MRRDB ialah—\$320,000. Dengan sumbangan ini dapatlah perkembangan ilmu pengetahuan mengenai teknologi getah asli di kalangan penuntut-penuntut dan ahli-ahli sains meningkatkan perindustrian getah asli tempatan.

Bercakap tentang apakah maksud membelanjakan wang yang telah dibangkitkan oleh Wakil dari Kepong,

tujuan untuk membelanjakan wang terutama tentang sebahagian 15A Ordinan yang dipindahkan itu:

- (a) Untuk penyelidikan dan kemajuan mengenai getah.
- (b) Menjalankan kajian penyelidikan mengenai penggunaan getah asli.
- (c) Menjalankan kajian bagi mendapatkan maklumat mengenai getah tiruan dan lain-lain sumber bahan asli dengan tujuan untuk meningkatkan competitiveness, dengan izin, getah asli berbanding dengan getah tiruan dan lain-lain bahan.
- (d) Menjalankan penyelidikan bersama-sama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk memperbaiki pemrosesan dan pemasaran getah asli serta untuk memodenkan industri getah asli di negara ini.

Itulah tujuan pindaan di atas perkara 15A.

Ingin saya menyentuh sedikit tentang perkara yang telah dibawa oleh Wakil Mas Gading iaitu mengenai proviso perlantikan ahli-ahli dari Sabah dan Sarawak. Bukanlah tujuan pindaan ini membezakan Wakil Sabah dan Sarawak, tetapi tujuan untuk menjadikan Lembaga ditubuhkan sah dari segi undang-undang kerana masalah yang dihadapi untuk melantik wakil dari Sabah dan Sarawak di masa-masa yang lepas. Pindaan ini sudah ada dalam Ordinan Akta sebelum dicadangkan pindaan ini dan telah pun dibuat dahulu kerana masalah undang-undang dari segi penubuhan Lembaga. Ini daripada pengalaman yang lepas maka proviso ini terpaksa kita buat sedemikian.

Saya juga ingin memberi komen sedikit tentang apa yang telah dikatakan oleh Wakil dari Batang Lupar mengenai penanaman getah di

Sarawak. Oleh kerana penanaman ini bukan di bawah Kementerian Perusahaan Utama, saya susahlah hendak menyentuh perkara ini panjang lebar oleh kerana ini dipegang oleh Kementerian lain terutama Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kini kita tidak lagi mementingkan bahawa adakah Malaysia menjadi negara pertama mengeluarkan getah dunia atau tidak. Apa yang kita ingin dan apa yang mahu kita jalankan ialah supaya industri getah Malaysia dapat memberi persaingan hebat dalam industri tersebut terutama dalam dunia. Sebagai negara yang utama menguasai getah hampir 100 tahun, kita tidak mahu meninggalkan industri ini begitu sahaja. Tambahan pula potensi permintaan terhadap getah di dunia akan bertambah. Jika pada tahun 1984 Malaysia mengeluarkan 1.56 juta tan tetapi mengikut laporan permintaan getah dunia pada tahun 2000, Malaysia perlu mengeluarkan getah sebanyak 2.7 juta tan. Dengan keadaan inilah maka Akta ini terpaksa dipinda dan dikemaskini. Bagaimanapun industri getah harus dikaji dengan teliti agar masa yang diambil dalam industri ini disingkatkan, kos pengeluaran dapat dikurangkan dan menerusi Perjanjian Getah Asli Antarabangsa di mana harga getah dapat dikawal. Masa depan getah masih ada. Kita tidak mahu menasihatkan pekebun-pekebun kecil terus bertukar kepada kelapa sawit atau koko dan sebagainya dan meninggalkan industri getah begitu sahaja. Kita tidak mahu mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan kerana industri-industri pertanian lain juga mempunyai turun naik dari segi permintaan dan juga penawaran.

Mungkin kita lihat bahawa kelapa sawit merupakan cukup cerah tetapi kalau kita lihat bahawa pada tahun 1984 Indonesia hanya mengeluarkan

1.1 juta tan kelapa sawit berbanding dengan Malaysia 3.65 juta tan. Tetapi dalam kajian kita 1988 Indonesia akan mengeluarkan 2.2 juta tan dan pada tahun 1995 Indonesia akan menjadi pengeluar kelapa sawit yang utama di dunia mengalahkan negara kita kerana revolusi pertanian yang paling hebat berlaku di Indonesia sekarang. Dengan sebab itu kalaulah kita terus menukarkan industri getah kepada industri kelapa sawit kita takut bahawa keadaan yang dialami oleh getah pada hari ini juga akan dialami oleh pekebun-pekebun kelapa sawit di masa-masa yang akan datang apabila penawaran melebihi permintaan.

Begitu juga dengan koko. Permintaan koko di dunia ialah 2 juta tan dan Malaysia kini mengeluarkan 120,000 tan koko. Kalau kita mengeluarkan lebih banyak koko kemungkinan besar bahawa pasarannya juga akan menjadi malap. Dengan sebab itu kita terpaksa berhati-hati dalam hai ini dan cuba seberapa daya untuk meningkatkan prestasi dalam segi penyelidikan, dalam segi pemasaran dan mengurangkan kos dan menyelesaikan masalah kekurangan buruh, gaji buruh yang tinggi agar industri getah Malaysia akan memberi persaingan yang hebat di dalam pasaran getah dunia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN (PERUNTUKAN- PERUNTUKAN KHAS) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semua kelahiran dan kematian di kalangan warganegara Malaysia yang berlaku di mana-mana negara di luar Malaysia adalah didaftarkan mengikut peruntukan undang-undang di negara luar berkenaan. Amalan ini telah berjalan sehingga Dewan yang mulia ini meluluskan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975.

Mengikut seksyen 4 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975, setiap kelahiran atau kematian yang berlaku di kalangan Jemaah Haji

warganegara Malaysia boleh dibuat dan seterusnya sijil-sijil kelahiran dikeluarkan sekiranya segala keterangan mengenai kelahiran itu dilaporkan kepada pihak Pendaftar dalam tempoh 14 hari dan 7 hari bagi sesuatu kematian.

Semasa melaksanakan Akta ini, pihak Kerajaan telah mengesan beberapa masalah yang perlu diatasi dengan cara yang positif bagi faedah para Jemaah Haji. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengesan kes-kes kematian dan kelahiran yang berlaku di Tanah Suci yang telah tidak didaftarkan kerana maklumat-maklumat mengenai kelahiran atau kematian itu telah diberi selepas tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975 itu tidak dapat memenuhi hasrat sebenarnya ia diwujudkan. Keadaan ini berlaku kerana tempoh masa untuk memberikan maklumat berhubung dengan kematian atau kelahiran itu adalah terlalu singkat dan tidak mencukupi masa.

Kerajaan juga telah mengesan bahawa ada beberapa faktor lain yang menyebabkan maklumat mengenai kelahiran atau kematian di kalangan Jemaah Haji warganegara Malaysia tidak dilaporkan kepada pihak Pendaftar dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) Suasana perhimpunan umat Islam yang begitu besar di Tanah Suci menimbulkan masalah perhubungan yang menyukarkan para Jemaah Haji untuk memberi maklumat sepertimana yang ditetapkan oleh Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975;
- (ii) Para Jemaah Haji sendiri menumpukan sepenuh perhatian dan minat untuk

mengerjakan ibadat haji dan tidak dapat memberi perhatian kepada perkara-perkara sampingan;

- (iii) Para Jemaah Haji atau waris mereka sering terlupa, lalai atau kurang faham dan tidak mendapat penerangan yang cukup atau kurang maklumat yang boleh membantu mereka menyampaikan maklumat mengenai kelahiran atau kematian ketika berada di Tanah Suci. Mereka menyedari keperluan ini hanya setelah mereka kembali ke Malaysia, iaitu setelah luputnya tempoh yang ditetapkan dalam undang-undang;
- (iv) Berlakunya kejadian atau peristiwa di luar dugaan para Jemaah Haji sendiri seperti jatuh sakit, kemalangan atau lain-lain kejadian mengejut yang boleh menyebabkan tersekatnya kebebasan mereka bergerak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah yang timbul akibat daripada kesuntukan masa untuk melaporkan setiap kelahiran dan kematian yang berlaku kepada warganegara Malaysia semasa mengerjakan ibadat haji di Tanah Suci serta mengelakkan kesulitan-kesulitan yang boleh berbangkit mengenai perkara ini, maka Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975 adalah sesuai dan perlu dipinda untuk:

- (i) Memberikan masa yang cukup kepada pemaklum untuk menyampaikan maklumat dan dalam hal ini tempoh masa 40 hari adalah didapati sesuai dan mencukupi bagi melaporkan sesuatu kelahiran atau kematian kepada Pendaftar.

- (ii) Memberi kuasa kepada Pendaftar Besar Beranak dan Mati menerima dan mendaftarkan kelahiran atau kematian yang diterima dalam masa 6 bulan sekiranya beliau berpuas hati bahawa kelahiran atau kematian itu sememangnya dan sebenarnya berlaku di Tanah Suci.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi matlamat di atas, maka Seksyen 4 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975 hendaklah dipinda bagi memberi masa yang mencukupi kepada pemaklum untuk melaporkan sesuatu kelahiran atau kematian yang berlaku semasa para jemaah mengerjakan ibadat haji di Tanah Suci.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

5.41 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) (Pindaan), 1985 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang pindaan Seksyen 4 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian

iaitu pindaan dan memberi masa sehingga 40 hari dan 60 hari, tentang pindaan 40 hari itu, saya ingin memberi pendapat saya. Hari ini jemaah-jemaah haji yang telah pergi menunaikan fardu haji kebanyakan jemaah-jemaah haji kita terutama yang berumur, mereka ini suka duduk lebih lama di Tanah Suci. Kalau boleh mereka hendak duduk 2 bulan, tetapi oleh sebab peraturan-peraturan yang ditetapkan hanya membenarkan tidak lebih daripada satu tempoh yang tertentu, jadi sekarang ini kita tengok sehabis tinggi atau sehabis lama jemaah haji itu boleh duduk di Mekah ialah selama lebih kurang 43 atau 45 hari. Jadi sekiranya berlaku kematian semasa jemaah haji itu sampai di Mekah, sampai-sampai itu meninggal dunia, jadi sementara warisnya hendak balik, dia mengambil masa 45 hari pun lebih daripada tempoh yang dipinda dalam Akta ini. Jadi sama ada kita boleh pinda tentang 40 hari yang pertama itu, tentang (a) itu kepada Pendaftar dalam tempoh 40 hari dari kelahiran atau kematian itu. Saya fikir kalau kita boleh tambah sedikit lagi sekurang-kurangnya 45 hari, itu adalah lebih munasabah sebab jangka masa jemaah-jemaah haji kita berada di Mekah itu dalam tempoh itu, kita ambil yang paling maksima, 45 hari.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi masalah seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, semasa menunaikan fardu haji, jemaah-jemaah haji yang pergi menunaikan fardu haji itu terlampau ramai. Pada tahun-tahun yang lepas ada 1 juta, tahun lepas 2 juta dan tahun ini kita dapat tahu sampai 3 juta orang. Kadang-kadang dalam keadaan yang begini, kematian itu kita tidak tahu, pihak waris tidak dapat memastikan bahawa jemaah itu hilangkah atau matikah sebab bila bercampur, hilang dan sesat sebagainya, masa dia mati pun kita tidak tahu bila masanya. Apabila dibuat siasatan kemudian

baru kita tahu orang ini telah meninggal dunia dan telah dikebumikan oleh pihak berkuasa di Arab Saudi.

Satu peraturan yang berlaku di Arab Saudi, mereka tidak simpan mayat itu lama-lama, bila berlaku sahaja kematian kadang-kadang dalam masa 3 jam terus dikebumikan, waris-waris yang berkenaan pun tidak tahu. Ini perkara yang sering berlaku. Tahun sudah saya bersama dengan jemaah-jemaah haji dan bersama dengan saya ada seorang isteri yang menyatakan dia tidak tahu bahawa suaminya telah meninggal dan sudah dikebumikan. Ini menunjukkan betapa cepatnya mayat yang dikebumikan kalau berlaku kematian di Tanah Suci. Pihak berkuasa itu tidak mengambil masa lama-lama, terus dikebumikan tanpa memberitahu waris-waris yang berkenaan. Itu satu contoh. Jadi ini mengambil masa untuk memastikan sama ada jemaah itu hilangkah atau matikah, kita tidak tahu. Ini barangkali mengambil masa lebih daripada 40 hari. Maka itu yang saya cadangkan, kalau boleh, daripada 40 hari itu kita kata 45 hari, kita ambil masa yang paling maksima jemaah haji Malaysia boleh berada di Tanah Suci.

Tuan Yang di-Pertua, sambil itu saya juga hendak menyebut perkara yang lain daripada pindaan ini sedikit, tetapi tidak jauh lari iaitu masalah yang berlaku sekarang ini di Pulau Pinang terutamanya, orang-orang India Muslim ini menukar nama mereka daripada "son of" kepada "bin" untuk mendapatkan taraf bumiputera. Ini berlaku sewenang-wenangnya. Saya harap perkara ini dapat diperhati dan diambil tindakan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, bukan kata sedikit; banyak berlaku, beratus-ratus kejadian ini berlaku dengan mudah. Saya hairan

bagaimana dengan begitu mudah daripada "son of" boleh bertukar kepada "bin". Ini yang kita hairan, mudah sangat.

Jadi dalam hal ini saya harap sekiranya ada permintaan untuk mengubah nama hendaklah kita meminta maklumat-maklumat bukan setakat bapa, tetapi kepada tok, boleh kita trace, boleh dapat kita kesan sebenarnya nama ini, adakah "bin" ataupun "son of", kita hendak mengelakkan daripada berlaku perkara yang kita tidak ingini yang menjejaskan kedudukan bumiputera terutama di negeri Pulau Pinang.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta kepada Kementerian yang berkenaan, kalau boleh kita dapat mengadakan ejaan nama yang standard bagi nama-nama orang Islam. Misalnya nama Muhammad, dalam kad pengenalan berbagai-bagai ejaan Muhammad—"Mohd.", "Mohamed", "Muhamad", macam-macam ejaan nama bagi perkataan Muhammad juga. Tidak bolehkah pihak Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka kita adakan satu ejaan yang standard bagi nama-nama. Kita mulakan dengan nama orang Islam, kemudian nama orang bukan Islam. Mudah, dengan adanya nama yang standard ini mudah pihak-pihak yang berkenaan bila hendak tulis nama. Ramli misalnya, "Ramlee", "Ramli"; "Shafie"—"Shafie" lagi berserabut ejaannya—"Shafiee" macam-macam ejaan. Jadi kalau boleh, saya fikir ini perlu dan mustahak kerana ejaan nama-nama tidak betul eja sedikit sahaja tidak boleh dapat, misalnya dapat harta, berbagai-bagai masalah timbul, masalah kewangan, bila orang hendak menuntut harta dan sebagainya, menuntut EPF, bila ejaan nama dia dalam kad pengenalan lain, dalam surat beranak lain, jadi tidak sama itu menyebabkan dia, menyusahkan dia, dia terpaksa

mengeluarkan belanja yang tidak sepatutnya dikeluarkan. Saya harap dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan ejaan nama yang standard bagi semua nama-nama termasuk nama-nama orang bukan Melayu, boleh dimulakan daripada sekarang, saya fikir tidak terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang saya hendak timbulkan dalam Akta Pindaan tentang Kelahiran dan Kematian ini dan sekali lagi saya menyokong dengan sepenuhnya Akta ini dan Akta ini sesuai dengan keadaan yang berlaku sekarang di mana Jemaah Haji kita menunaikan fardu haji lebih daripada hari yang ditetapkan dahulu iaitu dahulu hanya dua minggu atau tujuh hari, tetapi sekarang bertambah kepada 40 hari dan sekali lagi saya harap kalau boleh, kita pinda daripada 40 menjadi 45 iaitu hari yang saya dasarkan kepada hari yang paling lama jemaah haji kita dibenarkan tinggal di Arab Saudi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

5.51 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai bersama membahaskan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian—peruntukan khas sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Terlebih dahulu saya menyokong penuh Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan rasa saya amat wajar dan patut. Cuma apa yang saya hendak sentuh sedikit sebanyak ialah mengenai perkara pendaftaran kelahiran dan kematian di Tanah Suci semasa ketika menunaikan fardu haji, yang saya rasa hairan sedikit kerana tiap-tiap warganegara Malaysia sebelum pergi menunaikan fardu haji mereka kesemuanya dikehendaki

periksa doktor. Kemudian tentu sekali rasa saya yang pergi bersalin musim haji itu ialah orang-orang yang telah mengandung lebih dari 7 atau 8 atau sudah masuk 9 bulan. Yang menghairankan saya, boleh lepas orang-orang ini yang sedang dia mengandung sudah 9 bulan tetapi dia boleh juga sampai ke Mekah.

Sepatutnya dengan ada pemeriksaan doktor itu, dia tidak boleh sampai kerana dia mengandung, kerana dalam urusan fardu haji disyaratkan orang-orang yang tidak boleh atau tidak payah menunaikan fardu haji pada masa itu ialah orang mengandung dan orang-orang sakit dan orang sangat tua. Orang sangat tua, dia tidak payah menunaikan fardu haji, dia boleh upah dalam Islam. Orang sedang hamil pun tidak digalakkan atau tidak difardukan pada masa ketika dia cukup bulan itu, kerana hukum-hukum haji ini adalah bersangkutan dengan kesihatan dan kemampuan. Oleh yang demikian bagaimanakah boleh terlepas orang-orang yang mengandung itu menunaikan fardu haji sedangkan pemeriksaan doktor itu rapi, periksa air kencingnya, periksa badannya. Kalau begitu, rasa saya, pemeriksaan doktor itu tidak memberi kesan atau memberi erti apa bagi mereka yang hendak menunaikan fardu haji, kerana pengalaman saya, saya menunaikan fardu haji masya Allah, start daripada tahun 1963 sampai ke tahun 1984, hanya dua kali sahaja saya tidak menunaikan fardu haji. Sejak daripada itu, ini memberi erti sudah dekat 20 tahun, tiap-tiap tahun saya buat. Sata tengok banyak sangat orang Malaysia ini yang tua-tua sangat-sangat.

Yang tua-tua sangat itu bagaimana boleh dilepaskan menunaikan fardu haji sedangkan hukum boleh diubah. Kemudian ghalib-ghalibnya kematian ini ialah berlaku kepada orang tua-tua, kebanyakan begitulah di sana. Dan

kelahiran itu, orang yang telah mengandung 9 bulan ghalibnya. Oleh itu saya mencadangkan supaya bagi pihak Kementerian Dalam Negeri, dalam perkara ini harap diaktifkan dalam perkara orang-orang mengandung ini. Sekiranya dia sudah cukup 9 bulan, maka tidak usah dibenarkan mereka pergi, hinggalah sampai, kalau dia panjang umur, tahun depan sudah bersalin dia pergilah menunaikan fardu haji, kerana kerumitan-kerumitan ini banyak terutama sekali menyusahkan orang lain apabila dia bersalin pada masa menunaikan fardu haji iaitu kepada orang-orang yang bersama dengan dia.

Kedua, boleh membawa kepada kesamaran iaitu apabila kita menerima dan membolehkan orang-orang Malaysia bersalin semasa menunaikan fardu haji, boleh membawa kepada kekeliruan kepada rakyat-rakyat negeri-negeri lain yang rupanya seakan rupa kita di Malaysia ini yang membawa kepada kekeliruan yang bahawasanya mengatakan mereka ini, misalnya, boleh kita membeli anak orang, misalnya kita boleh beli anak-anak orang Thai atau anak-anak orang Cina yang masing-masing mandul, tidak dapat anak, jadi dia beli, berjanji bawa di Mekah, maka mereka bawa balik, kata beranak di sana. Jadi siapakah menyaksikan bidan? Oh! kata beranak tiada berbidan, kerana dalam perjalanan hendak menuju ke Padang Arafah. Ini membawa kepada kekeliruan yang amat banyak kerana hari ini dalam dunia banyak sangat orang menjual anak dan banyak sangat di antara orang-orang yang mandul yang sangat ingin kepada anak walaupun dengan cara apa helah dan belai pun sanggup.

Untuk mengelakkan perkara ini, itulah saya mengesyorkan supaya orang-orang yang mengandung 9 bulan tidak dibenarkan sama sekali menunaikan fardu haji pada tahun itu. Ini tidak salah dalam Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengenai kematian pula, rasa saya dalam masa yang telah diperuntukkan ini amat wajar dan begitu juga tidak menjadi satu halangan sekiranya tambah sebagaimana yang disebutkan oleh wakil dari Balik Pulau tadi iaitu ditambah kepada 45 dan sebagainya. Itu amat wajar. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan ini, dalam soal kematian, orang-orang yang menunaikan fardu haji ini adalah sebagaimana yang disebutkan oleh wakil dari Balik Pulau tadi, bagi pihak hospital atau penolong kecemasan Arab Saudi, dia tidak kecuali siapa, apabila jumpa orang mati di tengah jalan, maka dia ambil dibawa masuk peti ais yang ada di Mina, maka dikumpulnya di situ. Selepas itu kalau tiada siapa pergi, maka dia pun terus tanam. Saya mengharapkan semoga bagi pihak Tabung Haji ada mewakilkan duduk di pintu-pintu peti ais itu, kerana saya tengok di Mina tiada wakil Tabung Haji duduk menunggu di rumah mayat Mina, hanya semata-mata diserahkan kepada keluarga yang bersama-sama orang menunaikan fardu haji itu sahaja.

Sekiranya ada bagi pihak Tabung Haji wakil sesiapa untuk berada di pintu-pintu rumah mayat, iaitu pintu peti ais itu, tentu sekali dia akan tengok rupa orang yang meninggal itu. Sekiranya nampak rupa itu rupa orang Malaysia, lebih-lebih lagi kalau ada pakai badge Malaysia, dengan sendiri dia ambil tahu, dia ambil nama dan sebagainya.

Tetapi yang lepas-lepas tidak ada. Maknanya tidak ada wakil dari Tabung Haji berdiri di situ atau tunggu di situ. Itu tidak ada. Oleh itu saya mengharapkan dan mencadangkan tahun ini supaya ada wakil-wakil kita yang menunggu di situ pada tiga hari semasa di Mina. Inilah yang menyebabkan kebanyakannya berlaku khasnya orang-orang Malaysia apabila hilang didapati tidak dapat

dikesan. Maka yang sebenarnya kebanyakan ialah ditanam oleh pihak Kesihatan Saudi Arabia. Mereka itu apabila bertemu, meninggal dunia, kemudian tidak ada orang pergi ambil mayat itu di peti ais itu maka dia pun tanamlah. Maka dalam soal orang-orang Malaysia yang mahu melarikan diri hingga berada di Mekah hingga dikesani oleh keluarganya menyatakan mati atau hidup, itu boleh dikatakan tidak banyak. Kerana orang-orang Malaysia sendiri boleh dikatakan tidaklah begitu sangat mahu berada di Mekah berpanjangan masa hingga meninggalkan tanahair. Tidaklah seperti orang-orang Indonesia dan orang-orang Patani dan sebagainya keadaan kedudukan dalam negara mereka adalah kesempitan yang mereka alami dan tidaklah sebagaimana kita orang-orang di Malaysia ini. Oleh itu biasanya apabila seseorang didapati hilang tidak berjumpa hingga sampai berbulan-bulan ataupun bertahun, ghalibnya ialah orang itu telah mati dan ditanam oleh pihak Kerajaan Saudi Arabia. Maka untuk mengelakkan daripada kita tidak dapat kesan itulah yang saya mengesyorkan tadi supaya ada bagi pihak kita untuk berjaga ataupun kawal di dalam soal kedatangan mayat-mayat di peti-peti ais di Mina ini.

Maka dalam perkara ini saya tidaklah hendak bercakap lebih panjang terutama sekali dalam perkara-perkara hal ehwal Tabung Haji, rasa saya pada tahun ini bagi pihak Tabung Haji telah mengatur dengan penuh rapi semoga dengan aturan yang rapi itu akan memberi faedah dan akan memberi kesan yang lebih baik daripada tahun-tahun yang lalu. Dengan demikian, saya menyokong atas Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.03 ptg.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat daripada Balik Pulau dan juga daripada Kuala Nerus yang telah bangun memberi pandangan dan pendapat mereka dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang yang baru dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Untuk penjelasan, kerana saya dapati mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat tidak begitu memahami Akta Pendaftaran, Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975 yang ada dan pindaan yang sedang dicadangkan.

Dalam pindaan yang dicadangkan bahawa masa yang dikehendaki laporan dibuat kepada Pendaftar berkenaan dengan kematian dan kelahiran, dipinda daripada 14 hari dan 7 hari kepada 40 hari. Ini bukan bermakna sesuatu kematian yang berlaku di tanah suci perlu dilaporkan di Kuala Lumpur kepada Pendaftar di sini. Dengan lain perkataan ini bukan bermakna bahawa waris-waris tadi sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, perlu balik kembali ke tanah air selepas 43 hari umpamanya ataupun masa yang lebih lewat lagi untuk melaporkan kepada Pendaftar di Kuala Lumpur. Ini tidak perlu, sebab mengikut Seksyen 3, Akta 1975 bagi maksud menjalankan tugas-tugas Akta ini, Pendaftar Besar boleh melantik beberapa orang yang difikirkannya perlu, sama ada pegawai-pegawai awam atau tidak, untuk menjadi Pendaftar-pendaftar. Dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di tanah suci di waktu musim haji, Pendaftar Besar telah melantik beberapa orang sebagai Pendaftar-pendaftar termasuk dua orang ahli daripada Lembaga Urusan

dan Tabung Haji dan dua orang Pendaftar sendiri yang dihantar khusus daripada Pejabat Pendaftar dan semua Pegawai-pegawai Perubatan. Mungkin bilangan mereka sampai ke-14 orang lebih.

Mereka adalah berkuasa menerima maklumat berkenaan dengan kelahiran dan kematian sesiapa sahaja yang menunaikan fardhu haji di sana. Bermakna jika seseorang itu meninggal dunia walaupun dia pergi untuk menunaikan fardhu haji selama 50 hari umpamanya, isterinya telah meninggal dunia, suaminya bolehlah melaporkan kematian kepada Pendaftar yang telah pun dilantik bertugas khas di tanah suci.

Walau bagaimanapun dalam pindaan yang dikemukakan boleh juga pihak waris selepas balik ke tanah air sendiri melaporkan kematian suaminya umpamanya kepada Pendaftar Besar dalam tempoh tidak melebihi 6 bulan dengan mengeluarkan bukti-bukti yang sah.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Akta ada tersebut orang-orang yang berkelayakan memberi maklumat berkenaan dengan sesuatu kematian, iaitu sesiapa yang hadir pada masa kematian itu. Bermakna jika di tanah suci satu kumpulan jemaah haji daripada Malaysia yang bilangan mereka ialah 40 orang dan salah seorang daripada mereka meninggal, sesiapa sahaja dalam kumpulan itu boleh memaklumkan kepada Pendaftar di tanah suci ataupun penduduk atau seseorang penghuni rumah itu jika dia mengetahui tentang berlakunya kematian itu ataupun sesiapa yang mengambil tanggungjawab mengenai mayat itu ataupun orang yang menyebabkan mayat itu dilupuskan dan mana-mana orang lain yang mengetahui sendiri tentang kematian itu.

Tujuan pindaan kepada Akta Ibu ini ialah untuk menyenangkan jemaah haji memberi laporan baik dari segi kematian ataupun kelahiran kepada Pendaftar-pendaftar dalam masa yang diagak lebih sesuai lagi dari masa-masa yang telah ditetapkan dalam Akta Ibu iaitu 7 hari bagi kematian, 14 hari bagi kelahiran. Sekarang dua-dua dikehendaki melaporkan maklumat itu dan tidak lebih daripada 40 hari ataupun 6 bulan kepada Pendaftar Besar.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang tidak ada kena mengena dengan Akta ataupun pindaan ini. Walau bagaimanapun saya inginlah memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa teguran-teguran yang dikemukakan akan diambil perhatian.

Berkenaan dengan masalah ejaan nama tadi yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya di-standardisekan, dengan izin, nama-nama seperti Mohd., Ramly, Zulkifly dan seterusnya ini adalah di dalam perhatian pihak Pendaftar Jabatan Pendaftaran sekarang bukan sahaja dari segi ejaan juga dari segi nama-nama yang ejaannya yang menimbulkan syak wasangka, yang lucu dan seterusnya, akan kita buat peraturan-peraturan yang tertentu pada masa-masa yang akan datang.

Saya memanglah bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan ejaan nama-nama yang tidak sesuai dan yang tidak standard itu, sebab saya sendiri biasa menemui orang di kawasan saya. Salah seorang daripadanya yang bernama Don Kodett. Sebenarnya nama dia Abdul Kadir. Kerana bapanya itu keturunan India-Siam, apabila melaporkan kelahiran nama anaknya itu kepada seorang pegawai Polis yang berketurunan Punjabi, nama dia itu dia sebut Abdul Kudir tetapi

dicatatkan Don Kodett. Dan hamba Allah sekarang itu lekatlah nama dia Don Kodett. Saya faham sangat seruan Yang Berhormat tadi dan perkara ini kita akan bawa untuk distandardisekan supaya perkara-perkara ini tidak akan timbul lagi.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, mereka yang bersalin di Mekah. Memanglah orang yang hendak bersalin di Mekah mestilah dia hamil dahulu sebelum dia sampai ke sana, mungkin kita membuat peraturan ini untuk menerima possibility dengan izin, kemungkinan orang-orang yang hamil hanya 4-5-6 bulan umpamanya tiba-tiba dia lahirkan seorang anak di tanah suci. Walaupun pemeriksaan rapi dibuat oleh para doktor, maklum sahajalah bila suami hendak menunaikan fardhu haji, isterinya hamil 6 bulan hendak ikut juga, doktor walaupun mengesahkan dia itu telah hamil 6 bulan, apa dia hendak jawab jikalau isterinya kata saya hendak menunaikan fardhu haji juga. Inilah perkara-perkara yang selalu berbangkit dan kita menyediakan supaya bila terlahirnya seorang anak di tanah suci daripada warganegara kita, dia dibenarkan melaporkan kelahirannya itu di tanah suci dalam masa 40 hari. Begitu juga orang-orang tua yang pergi menunaikan fardhu haji di tanah suci; memang sepertimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, orang yang tua-tua itu tidak perlulah menunaikan fardhu haji, dia boleh mengupahkan orang. Tetapi seperti yang kita semua sedia maklum dan sepertimana dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, tahun ini mungkin orang yang akan menunaikan fardhu haji meningkat lebih daripada 3 juta manusia dan mereka ini mungkin terdiri daripada kanak-kanak sampailah kepada yang tua-tua, bukan sahaja kita tumpukan kepada warganegara Malaysia. Jadi kalau orang tua umur 70 tahun dia

berasa kuat dia pergi, tiba-tiba, dia tidak meninggal, orang yang berumur 50 tahun itu mungkin meninggal. Jadi kita adakan peraturan-peraturan yang tertentu supaya waris dia boleh melaporkan kematian dia dalam masa yang tertentu; dalam masa yang lebih elok lagi kepada 40 hari.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Nerus agar pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji mengambil perhatian menempatkan seorang pegawai di pintu peti ais ataupun di pintu rumah mayat, saya akan merujuk perkara ini kepada Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan dan perhatian. Inilah satu saranan yang baik dan saya di sini memberi keyakinan kepada semua Ahli Yang Berhormat bahawa jika undang-undang ini diluluskan, perkara ini akan dijelaskan dengan seterang-terangnya kepada para jemaah haji agar apabila mereka bertolak ke sana, mereka tahu tentang tanggungjawab kewajipan mereka jika berlaku satu kelahiran atau kematian di tanah suci. Itulah sahaja yang saya boleh memberi jawapan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan, yang tidak dapat saya jawab, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa semuanya adalah dalam perhatian Kementerian dan kita akan melaksanakannya. Insya Allah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JALAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.16 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian saya pada masa ini adalah bertanggungjawab sepenuhnya di dalam melaksanakan segala program-program pembinaan dan penyelenggaraan kerja-kerja bangunan-bangunan, jalan-jalan, jambatan-jambatan dan juga lapangan-lapanganterbang Persekutuan seperti yang termaktub di bawah Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan No. 2 1983 tentang fungsi-fungsi dan tanggungjawab Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun Ordinan Jalan Persekutuan 1959 telah tidak memberi kuasa untuk Kementerian saya mengisytiharkan mana-mana jalan, jambatan, feri atau lain-lain cara perhubungan negeri sebagai jalan, jambatan feri atau lain-lain cara perhubungan Persekutuan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum di masa ini Kementerian saya melaksanakan segala prosedur-prosedur untuk mengisytiharkan jalan-jalan Persekutuan ini dan yang mengandungi di antara lain langkah-langkah perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan penyediaan surat deraf pengisytiharan hinggalah ke peringkat pengwartannya. Walau bagaimanapun, Menteri Pengangkutan perlu menandatangani pengisytiharan itu kerana Ordinan ini masih lagi di bawah tanggungjawabnya sebagaimana yang dinyatakan di bawah section 2 Ordinan tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan Ordinan Jalan Persekutuan 1959 yang saya cadangkan ini adalah bertujuan memudahkan lagi prosedur dan pelaksanaan pengisytiharan jalan-jalan Persekutuan di masa depan.

Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985 ini bertujuan membatalkan section 2 yang mengandungi tafsiran bagi perkataan "Minister" dan ini adalah untuk memudahkan pentadbiran Ordinan ini dibuat supaya mana-mana Menteri yang ditanggungjawabkan bagi melaksanakan pengisytiharan mana-mana jalan, jambatan, feri atau lain-lain cara perhubungan di mana-mana Negeri sebagai jalan Persekutuan hanya perlu dinyatakan di dalam perintah yang akan dibuat di dalam Akta Tugas-tugas Menteri 1969 dan akan secara automatik menjadi Menteri yang berkenaan bagi maksud Ordinan ini. Saya telah pun berunding dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengenai pengesahan tanggungjawab ini dan beliau telah mempersetujui cadangan saya.

Sekian secara ringkas isi kandungan Fasal yang tersebut di dalam Rang Undang-undang ini dan saya berharap dan berkeyakinan bahawa dengan

adanya Rang Undang-undang ini akan dapat melicinkan dan memudahkan pengisytiharan mana-mana jalan, jambatan, feri atau lain-lain cara berhubungannya Negeri menjadi Persekutuan. Dengan itu saya mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Jalan Persekutuan 1959 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.21 ptg.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mendapat satu penjelasan sama ada pindaan Rang Undang-undang ini sungguhpun ianya untuk menjadikan ataupun memudahkan pengisytiharan Jalan Kerajaan Negeri untuk dijadikan Jalan Persekutuan sama ada antara lain sebab utama pindaan ini ialah supaya membolehkan tol dikenakan kepada jalan-jalan yang akan dijadikan Jalan Persekutuan kerana akhir-akhir ini begitu banyak sekali Jalan-jalan Persekutuan yang dikenakan tol.

Di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri, iaitu di kawasan Sepang ada sebuah Jalan Persekutuan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban yang melintasi sebahagiannya di kawasan pilihanraya saya dan yang sudah ada dibina 2 tol; satu berhampiran dengan kawasan Sungai Besi dan satu lagi berhampiran dengan Seremban. Yang dekat Sungai Besi kena bayar 50 sen dan yang dekat dengan Seremban \$1.

Apa yang membimbangkan saya ialah pada hari ini sedang dibina di tiap-tiap jalan susur yang hendak masuk ke Jalan Persekutuan ini sedang dibina beberapa buah rumah tol. Yang jelas sekarang 2 pembinaan rumah tol baru sedang dibina; satu Jalan Negeri yang hendak masuk daripada Nilai dan satu lagi Jalan Negeri yang hendak masuk ke Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban daripada Kajang. Apabila rumah tol yang baru ini dibina dan mulai membuat kutipan wang, bermakna kalau seorang kampung yang berada di Sungai Ramal Dalam ataupun di Kampung Sungai Ramal Luar di dalam kawasan pilihanraya saya hendak pergi ke Kuala Lumpur melalui jalan Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur ia mesti membayar pergi-balik \$2 dan di antara satu tol dengan satu tol itu daripada Tol Sungai Ramal Dalam ke Tol Sungai Besi jauhnya tidak lebih daripada 3 batu, begitulah dan bermakna 3 batu itu seorang kampung di Sungai Ramal Dalam ataupun Sungai Ramal Luar mesti membayar \$1 sekali pergi dalam jangka jarak 3 batu; dia balik lagi 3 batu \$1 lagi. Bermakna \$2 seseorang itu mesti membayar kalau ia bertolak daripada Sungai Ramal Dalam, iaitu dalam satu jarak tidak lebih daripada 3 batu; 3 batu \$2 perlu dibayar sekiranya tol ini mula operasi. Itu saya berdasarkan bahawa tol yang baru ini akan mengenakan 50 sen, itu belum tahu berapa lagi, saya sangka sahaja 50 sen, kalau \$1 bermakna angka itu akan berlebihan. Inilah satu perkara yang saya berasa bimbang.

Memang kalau kita pergi ke negara-negara asing seperti Amerika Syarikat memang ada tol, saya mengakui, tolnya pun mungkin lebih tinggi daripada tol negara Malaysia dari segi pembayarannya, tetapi ada satu perbezaan yang pokok di antara negara Amerika Syarikat dengan negara Malaysia, iaitu di negara Amerika mereka tidak ada cukai jalan

(road tax), mereka cuma ada tol sahaja. Mungkin sistem di Amerika Syarikat itu lebih demokratik. Bermakna kalau seseorang itu memiliki kereta dan dia tak menggunakan keretanya, dia tak membayar apa-apa kerana tidak ada dikenakan sistem cukai jalan. Kalau banyak dia menggunakan kereta, lagi jauh dia berjalan lagi banyak dia terpaksa membayar cukai melalui stesyen-stesyen tol.

Mungkin cara itu lebih demokratik dan kita baru sahaja selesai berdebat demokrasi ini, jadi semua kita hendak tengok dari segi demokrasi sekarang. Mungkin cara pembayaran tol dan menghapuskan cukai jalan (road tax) mungkin cara itu lebih demokratik dan mungkin sebab itu yang mendorongkan Amerika Syarikat mengamalkan sistem tol dan tidak menggunakan sistem cukai jalan atau road tax dan beberapa negara di dalam dunia yang lain pun mengikut cara itu. Tetapi kita di sini menggunakan dua-dua sistem; road tax pun kena, tol pun kena dan road tax kita bukan semakin kurang, semakin tahun tiap-tiap Budget dia meningkat, dia naik, naik hinggakkan orang memandu motosikal pun sekarang sudah berasa ragu semasa Budget dahulu, tetapi nasib baiklah Kerajaan bersimpati, dia turunkan balik road tax berhubung dengan motosikal yang kecil-kecil ini dan saya ucapkan tahniah di atas Kerajaan yang berjiwa rakyat yang begitu memberi perhatian kepada perkara ini dan meminda supaya menyenangkan rakyat kerana perkara itu mungkin tersilap dibuat. Inilah satu Kerajaan Barisan Nasional bila dia buat satu benda dia akui dia silap dan dia buat pindaan demi kepentingan rakyat. Syabas kepada Kerajaan.

Saya harap atas perkara ini juga dapat satu sikap dan pendekatan yang sama dan saya sungguh-sungguh berharap bahawa Kerajaan membuat satu pemilihan; hendak adakan road

taxkah atau hendak adakan tol? Pilih satu di antara dua. Kalau kita hendak amal sistem tol, O.K. saya bersetuju kita amal sistem tol, taruhlah tol, berapa banyak pun tol taruhlah, hendak taruh tol di Jalan Parlimen pun taruhlah, tiap-tiap kali Ahli Parlimen hendak pergi ke Parlimen kena bayar 50 sen pergi dan balik 50 sen, \$1 tiap-tiap Ahli Parlimen kerana ini "Kepimpinan Melalui Teladan". Kalau kita hendak rakyat membayar tol, kita bayar tol dahulu, kita buat tol dekat jalan pergi ke Parlimen, tiap-tiap Ahli Parlimen membayar tol, kalau itu sistem yang kita hendak buat. Tetapi kalau kita fikir sistem road tax lebih baik, kita lupakan sistem tol ini dan kita adakan satu road tax yang mungkin tinggi tak mengapa....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagikah berkenaan dengan tol itu?

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Ini satu sahaja, saya tak mahu cakap hal lain. Saya minta dalam 20 saat lagi saya akan duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh 20 saat.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Jadi pilih di antara satu dan dua, sama ada hendak sistem tol ataupun sistem road tax ataupun sebagai alternatif kalau hendak dua-dua, turunkan tol, turunkan juga cukai road tax, hendak dua-dua boleh tetapi mesti road tax itu dikurangkan dan juga stesyen-stesyen tol yang ada jangan dibina lagi. Jadi saya hendak minta perakuan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya menyokong pindaan ini dengan syarat bahawa apabila Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil alih jalan-jalan daripada Kerajaan Negeri hendak jadikan Jalan Persekutuan, saya merayu atas pertimbangan yang

saksama daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya tidak dikenakan tol kepada jalan-jalan yang hendak diambil. Dengan syarat itu ambillah berapa jalan yang hendak diambil dengan syarat tak ada lagi tol yang baru yang akan dibina dan juga satu "rider" yang kecil tolong minta kaji semula pembinaan tol di kawasan pilihanraya saya yang dua hendak bina baru ini dan kalau sudah terbina apa boleh buat, tetapi mintalah dapat memberi cukai yang paling minima kepada tol itu supaya orang-orang kampung yang hendak datang ke Kuala Lumpur sekali-sekala ini tidaklah teruk sangat terpaksa membayar sampai \$2 pulang-balik untuk menggunakan panjang jalan 3 batu panjangnya.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta seorang Menteri mencadangkan usul.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Dewan Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

BILANGAN MURID DALAM KELAS DAN KEMUDAHAN

6.32 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, memandang bahawa bilangan murid sekolah rendah dan sekolah menengah yang kian bertambah tahun demi tahun, Kerajaan harus membina lebih banyak

bilik darjah yang lengkap di samping memperbaiki taburan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah. Walaupun pihak Kerajaan telah melaksanakan lebih daripada 100 projek di bawah rancangan crash di Selangor dan Wilayah Persekutuan di mana keadaan kesesakan bilik darjah adalah yang tenat sekali, ini telah melibatkan pembinaan 13 buah sekolah yang baru dan 512 buah bilik darjah. Wujudnya beberapa persoalan adakah bilik-bilik darjah tersebut lengkap terutamanya bagi sekolah menengah dari segi peralatan, perabot, kemudahan-kemudahan bagi aktiviti-aktiviti ko-kurikulum, pusat sumber sekolah dan menggantikan alat-alat pendidikan jasmani yang lama dengan yang lebih baik.

Walaupun Kerajaan bercadang menambahkan jumlah calon yang akan diterima masuk ke dalam maktab perguruan, ini hanya akan berhasil selepas empat tahun. Adakah bilangan guru yang sesuai dapat dibekalkan bagi setiap sekolah lama dan yang baru ini. Adakah bilangan bilik darjah serta bangunan sekolah yang baru didirikan dapat menampung sebarang pertambahan dalam bilangan murid pada masa depan dan menjelang tahun 1990. Sekian, terima kasih.

6.33 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, soal kesesakan bilik darjah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu sebenarnya tidaklah terdapat di semua sekolah tetapi terdapat di sekolah-sekolah yang tertentu sahaja. Biasanya sekolah-sekolah ini terdapat di kawasan-kawasan yang padat penduduknya atau yang pesat pertumbuhan penduduknya seperti di bandar-bandar besar dan kesesakan bilik darjah juga terdapat di sekolah-sekolah yang menjadi pilihan ramai ibu-bapa.

Di kebanyakan sekolah sebenarnya saiz kelas atau bilangan murid bagi satu-satu kelas tidak banyak berbeza dari purata kebiasaan sebanyak 35 orang murid bagi sekolah rendah dan 37 orang murid bagi sekolah menengah. Purata saiz kelas di Selangor ialah 37 orang murid di sekolah rendah dan sekolah menengah. Purata saiz kelas di Wilayah Persekutuan adalah 42 orang murid di sekolah rendah dan 39 orang murid di sekolah menengah. Namun demikian, ingin saya nyatakan di sini bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa memberi perhatian kepada perkara ini sungguhpun keadaan ekonomi tidak begitu baik, rancangan pembangunan bilik darjah sama ada untuk menambah bilangan yang ada atau memperbaiki bilik-bilik darjah yang uzur telah diberi keutamaan.

Dalam tempoh tahun 1981 hingga 1983 dalam Rancangan Malaysia Keempat kira-kira 6,800 bilik darjah telah dibina untuk sekolah-sekolah rendah. Dalam tempoh 1980 hingga 1983 kira-kira 3,200 bilik darjah pula telah dibina bagi sekolah menengah. Bagi tahun 1984 kira-kira 3,555 buah bilik darjah telah dibina. Usaha membina bilik-bilik darjah ini adalah berterusan. Sebenarnya keperluan bilik darjah dan bangunan tambahan bagi tiap-tiap sekolah dikaji setiap tahun. Jumlah enrolment yang dijangkakan bagi jangka masa tertentu dijadikan asas untuk menentukan keperluan ini.

Kajian juga dijalankan untuk menentukan kawasan-kawasan yang perlu diadakan sekolah baru dan bilik darjah tambahan. Beberapa strategi pembangunan digunakan untuk menyediakan bilik darjah tambahan secepat yang boleh di mana keperluan bilik darjah yang tidak melebihi 4 buah, kaedah membina secara bergotong-royong dengan PIBG dijalankan supaya pembinaan itu

dapat disiapkan dengan cepat. Di samping itu projek package deal atau pasang siap dijalankan di kawasan-kawasan yang ramai bilangan muridnya dan yang memerlukan tambahan bilik darjah dengan segera. Projek pembinaan secara conventional dijalankan bagi projek yang kurang mendesak keperluannya.

Perlu juga dinyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kementerian Pelajaran sedang berusaha untuk mendapatkan rekabentuk bangunan sekolah yang boleh menjimatkan kos pembinaan tanpa mengurangkan kemudahan asas yang perlu ada.

Berhubung dengan kemudahan, saya suka nyatakan bahawa peruntukan memang dibuat untuk membekalkan bilik-bilik darjah dengan kelengkapan asas seperti meja, kerusi, papan hitam, almari dan lain-lain. Bagi peralatan perabot yang lama yang rosak sekolah boleh menggantikannya dengan menggunakan wang sewa atau dari peruntukan gantian dari Jabatan Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan juga memang diadakan bagi perpustakaan, pusat sumber sekolah. Pemberian kewangan dibuat mengikut bilangan murid bagi sesuatu sekolah itu. Biasanya pihak pentadbir sekolah dan Persatuan Ibu-bapa dan Guru akan menggunakan inisiatif mereka untuk menambah pemberian yang diberi oleh Kementerian bagi melengkapkan lagi Perpustakaan Pusat Sumber Sekolah mereka.

Berhubung dengan kemudahan bagi aktiviti ko-kurikulum memanglah tidak semua sekolah mempunyai kemudahan yang lebih, lebih-lebih lagi sekolah-sekolah yang dibina secara kilat, bagi sekolah-sekolah yang sempit kawasannya adalah sukar hendak diadakan padang permainan tetapi ini tidaklah bermakna aktiviti

ko-kurikulum tidak boleh dijalankan kerana banyak aktiviti ko-kurikulum boleh bergerak dengan tidak menggunakan padang. Walau bagaimanapun sekolah-sekolah seperti ini digalakkan menggunakan padang sekolah ataupun padang awam yang berhampiran. Sebenarnya kebanyakan sekolah mempunyai padang sendiri. Kementerian Pelajaran sedang memberi perhatian kepada soal menambahkan lagi kemudahan untuk aktiviti ko-kurikulum.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bekalan guru, saya ingin menyatakan kekurangan guru terlatih yang terdapat sekarang sebenarnya ialah bagi peringkat sekolah rendah. Guru-guru untuk sekolah rendah tidak mengambil masa 4 tahun untuk dilatih tetapi 3 tahun sahaja. Sungguhpun demikian, bagi guru pelatih yang mengikuti kursus 3 tahun itu, cadangan Kementerian ialah untuk mereka berada di maktab selama 2 tahun sahaja dan bagi tahun yang satu lagi guru-guru ini ditempatkan di sekolah untuk menjalani latihan mengajar. Untuk menampung kekurangan guru terlatih buat sementara guru-guru tanpa latihan yang berpengalaman digunakan.

Saya yakin bahawa kekurangan guru terlatih dan soal kesesakan bilik darjah tidak akan menjadi masalah

menjelang hujung dekad ini. Berasaskan kepada program-program yang saya sebutkan tadi dan berasaskan kepada perancangan Kementerian bagi Rancangan Malaysia Kelima. Memanglah ada, Tuan Yang di-Pertua, constraints yang harus kita hadapi tetapi ini perlu kita usahakan untuk merencangkannya dengan teliti dan lebih bermakna.

Saya telah menghuraikan begitu panjang lebar walaupun Yang Berhormat dari Kepong itu bercakap sedikit sahaja, ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tetap adil dan saksama. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Dia buat cepat-cepat, takut tak cukup korum.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengemukakan masalah iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Dewan Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.